

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN TERHADAP KONSEP *WAKĀLAH*

DALAM AQAD PERKAHWINAN DI

DAERAH YAN KEDAH

Pendahuluan

Mewakilkan kepada pihak kedua untuk melangsungkan aqad perkahwinan adalah merupakan salah satu cara ataupun kaedah yang digunakan dan dibolehkan oleh syara' bagi memudahkan pihak-pihak yang terbabit dalam situasi-situasi tertentu.

Dalam bab yang keempat ini, penulis akan melakukan satu tinjauan khusus tentang tajuk yang diperbahaskan. Kajian dilakukan dengan melihat kepada kefahaman, penghayatan dan amalan serta sebab ianya berlaku dalam masyarakat khusus di Daerah Yan, Kedah Darul Aman.

Penulis telah lakukan kajian ke atas 65 orang responden secara rambang. Pada dasarnya kajian hanya menjurus kepada aqad perkahwinan yang berlangsung pada tahun 1996 hingga tahun 2000 sahaja. Walau bagaimanapun, untuk melengkapkan kajian ini, penulis telah memasukan tiga responden yang melangsungkan aqad perkahwinan pada tahun 2002. Ini kerana penulis telah menghadiri majlis aqad perkahwinan mereka.

Kajian dilakukan oleh penulis dengan melihat kepada tiga (3) kumpulan responden, iaitu responden yang melakukan aqad dengan sendiri, responden yang mewakilkan (*muwakkil*) kepada orang lain untuk melakukan aqad nikah dan responden yang menjadi atau menerima wakil daripada *muwakkil*.

Untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat, penulis telahpun bertemu dengan responden secara terus dan seterusnya memberikan penerangan yang jelas terhadap setiap persoalan yang diajukan. Hal ini adalah penting bagi membolehkan responden dapat memahami setiap soalan yang diajukan dan memberi jawapan yang tepat dengan kehendak soalan dan bagi membolehkan penulis dapat membuat satu kajian dan rumusan yang tepat dengan tajuk kajian.

Dalam bab ini, penulis akan membahagikan perbincangan kepada dua fasal utama, iaitu :

Fasal Pertama: Latar belakang dan kefahaman responden.

Fasal Kedua : Faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman, penghayatan dan pengamalan konsep *wakālah*

FASAL PERTAMA

LATAR BELAKANG DAN KEFAHAMAN RESPONDEN

Penulis telah lakukan kajian ke atas penduduk di Daerah Yan, Kedah. Kajian dilakukan dengan melihat kepada tiga aspek utama iaitu responden yang melangsungkan aqad perkahwinan dengan sendiri, responden yang mewakilkan kepada wakil atau disebutkan dengan *muwakkil* dan aspek yang ketiga ialah responden yang menerima wakil dari *muwakkil* atau lebih dikenali dengan wakil.

Bahagian Pertama: Latar belakang responden.

1.0. Latar belakang responden yang melakukan aqad dengan sendiri.

Jumlah responden yang telah melakukan aqad dengan sendiri ialah 27 orang daripada jumlah keseluruhan. Daripada kajian yang dilakukan didapati bahawa 10 daripada mereka atau 37.04% adalah merupakan wali kepada pengantin perempuan dan selebihnya iaitu 17 responden atau 62.96% adalah merupakan pengantin lelaki. Jadual satu menjelaskan taburan responden mengikut kedudukan mereka dengan aqad yang perkahwinan yang telahpun berlaku.

Jadual 1: Taburan kedudukan responden dengan aqad perkahwinan.

K'dukan Res	Bil	Peratus
Wali pengantin p'puan	10	37.04
Pengantin lelaki	17	62.96
JUMLAH	27	100

Manakala taburan tahun perkahwinan pula, didapati bahawa jumlah perkahwinan yang berlaku pada tahun 1996 ialah 5 perkahwinan, 1997 sebanyak 3 perkahwinan , 1998 bersamaan dengan 6 perkahwinan, 1999 sebanyak 7 perkahwinan, 2000 sebanyak 4 perkahwinan dan akhirnya perkahwinan yang berlaku pada 2002 sebanyak 2 perkahwinan. Taburan tahun perkahwinan diperincikan dalam jadual 2.

Jadual 2: Taburan tahun perkahwinan.

Thn perkahwinan	Bil	Peratus
1996	5	18.52
1997	3	11.11
1998	6	22.22
1999	7	25.93
2000	4	14.81
2002	2	7.41
JUMLAH	27	100

Peringkat umur responden telah dibahagikan kepada lima peringkat. Hasil daripada soal selidik mendapati bahawa terdapat 16 daripada responden berusia antara 21 hingga 35 tahun. Seorang daripada mereka berusia antara 36 hingga 50 tahun, 9 orang berusia antara lingkungan 51 hingga 65 tahun dan seorang mewakili usia 66 tahun ke atas. Jadual 3 memperincikan taburan usia responden.

Jadual 3: Taburan umur responden.

Umur	Bil	Peratus
21-35 thn	16	59.26
36-50 thn	1	3.7
51-65 thn	9	33.33
66 ke atas	1	3.7
JUMLAH	27	99.99

Pekerjaan dan jenis pekerjaan pula diperincikan pada jadual 4 dan 5.

Jadual 4: Bilangan pekerjaan responden.

Pekerjaan	Bil	Peratus
Satu pekerjaan	26	96.30
Dua pekerjaan	1	3.70
JUMLAH	27	100

Jadual 5: Taburan jenis pekerjaan responden.

Pekerjaan	Bil	Peratus
Bertani	10	37.04
Berkebun	1	3.7
Nelayan	3	11.11
Kilang	5	18.52
Berniaga	2	7.41
Sendiri	1	3.7
Wadar penjara	1	3.7
Guru agama	3	11.11
Bertani dan tkg rumah	1	3.7
JUMLAH	27	99.99

Pendapatan bulanan responden penulis bahagikan kepada lima kategori. Walau bagaimanapun jawapan yang diberikan oleh responden hanya memenuhi empat bahagian sahaja. Hal ini dinyatakan pada jadual 6.

Jadual 6: Taburan pendapatan bulanan responden.

Pendapatan	Bil	Peratus
Bawah RM500	6	22.22
RM501-RM1000	15	55.56
RM1001-RM1500	5	18.52

RM1501-RM2000	1	3.7
RM2001 ke atas	-	-
JUMLAH	27	100

Taraf pendidikan responden dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu tidak bersekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Universiti. Dapatkan menunjukkan bahawa responden yang tidak bersekolah berjumlah satu orang sahaja. Manakala responden yang hanya belajar di Sekolah Rendah 3 orang, Sekolah Menengah 18 orang dan Universiti 4 orang. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dengan taraf pendidikan yang disediakan oleh kerajaan ialah 26 orang. Manakala baki seorang daripada responden hanya semata-mata belajar di pusat pengajian Pondok dan tidak terlibat dengan mana-mana bahagian atau taraf pendidikan yang telah disebutkan dalam soalan kajiselidik. Jadual 7 menunjukkan taraf pendidikan responden secara terperinci.

Jadual 7: Taburan taraf pendidikan responden.

Taraf p'didikan	Bil	Peratus
Tidak b'sekolah	1	3.7
Sek Ren	3	11.11
Sek Men	18	66.67
Univ	4	14.81
Pondok	1	3.7
JUMLAH	27	99.99

Secara keseluruhannya, aliran pendidikan penulis bahagikan kepada tiga aliran penting. Ini kerana aliran pendidikan memberi kesan yang mendalam terhadap tajuk yang dikaji. Aliran tersebut ialah Menengah Kebangsaan, Menengah Agama dan Pondok. Jumlah responden yang mendapat pendidikan di aliran Menengah Kebangsaan ialah 13 orang berbanding dengan yang mendapat didikan di aliran Menengah Agama yang berjumlah 7 orang dan Pondok 3 orang. Jumlah keseluruhan ialah 23 orang. Namun apabila jumlah ini dicampurkan dengan responden yang hanya semata-mata belajar di Sekolah Rendah yang berjumlah 3 orang dan responden yang tidak bersekolah sama sekali yang jumlahnya satu orang seperti yang dinyatakan pada jadual 7 maka cukuplah jumlah asal bagi responden yang telah melakukan aqad dengan sendidri iaitu sebanyak 27 orang. Jadual 8 menunjukkan secara jelas taburan aliran pendidikan responden.

Jadual 8: Taburan aliran pendidikan responden.

Aliran p'didikan	Bil	Peratus
Menengah K'saan	13	48.15
Menengah Agama	7	25.93
Pondok	3	11.11
Sek Ren	3	11.11
Tidak b'sekolah	1	3.7
JUMLAH	27	100

Jenis perkahwinan juga adalah merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi aqad yang berlangsung. Dalam kajian ini penulis membahagikan bentuk atau jenis perkahwinan kepada lima bahagian. Jawapan yang diterima daripada responden hanyalah dua bahagian sahaja iaitu pilihan sendiri dan dipersetujui oleh keluarga yang jumlahnya 14 orang atau 51.85% dan keduanya daripada bentuk perkahwinan ialah pilihan keluarga dan dipersetujui oleh pengantin yang jumlahnya 13 orang atau 48.15%.

Jadual 9 memperincikan taburan jenis perkahwinan responden.

Jadual 9: Jenis perkahwinan responden.

Jenis p'kahwinan	Bil	Peratus
Pilihan sendiri dan dip'setujui keluarga	14	51.85
Pilihan sendiri dan tidak dip'setujui keluarga	-	-
Pilihan keluarga dan dip'setujui pengantin	13	48.15
Pilihan keluarga dan tidak dip'setujui pengantin	-	-
Kahwin paksa	-	-
JUMLAH	27	100

Kajian juga menyentuh tentang kewujudan pusat pengajian agama di sekitar kawasan tempat tinggal responden dan tentang kewujudan pengajian agama secara tidak formal di Masjid-masjid atau Surau-surau yang berdekatan dengan kediaman responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua responden mengatakan adanya pengajian secara tidak formal di sekitar kawasan kediaman mereka. Manakala kewujudan pusat

pengajian agama pula, didapati bahawa 25 daripada mereka mengatakan ya dan selebihnya mengatakan tidak. Hal ini jelas seperti yang tertera pada jadual 10.

Jadual 10: Kewujudan pusat pengajian agama di sekitar kediaman responden.

K'judan pusat peng agama	Bil	Peratus
Ya	25	92.59
Tidak	2	7.41
JUMLAH	27	100

Manakala kehadiran responden ke majlis pengajian yang telah diadakan secara tidak formal pula didapati bahawa 5 daripada mereka mengatakan bahawa selalu hadir berbanding dengan 17 responden yang hanya kadang-kadang sahaja menghadirinya dan 2 daripada mereka yang terlalu jarang san selebihnya tidak menghadirkan diri sama sekali ke majlis-majlis pengajian yang telah diadakan. Secara terperincinya ditunjukkan pada jadual 11.

Jadual 11: Kehadiran responden ke majlis pengajian yang telah diadakan secara tidak formal.

K'diran Res	Bil	Peratus
Selalu	5	18.52
Kadang-kadang	17	62.96

Terlalu jarang	2	7.41
Tidak hadir sama-sekali	3	11.11
JUMLAH	27	100

2.0. Latar belakang *muwakkil*.

Hasil daripada kajian yang dibuat mendapati bahawa jumlah *muwakkil* yang telah mewakilkan kepada pihak lain ataupun wakil untuk melangsungkan aqad bagi pihak mereka ialah 19 orang atau 29.23% daripada jumlah keseluruhan. Kesemua *muwakkil* yang ditemui adalah merupakan wali kepada pengantin perempuan. Ini bermakna tidak ada seorang pun daripada pengantin lelaki yang mewakilkan kepada orang lain untuk mengahwinkannya dengan mana-mana pengantin perempuan.

Taburan tahun perkahwinan pula didapati bahawa aqad yang berlaku pada tahun 1996 ialah 4 perkahwinan berbanding dengan yang berlaku pada tahun 1997 sebanyak satu perkahwinan sahaja. Manakala aqad yang berlaku pada tahun 1998 pula ialah 7 perkahwinan berbanding dengan yang berlaku pada tahun 1999 sebanyak satu perkahwinan dan tahun 2000 sebanyak 5 perkahwinan. Aqad perkahwinan yang berlangsung pada tahun 2002 ialah satu sahaja. Jadual 12 menunjukkan taburan tahun perkahwinan bagi setiap *muwakkil*.

Jadual 12: Taburan tahun perkahwinan.

Tahun	Bil	Peratus
1996	4	21.05
1997	1	5.26
1998	7	36.84
1999	1	5.26
2000	5	26.32
2002	1	5.26
JUMLAH	19	99.99

Umur sewaktu berlakunya aqad perkahwinan pula dibahagikan kepada lima kategori. Hasil daripada maklumbalas *muwakkil*, didapati bahawa jumlah mereka yang yang berumur 20 tahun ke bawah ialah dua orang atau 10.53% berbanding dengan responden yang berusia 21 hingga 35 tahun yang berjumlah 3 orang atau 15.79%. Manakala *muwakkil* yang berusia 36 hingga 50 tahun pula ialah 6 orang atau 31.58%. berbanding dengan responden yang berusia 51 hingga 65 tahun yang berjumlah 8 orang atau 42.10%. *Muwakkil* yang berusia 66 tahun keatas tiada. Jadual 13 menunjukkan taburan umur *muwakkil* dengan terperinci.

Jadual 13: Taburan umur *muwakkil*.

Umur	Bil	Peratus
20 thn ke bwh	2	10.53
21-35 thn	3	15.79
36-50 thn	6	31.58
51-65 thn	8	42.10
66 thn ke atas	-	-
JUMLAH	19	100

Pekerjaan *muwakkil* pula penulis dapati daripada maklumbalas yang telah diterima bahawa terdapat 8 jenis pekerjaan yang dilakukan. Jadual 14 menjelaskannya secara jelas.

Jadual 14: Taburan pekerjaan *muwakkil*.

Pekerjaan	Bil	Peratus
Bertani	10	52.64
Nelayan	2	10.53
Kilang	2	10.53
Berniaga	1	5.26
Polis	1	5.26
Sendiri	1	5.26
Buruh kasar	1	5.26

Pemandu Bas	1	5.26
JUMLAH	19	100

Dalam kajian yang dilakukan, penulis telah membahagikan pendapatan bulanan *muwakkil* kepada lima peringkat iaitu bawah RM500, RM501 hingga RM1000. RM1001 hingga RM1500, RM1501 hingga RM2000 dan RM2001 ke atas. Hasil daripada maklumat yang diperolehi mendapat bahawa *muwakkil* yang berpendapatan RM500 ke bawah berjumlah 6 orang. Manakala yang berpendapatan RM501-RM1000 pula ialah 7 orang berbanding dengan yang berpendapatan RM1001-RM1500 yang berjumlah 4 orang dan 2 orang bagi kategori RM1501-RM2000. Jadual 15 menunjukkan taburan pendapatan *muwakkil*.

Jadual 15: Taburan pendapatan *muwakkil*.

Pendapatan	Bil	Peratus
Bawah RM500	6	31.58
RM501-RM1000	7	36.84
RM1001-RM1500	4	21.05
RM1501-RM2000	2	10.53
RM2000 ke atas	-	-
JUMLAH	19	100

Taraf pendidikan *muwakkil* penulis bahagikan kepada empat bahagian utama. Jawapan yang diterima mendapati bahawa 2 daripada mereka atau 10.53% adalah tidak bersekolah sama sekali berbanding dengan *muwakkil* yang mendapat pendidikan di Sekolah Rendah yang berjumlah 9 orang atau 47.37%. Manakala mereka yang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah pula berjumlah 8 orang atau 42.10%. Jadual 16 menjelaskan taburan taraf pendidikan *muwakkil* dengan lengkap.

Jadual 16: Taburan taraf pendidikan *muwakkil*.

Taraf p'didikan	Bil	Peratus
Tidak b'sekolah	2	10.53
Sek Ren	9	47.37
Sek Men	8	42.10
Univ	-	-
JUMLAH	19	100

Aliran pendidikan *muwakkil* pula, penulis bahagikannya kepada tiga aliran. Hasilnya didapati bahawa 4 daripada mereka telah mendapat pendidikan di aliran Menengah Kebangsaan. 3 daripada mereka pula telah mendapat didikan di aliran Menengah Agama dan 4 daripadanya telah mendapat didikan di aliran Pondok. Jumlah *muwakkil* yang terlibat dengan aliran pendidikan seperti yang disediakan pada borang kaji selidik ialah 11 orang. Namun apabila dicampurkan dengan yang tidak bersekolah iaitu 2 orang dan 6 orang yang hanya mendapat didikan di Sekolah Rendah, maka

cukuplah jumlah asal *muwakkil* iaitu 19 orang. Jadual 17 menunjukkan taburan aliran *muwakkil*.

Jadual 17: Taburan aliran pendidikan *muwakkil*.

Aliran p'didikan	Bil	Peratus
Men Keb	4	21.05
Men Agama	3	15.79
Pondok	4	21.05
JUMLAH	11	57.89

Kajiselidik juga melihat kepada jenis perkahwinan. Hasil daripada maklumbalas *muwakkil* didapati bahawa hanya 2 jenis perkahwinan sahaja yang berlaku iaitu pilihan sendiri dan dipersetujui oleh keluarga dan keduanya pilihan keluarga dan dipersetujui oleh pengantin. Jadual 18 memperincikan lagi maklumat ini.

Jadual 18: Jenis perkahwinan responden.

Jenis perkahwinan	Bil	Peratus
Pilihan s'diri & dip'setujui keluarga	57.89	11
Pilihan keluarga & dip'setujui pengantin	8	42.11
JUMLAH	19	100

Seterusnya kajian melihat tentang kewujudan pusat pengajian agama secara formal seperti Sekolah Agama atau Pondok dan pengajian agama secara tidak formal seperti di Masjid-masjid, Surau-surau dan sebagainya di sekitar kediaman *muwakkil*. Ini kerana kedua-dua faktor ini turut memberi kesan kepada diri *muwakkil* secara tidak langsung¹ khususnya dalam pengamalan dan penghayatan kepada tajuk kajian. Hasil daripada maklum balas yang dikumpulkan mendapati bahawa 14 daripada mereka atau 73.68% tinggal berdekatan dengan pusat pengajian agama secara formal berbanding dengan selebihnya iaitu 5 orang atau 26.31% yang tinggal berjauhan dengan pusat-pusat pengajian. Manakala kewujudan pengajian agama secara tidak formal pula didapati bahawa kesemua *muwakkil* mengatakan adanya pengajian agama di sekitar kediaman mereka. Jadual 19 menunjukkan taburan kewujudan pusat pengajian agama secara formal di sekitar kediaman *muwakkil*.

Jadual 19: Taburan kewujudan pusat pengajian di sekitar kediaman *muwakkil*.

Pusat pengajian	Bil	Peratus
Ya	14	73.68
Tidak	5	26.32
JUMLAH	19	100

¹ Kebiasaannya manusia akan terpengaruh dengan keadaan sekeliling. Bagi mereka yang tinggal berdekatan dengan pusat pengajian biasanya lebih menguasai ilmu pengetahuan berbanding dengan yang sebaliknya. Ini bermakna kemungkinan untuk mereka melakukan aqad dengan sendiri adalah lebih banyak. Namun mungkin disebabkan oleh perasaan hormat pada tuan guru adalah lebih menyebabkan mereka lebih inginkan supaya tuan guru yang melakukan aqad bagi pihak mereka. Ataupun mungkin di sana terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi mereka. Bagi penulis hal ini perlu dilihat dengan lebih mendalam lagi.

Selain daripada melihat kepada adanya pengajian agama secara tidak formal di sekitar kediaman *muwakkil*, kajian juga menyentuh tentang kehadiran mereka ke majlis pengajian yang telah diadakan. Hasilnya didapati bahawa 7 daripada *muwakkil* adalah merupakan mereka yang selalu menghadiri majlis yang telah diadakan. Kajian juga mendapati bahawa 8 daripada mereka hanya kadang-kadang sahaja menghadiri majlis pengajian yang diadakan. Manakala 3 daripada mereka adalah terdiri daripada kalangan yang terlalu jarang menghadiri pengajian dan selebihnya iaitu seorang tidak menghadiri pengajian sama sekali. Jadual 20 menunjukkan kehadiran *muwakkil* ke majlis pengajian tidak formal yang telah diadakan.

Jadual 20: Taburan kehadiran *muwakkil* ke majlis pengajian tidak formal.

Kehadiran	Bil	Peratus
Selalu	7	36.84
Kadang-kadang	8	42.11
Terlalu jarang	3	15.79
Tidak hadir	1	5.26
JUMLAH	19	100

3.0. Latar belakang wakil

Bahagian ketiga daripada responden ialah wakil. Kesemua mereka adalah lelaki dan berjumlah 19 orang atau 29.23% daripada jumlah keseluruhan.

Hasil daripada kajiselidik mendapati bahawa 17 daripada mereka atau 89.47% adalah merupakan mereka yang pernah menjadi wakil pada kesemua tahun yang dikaji iaitu dari 1996 hingga 2000. Manakala baki iaitu 2 orang hanya pernah menjadi wakil masing-masing pada tahun 1996 dan 2000. Jadual 21 menunjukkan taburan tahun pengalaman wakil melangsungkan aqad perkahwinan.

Jadual 21: Taburan pengalaman wakil.

Tahun	Bil	Peratus
1996	1	5.26
2000	1	5.26
1996 – 2000	17	89.48
JUMLAH	19	100

Manakala umur wakil pula berdasarkan kepada jawapan yang diterima mendapati bahawa jumlah mereka yang berumur 36 hingga 50 hanya seorang sahaja berbanding dengan yang berumur 51 hingga 65 yang berjumlah 10 orang dan wakil yang berumur

66 ke atas pula berjumlah 8 orang. Umur wakil secara lengkapnya ditunjukkan oleh jadual 22.

Jadual 22 : Taburan umur wakil.

Umur	Bil	Peratus
31-50 thn	1	5.26
51-65 thn	10	52.63
66 ke atas	8	42.11
JUMLAH	19	100

Pekerjaan wakil termasuk antara maklumat yang dilihat oleh penulis sewaktu kaji selidik dijalankan. Hasil daripada maklumat yang dikumpulkan didapati bahawa kesemua mereka adalah merupakan Imam-Imam atau bekas Imam Masjid Qaryah masing-masing. Cuma bezanya terdapat di antara mereka yang hanya semata-mata menjadi Imam dan tidak melakukan apa-apa pekerjaan yang lain dan ada di antara mereka yang turut melakukan kerja-kerja yang lain di samping menjadi Imam. Hasil daripada kaji selidik mendapati bahawa 15 daripada mereka adalah merupakan Imam dan di samping itu juga mereka adalah merupakan petani. Selain dari itu didapati juga seorang daripada mereka adalah merupakan Imam dan pekebun. Manakala seorang lagi menjalankan perniagaan di samping menjadi Imam. Baki dua orang daripada mereka hanyalah semata-mata menjadi Imam di qaryah masing-masing. Jadual 23 menunjukkan pekerjaan wakil secara terperinci.

Jadual 23: Taburan pekerjaan wakil.

Pekerjaan	Bil	Peratus
Imam & petani	15	78.95
Imam & berkebun	1	5.26
Imam & berniaga	1	5.26
Imam shj	2	10.53
JUMLAH	19	100

Pendapatan bulanan wakil pula, didapati bahawa 8 daripada mereka berpendapatan bawah RM500, 5 dari wakil berpendapatan RM501 hingga RM1000. Manakala bakinya merupakan mereka yang berpendapatan RM1001 hingga RM2000.

Jadual 24: Taburan pendapatan wakil secara terperinci.

Pendapatan	Bil	Peratus
Bawah RM500	8	42.11
RM500-RM1000	5	26.31
RM1001-RM1500	6	31.58
JUMLAH	19	100

Taraf pendidikan wakil adalah merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi pengetahuan dan penghayatan mereka terhadap tajuk yang dikaji. Berdasarkan kepada

jawapan yang diterima, penulis dapati dua daripada mereka tidak mendapat pendidikan secara formal samasekali. Dengan ertikata kedua-dua mereka ini tidak belajar di mana-mana sekolah samaada Sekolah Rendah, Menengah, Universiti atau Pondok. Sebaliknya mereka hanya mempelajari dan mendalami ilmu agama secara tidak formal yang telah diadakan di kampung-kampung. Kumpulan ini mewakili 10.53% daripada jumlah keseluruhan. Manakala wakil yang belajar di Sekolah Rendah pula sebanyak 4 orang yang mewakili 21.05%. Wakil yang belajar di Sekolah Menengah berjumlah 9 orang yang mewakili 47.37%. Wakil yang mendapat pendidikan di Universiti pula hanya satu orang sahaja yang bersamaan dengan 5.26%. Jumlah keseluruhan ialah 16 orang. Baki wakil ialah 3 orang yang mana mereka ini tidak terlibat dengan mana-mana pengajian yang disediakan oleh Kerajaan sebaliknya mereka ini belajar agama secara sepenuhnya di Pondok-pondok yang telah ditubuhkan oleh Tuan-tuan Guru yang terdahulu. Peratus kumpulan ini ialah 15.78%. Jadual 25 menjelaskan taburan taraf pendidikan wakil.

Jadual 25: Taburan taraf pendidikan wakil.

Taraf p'didikan	Bil	Peratus
Tidak b'sekolah	2	10.53
Sek Ren	4	21.05
Sek Men	9	47.37
Univ	1	5.26
Pondok shj	3	15.79
JUMLAH	19	100

Selain dari taraf pendidikan, aliran pendidikan adalah merupakan faktor penting bagi menunjukkan pengamalan dan penghayatan wakil terhadap konsep *wakālah*. Hasil daripada soal selidik yang telah dibuat, didapati bahawa 7 daripada mereka atau 36.84% adalah terdiri daripada mereka yang mendapat didikan di Sekolah Menengah Agama, 9 orang wakil atau 47.37% telah mendapat didikan daripada pusat pengajian Pondok dan 2 orang atau 10.53% hanya belajar agama secara tidak formal yang telah diadakan di kampung. Baki seorang daripada mereka telah belajar agama di dua jenis aliran iaitu aliran Menengah Agama dan Pondok. Jadual 26 menjelaskan secara terperinci taburan aliran pengajian wakil.

Jadual 26: Taburan aliran wakil.

Aliran pendidikan	Bilangan	Peratus
Men Agama	7	36.84
Pondok	9	47.37
Pondok & Men Agama	1	5.26
Agama di Kampung	2	10.53
JUMLAH	19	100

Kewujugan pusat pengajian disekitar tempat tinggal wakil pula, didapati bahawa 12 daripada mereka atau 63.16% mengatakan ya dan selebihnya iaitu 36.84% mengatakan tidak.

Manakala kewujudan pengajian agama secara tidak formal yang diadakan di masjid-masjid atau surau dan seumpamanya yang berdekatan dengan tempat tinggal wakil, didapati bahawa kesemua mereka mengatakan ya, bahkan kesemua mereka adalah merupakan individu-individu yang turut mengisi pengajian-pengajian yang diadakan tersebut.

Selain dari itu, kajian juga menyentuh kepada kehadiran wakil ke majlis-majlis pengajian tersebut. Hasil dari maklumbalas yang diterima, didapati bahawa 17 daripada mereka atau 89.47% adalah merupakan dari kalangan yang selalu hadir ke majlis-majlis tersebut. Manakala selebihnya iaitu 10.53% adalah merupakan wakil yang hanya kadang-kadang hadir dan kadang-kadang tidak. Jadual 27 menunjukkan secara terperinci taburan kehadiran wakil ke majlis pengajian agama secara tidak formal yang telah diadakan.

Jadual 27: Taburan kehadiran wakil ke majlis pengajian agama.

Kehadiran	Bil	Peratus
Selalu	17	89.47
Kadang-kadang	2	10.53
JUMLAH	19	100

Bahagian Kedua: Kefahaman Responden

Untuk melihat kefahaman dan penghayatan responden dengan tajuk kajian, penulis telah mengemukakan beberapa soalan khusus mengenainya. Bagi melihat secara mendalam, soalan-soalan telah dikemukakan dalam tiga bahagian iaitu:

- i) Soalan khusus kepada responden yang melakukan aqad dengan sendiri.
- ii) Soalan khusus kepada *muwakkil*
- iii) Soalan khusus kepada wakil.

1.0. Responden yang melakukan aqad dengan sendiri.

Soalan pertama yang diajukan ialah berkenaan dengan pengalaman responden dengan aqad perkahwinan. Soalan ini diajukan kerana pengalaman adalah merupakan salah satu faktor yang turut memberi kesan kepada tajuk kajian khususnya bagi mereka yang melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan yang diterima dari responden menunjukkan bahawa 88.24% dari pengantin lelaki adalah terdiri dari mereka yang tidak berpengalaman dengan aqad perkahwinan. Ini berbeza dengan wali kepada pengantin perempuan di mana 70% dari mereka adalah merupakan orang yang berpengalaman berbanding dengan selebihnya iaitu 30% yang tidak berpengalaman. Jadual satu menunjukkan taburan pengalaman responden dengan aqad perkahwinan.

Jadual 1: Taburan pengalaman responden dengan aqad perkahwinan.

Pengalaman	P'tin lelaki	Wali p'tin p'puan
Ya	2 (11.76)	7 (70)
Tidak	15 (88.24)	3 (30)
JUMLAH	17 (100)	10 (100)

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual satu menunjukkan bahawa pengalaman hanya memberi kesan kepada wali pengantin perempuan sahaja. Manakala bagi pengantin lelaki, ianya tidak memberi sebarang kesan, sebaliknya pengantin lelaki tidak memerlukan kepada pengalaman untuk melakukan aqad dengan sendiri.

Soalan kedua yang telah dikemukakan ialah berkenaan dengan penguasaan atau pengetahuan responden terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan. Dapatan yang diterima adalah seperti yang dinyatakan di jadual 2.

Jadual 2: Pengetahuan responden dengan hukum perkahwinan.

Peng	P'tin lelaki	Wali p'tin p'puan
Sepenuhnya	10 (58.82)	5 (50)
Sbhg Besar	2 (11.76)	3 (30)
Separuh	4 (23.53)	1 (10)
Sedikit	1 (5.88)	1 (10)
Tidak m'tahui langsung	- (-)	- (-)

JUMLAH	17 (99.99)	10 (100)
---------------	-------------------	-----------------

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 2 menunjukkan bahawa peratus penguasaan dan pengetahuan responden secara sepenuhnya kepada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dari kalangan pengantin lelaki adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan peratus penguasaan dan pengetahuan wali kepada pengantin perempuan. Walau bagaimanapun, peratus penguasaan sebahagian besar daripada hukum aqad perkahwinan dari wali pengantin perempuan adalah lebih tinggi iaitu 30% berbanding dengan 11.76% daripada pengantin lelaki. Manakala penguasaan separuh dari hukum aqad perkahwinan pula adalah lebih tinggi dari kalangan pengantin lelaki iaitu 23.53% berbanding dengan hanya 10% dari wali pengantin perempuan. Penguasaan sedikit sahaja dari hukum berkenaan aqad perkahwinan pula didapati bahawa peratus adalah lebih tinggi dari pihak wali pengantin perempuan yang mana ianya berjumlah 10% berbanding 5.88% dari pengantin lelaki. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya pengetahuan responden dengan sepenuhnya terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dari kedua-dua pihak adalah tinggi iaitu 15 orang berbanding dangan yang mengetahui sebahagian besar dan separuh yang mana jumlahnya masing-masing 5 orang. Begitu juga dengan yang mengetahui sedikit sahaja yang berjumlah 2 orang .

Soalan ketiga yang diajukan ialah berkenaan dengan tahap pengetahuan mereka terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan seperti mahar dan nafkah. Dapatkan secara terperinci dijelaskan oleh jadual 3.

Jadual 3: Pengetahuan responden dengan hak-hak aqad perkahwinan.

Peng res	P'tin lelaki	Wali p'tin p'puan
Sepenuhnya	10 (58.82)	5 (50)
Sbhg besar	3 (17.65)	3 (30)
Separuh	3 (17.65)	1 (10)
Sedikit	1 (5.88)	1 (10)
JUMLAH	17 (100)	10 (100)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa penguasaan pengantin lelaki secara sepenuhnya dan separuh kepada hak-hak yang bersangkutan dengan hak-hak aqad perkahwinan adalah lebih tinggi iaitu 58.82 % bagi tahap sepenuhnya dan 17.65% bagi tahap separuh berbanding dengan pengetahuan wali kepada pengantin perempuan iaitu 50% bagi tahap sepenuhnya dan 10% bagi tahap separuh. Manakala pengetahuan bagi tahap sebahagian besar dan sedikit pula didapati bahawa peratus wali kepada pengantin perempuan adalah lebih tinggi iaitu 30% dan 10% berbanding dengan 11.76% dan 5.88% yang diperolehi daripada pengantin lelaki. Secara umumnya, jadual menunjukkan bahawa tahap kefahaman tahap sepenuhnya responden dari kedua-dua bahagian kepada hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan adalah lebih tinggi iaitu 15 responden berbanding dengan yang hanya mengetahui sebahagian besar iaitu 6 orang. Begitu juga jika dibandingkan dengan yang mengetahui separuh sahaja yang berjumlah 4 orang dan yang hanya mengetahui sedikit daripadanya berjumlah 2 responden.

Soalan keempat yang diajukan menyentuh tentang sebab-sebab mereka melakukannya dengan sendiri tanpa diwakilkan kepada pihak-pihak yang lain. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor penting yang telah mendorong mereka untuk melakukannya dengan sendiri. Jadual 4 menunjukkan secara terperinci faktor-faktor tersebut.

Jadual 4: Taburan faktor utama responden melakukan aqad dengan sendiri.

Faktor	P'tin lelaki	Wali p'tin p'puan
Ingin mencuba	1 (5.88)	- (-)
M'praktikkan Ilmu	3 (17.65)	1 (10)
Lebih Yakin dgn diri s'diri	3 (17.65)	1 (10)
Diberi peluang	4 (23.53)	- (-)
Anak sendiri	- (-)	1 (10)
Tiada wali m'bir	1 (5.88)	1 (10)
Ambil yg t'baik	1 (5.88)	- (-)
Kehendak sendiri	- (-)	1 (10)
M'praktik ilmu dan lebih yakin dgn diri sendiri	1 (5.88)	1 (10)
Ingin m'cuba, m'praktikkan ilmu dan Lebih yakin dgn diri s'diri.	1 (5.88)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri dan diberi peluang	1 (5.88)	- (-)
Ingin m'cuba dan lebih afdal	- (-)	1 (10)
Diberi peluang dan lebih afdal	- (-)	1 (100)
Tiada jawapan	1 (5.88)	2 (10)
JUMLAH	17 (99.99)	10 (100)

- Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 4 menunjukkan bahawa faktor lebih yakin dengan diri sendiri adalah merupakan faktor paling utama responden daripada kalangan pengantin lelaki melakukan aqad dengan sendiri. Ini kerana ianya diwakili oleh 6 responden iaitu 3 oleh responden yang hanya memberi satu faktor dan 3 oleh responden yang memberikan lebih dari satu faktor. Seterusnya diikuti oleh faktor diberi peluang oleh pihak-pihak tertentu seperti Imam dan Kadi dan faktor ingin mempraktikkan ilmu yang mana masing-masing diwakili oleh 5 responden dari kalangan mereka yang memberikan satu faktor dan yang memberikan lebih dari dua faktor. Faktor ingin mencuba adalah merupakan faktor pilihan ketiga dari kalangan pengantin lelaki yang mana ianya telah diwakili oleh seorang responden yang memberikan satu faktor dan seorang dari kalangan yang telah memberikan lebih dari satu faktor. Faktor terakhir yang menjadi pilihan pengantin lelaki ialah ketiadaan *wali mujbir* dan mengambil yang terbaik yang mana setiap satunya telah diwakili oleh seorang responden. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Manakala wali pengantin perempuan pula didapati bahawa lima daripada mereka telah memberikan satu jawapan sahaja kepada faktor mereka melakukan aqad dengan sendiri dan tiga daripada mereka telah memberikan lebih dari satu jawapan. Manakala baki iaitu dua orang daripada mereka tidak memberikan apa-apa jawapan. Hasilnya didapati bahawa faktor ingin mempraktikkan ilmu dan faktor mengambil yang terbaik atau lebih *afdal* sebagai faktor utama dan ianya telah diwakili oleh dua orang iaitu dari kalangan mereka yang telah memberikan satu jawapan dan lebih dari satu jawapan. Seterusnya diikuti oleh faktor lebih yakin dengan diri sendiri, karana anak sendiri, ketiadaan *wali mujbir* dan kehendak sendiri sebagai faktor kedua yang mana setiap satunya telah diwakili oleh seorang sahaja atau 10% bagi setiap satunya. Responden yang menjadikan

lebih dari satu faktor pula iaitu faktor ingin mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri sendiri, faktor ingin mencuba dan lebih *afdal* dan faktor diberi peluang oleh pihak yang tertentu seperti Imam atau Kadi dan kerana lebih *afdal* masing-masing telah diwakili oleh seorang responden atau 10% bagi setiap satunya.

Soalan kelima yang telah diajukan ialah tentang sebab-sebab mereka tidak mewakilkan kepada pihak-pihak tertentu seperti Imam atau Kadi untuk melakukan aqad perkahwinan. Dapatan yang diterima dijelaskan pada jadual lima.

Jadual 5: Taburan faktor tidak mewakilkan kepada pihak lain.

Faktor-faktor	P'tin lelaki	Wali p'tin p'puan
Anda lebih layak	10 (58.82)	6 (60)
Tidak yakin dgn kebolehan mrk	1 (5.88)	- (-)
B'laku p'selisihan	- (-)	- (-)
P'bezaan fahaman politik	1 (5.88)	- (-)
Ambil yg terbaik (<i>afdal</i>)	1 (5.88)	1 (10)
M'praktik apa yg dipelajari	1 (5.88)	- (-)
Anda lebih layak & p'bezaan Fahaman politik	- (-)	2 (20)
Tiada jawapan	3 (17.65)	1 (10)
JUMLAH	17 (99.99)	10 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 5 menunjukkan bahawa kefahaman responden terhadap tajuk kajian adalah tinggi. Ini kerana faktor lebih layak adalah merupakan faktor utama pilihan pengantin lelaki yang mana jumlah mereka yang menjadikannya sebagai faktor tidak mewakilkan kepada pihak-pihak yang lain sebanyak 10 orang atau 58.82%. Manakala wali pengantin perempuan yang telah menjadikannya sebagai faktor utama ialah sebanyak 6 orang atau 60%. Pengantin lelaki yang menjadikan faktor tidak yakin dengan kebolehan pihak lain, perbezaan fahaman politik, keinginan untuk mempraktikkan apa yang dipelajari dan lebih *afdal* sebagai faktor pilihan kedua yang mana setiap satunya telah diwakili oleh seorang responden atau 5.88%. Manakala baki dari pengantin lelaki tidak memberikan apa-apa jawapan. Faktor pilihan kedua bagi wali kepada pengantin perempuan pula ialah kerana merasakan mereka lebih *afdal* dan ianya telah diwakili oleh seorang responden. Jadual 5 juga menunjukkan bahawa terdapat dikalangan mereka yang telah memberikan dua jawapan iaitu kerana mereka lebih *afdal* dan berlakunya perbezaan fahaman politik. Ianya diwakili oleh dua orang responden atau 20%. Manakala baki daripada wali perempuan tidak memberikan apa-apa jawapan.

Jadual secara umumnya menunjukkan faktor diri sendiri lebih layak dari orang lain adalah merupakan faktor terpenting responden tidak mewakilkan kepada mana-mana pihak untuk menggantikan tempatnya bagi melakukan aqad perkahwinan. Ini dapat dibuktikan dengan 16 orang dari jumlah keseluruhan telah menjadikannya sebagai faktor mereka tidak mewakilkan kepada pihak lain. Seterusnya diikuti oleh faktor lebih *afdal* dan perbezaan fahaman politik sebagai faktor kedua dan akhirnya faktor tidak yakin

dengan pihak lain dan ingin mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari sebagai faktor ketiga.

Persoalan terakhir yang diajukan kepada responden ialah tentang tahap kepuasan mereka dengan aqad yang dilakukan oleh mereka sendiri. Dapatan yang diterima menunjukkan bahawa tahap kepuasan mereka amatlah tinggi. Ini kerana 100% dari wali kepada pengantin perempuan berpuas hati dengan aqad yang telah dilakukan oleh mereka dan diikuti oleh 94.12% dari kalangan pengantin lelaki. Manakala baki daripada pengantin lelaki tidak memberikan jawapan. Jadual 6 menunjukkan secara terperinci tahap kepuasan responden dengan aqad yang telah dilakukan.

Jadual 6: Taburan tahap kepuasan responden.

Tahap kepuasan	P'tin lelaki	Wali p'tin p'puan
Ya	16 (94.12)	10 (100)
Tidak	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (5.88)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	10 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

2.0. *Muwakkil*.

Untuk mendapatkan maklumat yang lengkap daripada *muwakkil*, 23 soalan telah diajukan. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka yang berjumlah 19 orang telahpun memberikan jawapan yang memberangsangkan dan lengkap untuk menyempurnakan kajian.

Soalan pertama yang diajukan menyentuh tentang pengalaman *muwakkil* dengan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa 8 daripada mereka atau 42.11% berpengalaman dengan tajuk yang dikaji berbanding dengan yang tidak berpengalaman iaitu sebanyak 11 orang atau 57.89%. Ini menunjukkan bahawa pengalaman *muwakkil* dengan tajuk kajian tidak memberi sebarang kesan. Ini kerana hampir separuh dari mereka yang berpengalaman telahpun berwakil kepada pihak lain. Jadual 7 menunjukkan taburan pengalaman *muwakkil* dengan tajuk kajian.

Jadual 7: Taburan pengalaman *muwakkil* dengan tajuk kajian.

Pengalaman	Bil	Peratus
Ya	8	42.11
Tidak	11	57.89
JUMLAH	19	100

Soalan kedua menyentuh tentang tahap pengetahuan *muwakkil* dengan hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan. Dapatkan secara terperinci dijelaskan pada jadual 8.

Jadual 8: Taburan pengetahuan *muwakkil* dengan hukum-hukum aqad perkahwinan.

Pengetahuan	Bil	Peratus
Sepenuhnya	6	31.58
Sbhg besar	4	21.05
Separuh	6	31.58
Sedikit	3	15.79
JUMLAH	19	100

Jadual 8 menunjukkan bahawa pengetahuan *muwakkil* dengan tajuk kajian kurang memuaskan. Dapatkan menunjukkan bahawa hanya 6 daripada mereka iaitu 31.58% mengetahui sepenuhnya hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan. 4 daripada mereka atau 21.05% pula telah mengetahui sebahagian besar dari hukum berkenaan. *Muwakkil* yang mengetahui separuh sahaja dari hukum berkenaan berjumlah 6 orang atau 31.58% berbanding dengan yang hanya mengetahui sedikit sahaja iaitu 3 orang atau 15.79%.

Soalan ke 3 dan 4 yang diajukan menyentuh tentang pengetahuan mereka kepada makna *wakālah* dan hak-hak yang bersangkutan dengannya. Jadual 9 dan 10 menjelaskan dapatan yang diterima secara terperinci.

Jadual 9: Taburan pengetahuan *muwakkil* kepada makna *wakālah*.

Pengetahuan	Bil	Peratus
Sepenuhnya	8	42.11
Sbhg besar	3	15.79
Separuh	5	26.31
Sedikit	3	15.79
Tidak m'tahui	-	-
JUMLAH	19	100

Jadual 10: Taburan pengetahuan *muwakkil* kepada hak-hak *wakālah*

Pengetahuan	Bil	Peratus
Sepenuhnya	10	52.63
Sbhg besar	3	15.79
Separuh	3	15.79
Sedikit	3	15.79
JUMLAH	19	100

Jadual 9 dan 10 menunjukkan bahawa pengetahuan *muwakkil* kepada makna dan hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah* agak tinggi. Ini kerana dapatan menunjukkan bahawa tidak ada seorang pun dari kalangan responden yang tidak mengetahui langsung hukum-hukum dan hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*. Walau bagaimanapun perbezaan berlaku pada tahap pengetahuan sahaja.

Soalan kelima yang dikaji ialah siapakah yang lebih berhak dan lebih layak untuk melakukan aqad perkahwinan mengikut pandangan *muwakkil*. Hasil daripada jawapan yang diberikan didapati bahawa 14 daripada mereka mengatakan bahawa diri sendiri adalah lebih berhak berbanding dengan 3 *muwakkil* yang mengatakan bahawa tuan Imam adalah lebih berhak. Seorang daripada mereka mengatakan bahawa Tuan Kadi lebih layak dan bakinya mengatakan tuan Imam dan Tuan Kadi yang lebih berhak untuk melakukan aqad perkahwinan berbanding dengan diri mereka sendiri. Jadual 11 memperincikan maklumat pengetahuan *muwakkil* tentang pihak yang lebih berhak untuk melakukan aqad.

Jadual 11: Pihak yang lebih berhak untuk melakukan aqad.

Pihak yg lebih b'hak	Bil	Peratus
Res sendiri	14	73.68
Tuan Imam	3	15.79
Tuan Qadhi	1	5.26
Tuan Guru	-	-
T. Imam & T. Qadhi	1	5.26

JUMLAH	19	99.99
---------------	-----------	--------------

Jadual di atas menunjukkan bahawa *muwakkil* yang mengatakan bahawa mereka adalah lebih berhak untuk melakukan aqad adalah tinggi iaitu 73.68% berbanding dengan yang sebaliknya. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat sebilangan kecil yang cetek pengetahuannya apabila menyatakan bahawa pihak lain adalah lebih berhak untuk melakukan aqad iaitu sebanyak 5 orang atau 26.31%.

Soalan keenam ditujukan khusus kepada *muwakkil* yang telah menyatakan bahawa pihak lain seperti Tuan Imam dan Tuan Kadi adalah lebih berhak untuk melangsungkan aqad perkahwinan berbanding dengan diri sendiri. Ianya bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kepada pandangan mereka tersebut. Dapatkan menunjukkan bahawa 2 daripada mereka mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh pihak terbabit adalah lebih meyakinkan dan seorang dari mereka pula mengatakan bahawa pihak terbabit adalah lebih berkelayakkan. Manakala bakinya pula mengatakan bahawa kerana ingin mengambil jalan mudah.

Manakala soalan ketujuh pula, adalah merupakan soalan khusus kepada *muwakkil* yang mengatakan bahawa diri mereka adalah lebih berhak untuk melakukan aqad, tetapi dalam masa yang sama telah mewakilkan kepada pihak-pihak yang lain untuk melakukannya. Soalan menjurus kepada sebab-sebab mereka mewakilkan kepada pihak lain untuk melangsungkan aqad. Hasil daripada jawapan yang telah diberikan menunjukkan bahawa rasa gementar dan gemuruh mendahului faktor-faktor yang lain

iaitu dengan diwakili oleh 5 orang atau 35.72%. Seterusnya diikuti oleh keinginan untuk mengambil jalan mudah dan mengikut adat kebanyakkan penduduk yang mana masing-masing telah diwakili oleh 3 orang atau 21.43%. Faktor terakhir ialah kerana ingin menjaga hubungan dengan Tuan Imam dan kerana sibuk dengan majlis kenduri yang diadakan serentak dengan majlis aqad perkahwinan yang mana masing-masing telah diwakili oleh seorang *muwakkil*. Jumlah keseluruhan yang telah memberikan jawapan ialah 13 orang berbanding dengan yang tidak memberikan apa-apa jawapan iaitu seorang. Jadual 12 menunjukkan maklumat faktor-faktor di atas secara terperinci.

Jadual 12: Faktor-faktor *muwakkil* mewakilkan kepada wakil.

Faktor-faktor	Bilangan	Peratus
Gementar & Gemuruh	5	35.72
Jalan mudah	3	21.43
Adad p'duduk kg	3	21.43
Sibuk dgn k'duri	1	7.14
Jaga hubungan dgn Imam	1	7.14
Tiada jwpn	1	7.14
JUMLAH	14	100

Soalan kelapan dan kesembilan berkisar tentang penentuan wakil secara khusus dan bilangan atau jumlah wakil yang dilantik. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* telah menentukan wakil secara khusus dan jumlah wakil yang dilantik hanyalah seorang sahaja.

Soalan kajian juga menyentuh tentang pihak-pihak yang telah dilantik untuk melakukan aqad. Hasil jawapan yang telah diberikan menunjukkan bahawa 16 daripada *muwakkil* atau 84.21% telah mewakilkan kepada tuan Imam. Manakala baki yang berjumlah 3 orang, 2 daripadanya masing-masing telah mewakilkan kepada Tuan Qadhi dan Tuan Guru dan selebihnya tidak memberikan jawapan. Jadual 13 menunjukkan maklumat tersebut.

Jadual 13: Pihak yang telah dilantik menjadi wakil

Wakil	Bilangan	Peratus
Tuan Imam	16	84.21
Tuan Qadhi	1	5.26
Tuan Guru	1	5.26
Guru Agama	-	-
Tiada jwpn	1	5.26
JUMLAH	19	99.99

Persoalan seterusnya yang dibangkitkan ialah tentang sebab-sebab pihak-pihak yang telah disebutkan sebelum daripada ini telahpun dilantik untuk melakukan aqad perkahwinan sebagai ganti bagi pihak *muwakkil*. Dapatan terperinci dijelaskan pada jadual 14.

Jadual 14 : Sebab-sebab pemilihan wakil.

Sebab-sebab	Bil	Peratus
Mrk lebih layak	2	10.53
Ambil berkat	2	10.53
Aqad yg dilakukan oleh wakil lebih meyakinkan	3	15.79
Ambil jln mudah	8	42.11
Sebab wakil adalah Imam	1	5.26
Jaga hubungan dgn Imam	1	5.26
Sibuk dgn kenduri	1	5.26
Tiada jwpn	1	5.26
JUMLAH	19	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa keinginan *muwakkil* untuk mengambil jalan mudah adalah merupakan faktor utama berlakunya *wakālah*. Ini dapat dilihat dari jumlah peratus yang tinggi iaitu 42.11%. Seterusnya diikuti oleh faktor lebih yakin dengan aqad yang dilakukan oleh wakil iaitu 15.79%. Manakala keinginan untuk mengambil berkat dan faktor wakil lebih layak melakukan aqad mengikut pandangan *muwakkil* adalah merupakan faktor pilihan ketiga yang diwakili oleh 10.53% bagi setiap satunya. Faktor terakhir kepada pemilihan wakil ialah kerana wakil adalah merupakan Imam, menjaga hubungan dengan Imam dan kerana sibuk dengan majlis kenduri yang diadakan serentak dengan majlis aqad yang mana setiap faktor telah diwakili oleh seorang atau 5.26%.

Soalan yang kedua belas yang diajukan menyentuh kepada tahap kepuasan *muwakkil* dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil. Dapatan menunjukkan bahawa 17 orang daripada mereka atau 89.47% berpuas telah berpuashati dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil, seorang daripada *muwakkil* atau 5.26% tidak berpuas hati dengan sepenuhnya dan baki satu orang tidak memberikan apa-apa jawapan. Jadual 15 menjelaskan tentang tahap kepuasan *muwakkil* dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil.

Jadual 15 : Tahap kepuasan *muwakkil* dengan aqad

Tahap kepuasan	Bilangan	Peratus
Ya	17	89.47
Tidak Sepenuhnya	1	5.26
Tidak sama sekali	-	-
Tidak dinyatakan	-	5.26
JUMLAH	18	99.99

Jadual 15 menunjukkan bahawa kepuasan *muwakkil* terhadap aqad yang telah dilangsungkan oleh wakil adalah tertinggi iaitu dengan diwakili oleh 17 daripada jumlah keseluruhan. Walau bagaimanapun terdapat seorang daripada mereka yang kurang berpuas hati dengan aqad yang dilakukan oleh wakil. Ini adalah kerana kesudiannya berwakil tidak dilakukan dengan penuh kerelaan hati, sebaliknya dilakukan semata-mata untuk menjaga hubungan dengan Tuan Imam seperti yang dijelaskan pada jadual 15.

Soalan 13 dan 14 menyentuh tentang penentuan secara khusus pihak yang akan dikahwini dan jumlah mahar yang dipersetujui. Dengan erti kata yang lain, adakah *muwakkil* menentukan kepada wakil pasangan yang akan dikahwini secara khusus dan adakah ditentukan juga jumlah mahar secara jelas. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka telah menentukan pasangan yang akan dikahwini secara jelas. Manakala jumlah mahar pula, didapati bahawa 17 daripada mereka telah menentukannya secara pasti dan bakinya tidak, sebaliknya diserahkan kepada wakil. Jadual 16 menjelaskan dapatan yang diperolehi.

Jadual 16: Taburan penentuan pasangan dan jumlah mahar

	Ya	Tidak	Jumlah
Penentuan pasangan	19 (100)	-	19(100)
Penentuan Jumlah Mahar	17 (89.47)	2 (10.53)	19 (100)

- Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan seterusnya yang diajukan ialah tentang jarak atau tempoh masa *wakālah* dengan masa berlakunya aqad. Walaupun soalan ini tidak memberi sebarang kesan terhadap tajuk kajian, tetapi ianya penting bagi mendapatkan maklumat yang terperinci tentang pengamalan masyarakat terhadap konsep *wakālah* yang dibahaskan. Dapatan menunjukkan bahawa 9 daripada *muwakkil* telah berwakil sebelum daripada berlakunya aqad, 2 daripada mereka sehari sebelumnya, 2 yang lain telah berwakil 2 hari sebelum aqad, 2 daripada mereka 3 hari sebelum aqad. Baki 3 orang masing-masing sebulan,

seminggu dan pagi kenduri. Seorang daripada mereka tidak memberikan sebarang jawapan. Jadual 17 menunjukkan tempoh atau jarak *wakālah* dengan aqad perkahwinan.

Jadual 17: Jarak masa *wakālah* dengan aqad perkahwinan.

Jarak masa	Bilangan	Peratus
Sblm aqad	9	47.37
Sehari sblm aqad	2	10.53
Dua hari	2	10.53
Tiga hari	2	10.53
Seminggu	1	5.26
Sebulan	1	5.26
Pagi kenduri	1	5.26
Tiada jawapan	1	5.26
JUMLAH	19	100

Jadual menunjukkan bahawa jumlah *muwakkil* yang telah berwakil sebelum daripada berlakunya aqad adalah tinggi berbanding dengan yang lain iaitu 9 orang atau 47.37%. Diikuti dengan sehari, dua hari dan tiga hari dari masa berlakunya aqad yang mana masing-masing 2 responden atau 10.53%. Seterusnya diikuti pula oleh yang mewakilkan seminggu, sebulan dan pagi kenduri atau pagi hari berlakunya aqad yang mana msing-masing diwakili oleh seorang sahaja atau 5.26%.

Soalan ke tujuh belas dan lapan belas menjurus kepada bayaran dan jumlah bayaran yang dikenakan oleh wakil. Jawapan yang diterima menunjukkan bahawa kesemua mereka tidak dikenakan apa-apa bayaran oleh wakil sebagai ganjaran terhadap aqad yang dilakukan. Walau bagaimanapun, setiap aqad yang dilakukan telah dikenakan bayaran pendaftaran nikah sebanyak RM80 bagi kedua-dua pihak atau RM40 bagi satu pihak.

Soalan ke sembilan belas dan dua puluh menyentuh tentang adakah wakil mencadangkan atau menganjurkan dan memberikan galakan kepada *muwakkil* untuk melangsungkan aqad dengan sendiri. Hasil daripada jawapan yang diberikan dapat dilihat pada jadual 18 dan 19.

Jadual 18 : Taburan wakil menganjurkan atau mencadangkan supaya melakukan dengan sendiri.

Mencadangkan	Bilangan	Peratus
Ya	4	21.05
Tidak	14	73.68
Tiada jawapan	1	5.26
JUMLAH	19	99.99

Jadual 18 menunjukkan bahawa bilangan *muwakkil* yang mengatakan wakil tidak mencadangkan atau tidak menganjurkan kepadanya supaya melakukan aqad dengan

sendiri adalah lebih banyak iaitu 14 orang daripada jumlah keseluruhan atau 73.68%. Manakala jumlah mereka yang mengatakan wakil menganjurkan kepadanya supaya melakukan aqad dengan sendiri berjumlah 4 orang atau 21.05%. Namun terdapat seorang daripada *muwakkil* yang tidak memberikan apa-apa jawapan. Dari sini dapat disimpulkan bahawa pihak wakil terlalu mudah menerima untuk melangsungkan aqad, bahkan dari soalan lisan yang diajukan oleh penulis mendapati wakil akan terus menerima *wakālah* tanpa banyak bicara dan soal. Hasil daripada temubual yang dilakukan juga, penulis dapati terdapat seorang daripada *muwakkil* yang mengatakan bahawa dia akan melakukan aqad dengan sendiri jika dianjurkan oleh wakil.

Jadual 19 : Taburan *muwakkil* digalakkan untuk melangsungkan aqad dengan sendiri.

Digalakkan	Bilangan	Peratus
Ya	4	21.05
Tidak	14	73.68
Tiada Jawapan	1	5.26
JUMLAH	19	99.99

Soalan yang kedua puluh ini adalah lebih mendalam jika dibandingkan dengan soalan sebelum ini. Ini kerana sesuatu yang digalakkan tentulah berbeza dengan yang dianjurkan. Jadual 19 di atas menunjukkan bahawa jumlah wakil yang menggalakkan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri adalah sedikit jika dibandingkan

dengan wakil yang tidak menggalakkannya . Nisbah antara keduanya ialah 4 : 14 atau dengan peratus nisbah 21.05 % : 73.68 %.

Soalan kedua puluh satu ditujukan kepada *muwakkil* ialah adakah mereka diajar atau diberi bimbingan oleh wakil supaya dapat melangsungkan aqad dengan sendiri. Dapatkan menunjukkan bahawa hanya 2 daripada mereka mengatakan diajar dan diberi bimbingan oleh wakil dan 16 orang mengatakan tidak. Manakala baki seorang tidak memberikan apa-apa jawapan. Jadual 20 menunjukkan taburan *muwakkil* yang diberi bimbingan.

Jadual 20: Taburan *muwakkil* yang mendapat bimbingan.

M'dapat bimbingan	Bilangan	Peratus
Ya	2	10.53
Tidak	16	84.21
Tiada jwpn	1	5.26
JUMLAH	19	100

Jadual 20 menunjukkan bahawa jumlah *muwakkil* yang tidak diberi bimbingan oleh wakil adalah tinggi iaitu 16 orang atau 84.21% daripada jumlah keseluruhan, manakala yang mendapat bimbingan adalah terlalu kecil iaitu 2 orang sahaja atau 10.53%. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa keprihatinan daripada pihak wakil untuk memahamkan *muwakkil* dengan permasalahan adalah terlalu kecil.

Soalan seterusnya adakah *muwakkil* meminta daripada wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan menunjukkan bahawa 18 orang atau 94.74% dari jumlah keseluruhan tidak meminta daripada wakil untuk melakukan aqad. Manakala baki tidak memberikan apa-apa jawapan. Ini menunjukkan bahawa keinginan dan kesungguhan daripada *muwakkil* untuk melakukan aqad dengan sendiri juga adalah terlalu rendah.

Soalan terakhir menjurus kepada adakah *muwakkil* meminta daripada wakil supaya mengajarkannya cara untuk melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan menunjukkan bahawa 94.74% mengatakan tidak dan baki darinya tidak memberikan jawapan.

3.0. Wakil.

Untuk mendapatkan maklumat lengkap bagi menyempurnakan kajian ini, 20 soalan telah diberikan khusus kepada wakil wali pengantin perempuan untuk melangsungkan aqad perkahwinan. Soalan yang disediakan meliputi berbagai aspek agar kajian yang baik dan lengkap dapat dilakukan.

Soalan pertama yang diajukan kepada wakil ialah tentang pandangan mereka berkenaan dengan *wakālah*. Soalan ini adalah penting kerana pandangan wakil terhadap *wakālah* akan mempengaruhi pengamalan mereka dan dengan jawapan-jawapan yang seterusnya. Dapatan yang diterima dijelaskan dalam jadual 21.

Jadual 21 : Pandangan wakil terhadap *wakālah*.

Pandangan responden	Bilangan	Peratus
Amat baik	1	5.26
Baik	6	31.58
Kurang baik	10	52.63
Tidak baik	1	5.26
Biasa	1	5.26
JUMLAH	19	99.99

Jadual jawapan di atas menunjukkan bahawa wakil yang berpandangan bahawa *wakālah* adalah kurang baik telah mengatasi yang lain iaitu dengan diwakili oleh 10 orang atau 52.63%. Diikuti oleh yang mengatakan ianya baik iaitu 6 orang atau 31.58 %. Seterusnya yang mengatakan ianya adalah amat baik, tidak baik dan biasa sahaja masing-masing diwakili oleh seorang atau 5.26 % bagi setiap bahagian.

Perasaan wakil sewaktu menerima *wakālah* dibangkitkan pada soalan yang ke 2. Hal ini penting kerana ianya menggambarkan kepada keprihatinan wakil dengan tajuk kajian. Dapatan menunjukkan bahawa 15 daripada mereka mengatakan terpaksa terima, selebihnya masing-masing satu mengatakan gembira sewaktu menerima *wakālah*, biasa, kurang seronok dan menganggap ianya sebagai kewajipan yang perlu dilaksanakan. Dapatan diperincikan dalam jadual 22.

Jadual 22 : Perasaan wakil sewaktu menerima *wakālah*.

Perasaan responden	Bilangan	Peratus
Terpaksa terima	15	78.95
Gembira	1	5.26
Kewajipan	1	5.26
Kurang seronok	1	5.26
Biasa	1	5.26
Sedih	-	-
Menguntungkan	-	-
JUMLAH	19	99.99

Dapatan menunjukkan jumlah wakil yang mengatakan terpaksa menerima mengatasi yang lain iaitu dengan jumlah 15 orang atau 78.95%, ini diikuti oleh yang merasa gembira, kurang seronok, merasakan biasa sahaja dan menganggap ianya satu kewajipan masing-masing diwakili oleh seorang atau 5.26%.

Kesinambungan kepada soalan kedua tadi, wakil ditanya tentang sebab-sebab tercetusnya perasaan seperti yang telah dinyatakan oleh mereka. Dapatan menunjukkan bahawa 10 jawapan telah diberikan dan secara terperincinya dijelaskan dalam jadual 23 .

Jadual 23 : Sebab-sebab tercetusnya kepada perasan yang timbul dalam diri wakil.

Sebab-sebab	Bilangan	Peratus
Memudah & menolong	2	10.53
Wali gemuruh & kurang peng agama	1	5.26
Wali cetek ilmu	4	21.05
Wali kurang p' tahuhan agama	1	5.26
Tanggung jawab imam	3	15.79
Rasa lebih aula	1	5.26
Malas bicara panjang	1	5.26
Puas hati krn boleh menyelamatkan orang	1	5.26
Sepatutnya dilakukan oleh wali sendiri	2	10.53
Tiada jawapan	3	15.79
JUMLAH	19	99.99

Jadual menunjukkan bahawa wali yang tiada ilmu adalah merupakan punca dan sebab utama iaitu dengan diwakili oleh 4 orang atau 21.05%. Seterusnya diikuti oleh tanggungjawab sebagai Imam sebagai sebab kedua yang merupakan 15.79% daripada jumlah keseluruhan . Sepatutnya ianya dilakukan oleh wali sendiri dan keinginan untuk menolong dan memudahkan urusan adalah merupakan sebab ketiga yang mana setiap satunya diwakili oleh 2 orang atau 10.53%. Sebab terakhir yang diberikan ialah karana wali gemuruh dan kurang pengetahuan agama, wakil merasakan lebih *aula* , malas berbicara panjang, rasa puas hati kerana dapat menolong *muwakkil*, wali cetek pengetahuan agama masing-masing diwakili oleh seorang atau 5.26%. Walau

bagaimanapun terdapat 3 daripada mereka tidak memberikan jawapan yang bersamaan dengan 15.79% daripada peratus keseluruhannya.

Soalan keempat bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan wakil terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*. Dapatan menunjukkan bahawa 12 daripada mereka atau 63.16% telah mengetahui sepenuhnya, 3 daripada wakil atau 15.79% mengetahui sebahagian besar dan 2 orang mengetahui separuh sahaja. Manakala seorang daripada wakil hanya mengetahui sedikit sahaja daripada hukum yang berkaitan dan selebihnya tidak memberikan jawapan .Jadual 24 menjelaskan pengetahuan wakil terhadap hukum-hukum *wakālah*.

Jadual 24: Taburan pengetahuan wakil terhadap hukum-hukum *wakālah*.

Pengetahuan	Bil	Peratus
Sepenuhnya	12	63.16
Sbhg besar	3	15.79
Separuh	2	10.53
Sedikit	1	5.26
Tiada jwptn	1	5.26
Tidak men'tahui langsung	-	-
JUMLAH	19	100

Soalan kelima dan keenam masih lagi menjurus kepada tahap pengetahuan wakil terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*, tetapi ianya adalah lebih khusus. Jadual 25 menunjukkan daptan yang diterima.

Jadual 25: Taburan pengetahuan wakil.

Peng res	Ya	Tidak	Tiada jwpn	Jumlah
M'hab Syāfi'I shj	18(94.74)	-	1(5.26)	19(100)
P'dangan lain dlm Mazhab Syāfi'I	7(36.84)	11(57.89)	1(5.26)	19(99.99)

*Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus

Dari jadual di atas jelas bahawa pengetahuan wakil kebanyakannya adalah khusus dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i* sahaja iaitu dengan 94.74%. Manakala baki tidak memberikan apa-apa jawapan. Walau bagaimanapun pengetahuan wakil terhadap pandangan lain atau pandangan kedua, ketiga dan seterusnya dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i* adalah agak tinggi iaitu 7 orang yang bersamaan dengan 36.84% berbanding dengan 11 orang atau 57.89% yang hanya mengetahui pandangan terkuat atau yang biasa diamalkan.

Soalan seterusnya menjurus kepada pandangan wakil tentang keharusan mengikut atau beramal dengan pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i* dan keharusan mentaklid atau beramal dengan mazhab-mazhab yang lain. Hasil jawapan yang diterima ditunjukkan oleh jadual 26.

Jadual 26: Taburan pandangan wakil tentang keharusan mengambil pandangan kedua dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* dan hukum mentaklid mazhab.

P'dangan wakil	Ya	Tidak	Tiada jwpn	Krg pasti	Jumlah
Ambil p'dangan kedua & seterusnya	10 (52.63)	6 (31.58)	2 (10.53)	1 (5.26)	19 (100)
Taklid mazhab lain	5 (26.32)	11 (57.89)	3 (15.79)	- (-)	19 (100)

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual menunjukkan bahawa bilangan wakil yang membolehkan beramal dengan pandangan kedua , ketiga dan seterusnya yang ada dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* jika dibandingkan dengan yang tidak membolehkan adalah tinggi iaitu dengan nisbah 10:6 atau 52.63% : 31.58%. 2 daripada mereka tidak memberikan jawapan dan seorang kurang pasti.

Manakala mentaklid mazhab lain, hanya 5 daripada wakil atau 26.32% sahaja yang membolehkan, manakala 11 atau 57.89% tidak membolehkan. Baki daripada wakil atau 15.79% tidak memberikan jawapan.

Soalan kesembilan adalah merupakan kesinambungan daripada soalan kelapan .Soalan menyentuh kepada sebab pandangan wakil terhadap jawapan yang diberikan pada soalan lapan. Dapatkan menunjukkan bahawa 3 dari mereka atau 15.79% tidak membolehkan taklid mazhab-mazhab lain kerana beramal dengan mazhab *al-Syāfi’ī* yang sudah sedia diamalkan, seorang wakil atau 5.26% mengatakan tidak sesuai dengan keadaan, 4 orang atau 21.05% mengatakan tidak mengetahui mazhab-mazhab yang lain.

Seorang dari mereka mengatakan boleh mentaklid kepada mana-mana mazhab apabila terdapatnya jalan buntu untuk menyelesaikan masalah. Seorang wakil mengatakan kurang pasti dan selebihnya 9 orang wakil atau 47.37% tidak memberikan jawapan. Jadual 27 menunjukkan sebab-sebab kepada pandangan wakil.

Jadual 27 :

	Bilangan	Peratus(%)
Beramal dengan mazhab Imam Syāfi'i	3	15.79
Tidak sesuai dengan keadaan	1	5.26
Tidak mengetahui mazhab yang lain	4	21.05
Jika berlaku jalan buntu	1	5.26
Kurang pasti	1	5.26
Tiada jawapan	9	47.37
JUMLAH	19	99.99

Jadual menunjukkan bahawa bilangan wakil yang tidak memberikan apa-apa jawapan adalah lebih tinggi iaitu 9 orang atau 47.37%, ini diikuti oleh yang tidak mengizinkan taklid mazhab samaada kerana tidak mengetahui mazhab yang lain iaitu 4 orang atau kerana kewajipan beramal dengan mazhab Imam *al-Syāfi'i* sahaja iaitu 3 orang ataupun kerana taklid mazhab adalah merupakan suatu perkara yang tidak bersesuaian dengan suasana dan keadaan iaitu dengan diwakili oleh seorang sahaja. Selain itu terdapat seorang daripada wakil yang membolehkan taklid mazhab jika

berlaku jalan buntu untuk menyalasaikan masalah. Baki seorang dari wakil tidak pasti dengan persoalan.

Soalan kesepuluh menjuruskan kepada pandangan wakil tentang siapakah yang lebih berhak untuk melangsungkan aqad perkahwinan. Dapatan yang diterima menunjukkan bahawa kesemua mereka mengatakan bahawa wali adalah lebih berhak. Ini menunjukkan bahawa kefahaman wakil terhadap hak wali untuk mengendalikan aqad perkahwinan adalah tinggi.

Soalan seterusnya, adakah wakil bertanya sebab-sebab *muwakkil* berwakil. Dengan ertikata yang lain, mengapakah *muwakkil* enggan melakukan aqad dengan sendirinya. Dapatan menunjukkan 8 dari wakil atau 42.11% telahpun bertanya berbanding dengan 11 orang atau 57.89% yang tidak bertanya. Jadual 29 meperincikan dapatan yang diterima.

Jadual 29: Taburan wakil yang bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab berlakunya *wakālah*.

Taburan res yg b'tanya	Bilangan	Peratus
Ya	8	42.11
Tidak	11	57.89
JUMLAH	19	100

Soalan keduabelas ditujukan kepada wakil untuk mengetahui sebab-sebab yang telah dinyatakan kepadanya oleh *muwakkil* yang enggan melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan menunjukkan bahawa *muwakkil* yang memberi alasan gementar, tidak yakin dan kurang pengetahuan agama berjumlah dua orang atau 25%. Manakala *muwakkil* yang tiada pengetahuan agama berjumlah 3 orang atau 37.5%. Alasan ketiga yang telah diberikan oleh *muwakkil* menurut kenyataan wakil ialah kerana keinginan dari *muwakkil* untuk mengambil jalan mudah. Manakala baki daripada wakil tidak menyatakan apa-apa jawapan. Jadual 29 menunjukkan alasan yang telah diberikan oleh *muwakkil* kepada wakil.

Jadual 29: Taburan alasan *muwakkil*.

Alasan	Bilangan	Peratus
Tiada pengetahuan agama	3	37.5
Wali gementar, tidak yakin & Kurang peng agama	2	25
Ambil jln mudah	1	12.5
Tiada jwpn	2	25
JUMLAH	8	100

Antara permasalahan yang cukup penting sewaktu wakil menerima *wakālah* ialah tentang kelayakkan *muwakkil* untuk berwakil. Dapatan daripada soalan yang dikemukakan menunjukkan bahawa 17 daripada mereka atau 89.47% mengatakan bahawa *muwakkil* adalah terdiri daripada mereka yang berkelayakkan untuk berwakil.

Walau bagaimanapun, penulis dapati 3 daripada mereka yang tetap meminta supaya *muwakkil* bertaubat dan mengucapkan dua kalimah syahadah sebelum berwakil sebagai langkah berhati-hati dan berjaga-jaga. Seterusnya daptan juga menunjukkan bahawa terdapat seorang daripada wakil yang mengatakan bahawa dia kurang pasti dengan kelayakan *muwakkil* untuk berwakil, dengan itu dia telah meminta *muwakkil* terlebih dahulu supaya mengucapkan dua kalimah syahadah dan bertaubat sebelum berwakil. Baki dari wakil tidak memberikan apa-apa jawapan terhadap soalan yang telah dikemukakan. Jadual 30 menunjukkan secara lengkap kedudukan *muwakkil* sewaktu berwakil.

Jadual 30: Taburan kedudukan *muwakkil* sewaktu berwakil.

Kelayakkan <i>muwakkil</i>	Bilangan	Peratus
Ya	17	89.47
Tidak	-	-
Kurang pasti	1	5.26
Tiada jawapan	1	5.26
JUMLAH	19	99.99

Soalan seterusnya ialah untuk mengetahui adakah wakil telah memberikan galakkan atau saranan kepada *muwakkil* supaya melangsungkan aqad dengan sendiri. Dapatkan diperincikan oleh jadual 31.

Jadual 31 : Dapatan wakil yang memberi galakkan.

Galakkan dari res	Bilangan	Peratus
Ya	14	73.68
Tidak	2	10.53
Digalakkan jika <i>muwakkil</i> berpendidikan agama	1	5.26
Tiada jawapan	2	10.53
JUMLAH	19	100%

Jadual di atas menunjukkan bahawa 14 daripada jumlah keseluruhan wakil atau 73.68% telahpun menggalakkan kepada *muwakkil* supaya melangsungkan aqad dengan sendiri. Jadual juga menunjukkan bahawa dua daripada mereka atau 10.53% tidak memberikan galakkan kepada *muwakkil*. Selain itu, terdapat seorang daripada wakil yang telah mengambil jalan tengah iaitu dengan melihat kepada zahir peribadi *muwakkil*. Menurut beliau, jika *muwakkil* adalah terdiri dari kalangan yang mendapat pendidikan agama maka dia digalakkan supaya melakukan aqad dengan sendiri, tetapi jika didapatkan sebaliknya, maka wakil akan terus menerima *wakalah* daripada *muwakkil* tanpa banyak bicara. Baki daripada wakil tidak memberikan jawapan.

Soalan seterusnya yang telah dikemukakan ialah adakah wakil telah memberikan tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara-cara atau kaifiat untuk melakukan aqad perkahwinan agar *muwakkil* dapat melakukannya dengan sendiri. Dapatan menunjukkan bahawa 10 daripada wakil atau 52.63% telahpun memberikan tunjuk ajar cara-cara untuk melakukan

aqad. 7 daripada mereka atau 36.84% pula adalah sebaliknya. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa seorang daripada wakil menyatakan bahawa dia hanya memberikan bimbingan dan tunjuk ajar jika *muwakkil* berkeinginan untuk melakukannya dengan sendiri. Baki daripada wakil tidak memberikan jawapan. Jadual 32 memperincikan maklumat di atas.

Jadual 32: Taburan wakil yang memberikan tunjuk ajar kepada *muwakkil*.

M'beri t'juk ajar	Bilangan	Peratus
Ya	10	52.63
Tidak	7	36.84
Jika <i>muwakkil</i> b'keinginan	1	5.26
Tiada jawapan	1	5.26
JUMLAH	19	99.99

Jadual di atas menunjukkan bahawa kesedaran wakil untuk memberikan tunjuk ajar kepada *muwakkil* adalah tinggi iaitu 52.63% berbanding dengan yang tidak iaitu 36.84%. Jadual juga mununjukkan bahawa terdapat di antara wakil yang telah mengambil jalan tengah iaitu dengan hanya memberikan bimbingan terhadap *muwakkil* yang berkeinginan untuk melakukan dengan sendiri sahaja dan sebaliknya jika *muwakkil* tidak berkeinginan.

Soalan ketiga sebelum akhir adalah untuk mengetahui sebab-sebab kepada berlakunya *wakālah* dalam aqad perkahwinan mengikut pandangan wakil. Dapatkan kepada sebab-sebab yang diberikan adalah seperti pada jadual 33.

Jadual 33: Sebab berlakunya *wakālah*.

Sebab	Bil	Peratus
M'bil jln mudah	1	5.26
Krg p'tahuhan agama	2	10.53
Tiada p'tahuhan agama	3	15.79
Gementar & tiada p'tahuhan agama	2	10.53
Gementar, ambil jln mudah & krg p'tahuhan agama	4	21.05
Gementar, ambil jln mudah, krg & tiada p'tahuhan agama	6	31.58
Tiada jawapan	1	5.26
JUMLAH	19	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat 6 daripada wakil yang telah memberikan satu sebab sahaja iaitu mengambil jalan mudah yang telah diwakili oleh seorang wakil, kurang ilmu pengetahuan yang telah diwakili oleh 2 orang wakil dan tiada ilmu pengetahuan agama yang telah diwakili oleh 3 orang wakil. Seterusnya jadual juga menunjukkan bahawa terdapat 2 wakil yang telah memberikan dua faktor iaitu gementar dan tiada pengetahuan agama. Selain itu, terdapat juga wakil yang telah memberikan 3 faktor iaitu gementar, ambil jalan mudah dan kurang pengetahuan agama. Jadual juga

menunjukkan bahawa terdapat 6 wakil yang telah memberikan 4 faktor iaitu gementar, ambil jalan mudah, kurang dan tiada pengetahuan agama.mengatakan bahawa sebab *muwakkil* tidak melakukan aqad dengan sendirinya ialah kerana ingin mengambil jalan mudah, gementar dan kurang pendidikan agama sebagai sebab *muwakkil* menyerahkan tugas kepada wakil, 6 daripada wakil pula menjadikan 4 alasan sebagai sebab iaitu mengambil jalan mudah, gementar, kurang dan ketiadaan pengetahuan agama Wakil yang terakhir pula tidak memberikan jawapan terhadap soalan yang diajukan. Hasil maklumat yang diterima oleh penulis, terdapat seorang daripada wakil yang mengatakan bahawa terdapat sebahagian daripada *muwakkil* bukan sekadar gementar untuk melangsungkan aqad , bahkan ia gementar sewaktu berwakil hinggakan wakil terpaksa menunjukkan kepadanya cara-cara untuk berwakil.

Soalan terakhir ialah tentang bayaran dan jumlah bayaran yang dikenakan ke atas *muwakkil*. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua wakil tidak mengenakan sebarang bayaran sebagai upah terhadap aqad perkahwinan yang telah dilakukan. Walau bagaimanapun, bayaran pendaftaran nikah sebanyak RM80 bagi setiap aqad yang dilakukan atau RM40 bagi setiap pihak telah dikenakan ke atas setiap pasangan yang berkahwin.

FASAL KEDUA

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEFAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN KONSEP *WAKĀLAH*.

Untuk melihat dan mengetahui adakah terdapat hubungan antara faktor-faktor tertentu dengan kefahaman dan penghayatan responden dengan konsep *wakālah*, analisis data yang seterusnya akan melibatkan jadual silang. Faktor-faktor yang dianggap mempunyai hubungan dengan permasalahan ialah taraf dan aliran pendidikan dan kehadiran responden ke majlis-majlis ilmu. Dengan ibarat yang lain , kajian akan melihat kepada tiga faktor di atas samaada ianya memberi kesan kepada kefahaman dan penghayatan serta pengamalan konsep *wakālah* ataupun sebaliknya.

Kajian akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

- i) Responden yang melakukan dengan sendiri
- ii) *Muwakkil*
- iii) Wakil

Bahagian pertama: Faktor-faktor yang mempengaruhi responden yang melakukan aqad dengan sendiri.

1.0. Taraf pendidikan.

Jadual 1: Hubungan pengalaman responden dengan taraf pendidikan .

i) Wali pengantin perempuan

P'galaman res	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Ya	- (-)	2 (66.67)	5 (100)	- (-)
Tidak	1 (100)	1 (33.33)	- (-)	1 (100)
JUMLAH	1 (100)	3 (100)	5 (100)	1 (100)

ii) Pengantin lelaki

Pengalaman res	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Ya	- (-)	- (-)	2 (14.29)	- (-)
Tidak	- (-)	- (-)	12 (85.71)	3 (100)
JUMLAH	- (-)	- (-)	14 (100)	3 (100)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa pengantin lelaki hanya terlibat dengan dua jenis taraf pendidikan sahaja iaitu Sekolah Menengah dan Universiti berbanding dengan taraf pendidikan wali pengantin perempuan. Jadual juga membuktikan bahawa taraf

pengajian pengantin lelaki adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan wali perempuan. Ini kerana terdapatnya di kalangan wali perempuan yang tidak bersekolah dan hanya menuntut di Sekolah Rendah sahaja. Jadual juga menunjukkan bahawa peratus pengantin lelaki yang tidak berpengalaman dari taraf pendidikan Sekolah Menengah adalah tinggi iaitu 85.71% berbanding dengan berpengalaman iaitu 14.29%. Manakala pengantin lelaki dari taraf pendidikan Universiti, dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka tidak berpengalaman dengan aqad perkahwinan. Manakala wali pengantin perempuan dari taraf tidak bersekolah pula, dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka tidak berpengalaman. Sementara dari taraf pendidikan Sekolah Rendah, dapatan menunjukkan bahawa 66.67% adalah terdiri dari kalangan mereka yang berpengalaman berbanding dengan 33.33% yang tidak. Manakala wali perempuan dari taraf Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka berpengalaman dengan aqad yang dilangsungkan. Hal ini berbeza dengan wali perempuan dari taraf pendidikan Universiti, di mana dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka tidak berpengalaman.

Jadual 2: Taburan tahap pengetahuan responden kepada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan.

i) Wali pengantin perempuan.

Penguasaan hukum	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Sepenuhnya	- (-)	2 (66.67)	2 (40)	1 (100)
Sbhg besar	1 (100)	1 (33.33)	1 (20)	- (-)
Sebahagian	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)
Sedikit shj	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)

Tidak m'tahui	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	3 (100)	5 (100)	1 (100)

ii) Pengantin lelaki.

Penguasaan hukum	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Sepenuh	- (-)	- (-)	8 (57.14)	2 (66.67)
Sbhg besar	- (-)	- (-)	2 (14.29)	- (-)
Separuh	- (-)	- (-)	3 (21.43)	1 (33.33)
Sedikit	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
Tidak m'tahui langsung	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	- (-)	- (-)	14 (100)	3 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual menunjukkan bahawa 100% wali perempuan dari taraf tidak Sekolah mengetahui sebahagian besar dari hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan. Manakala wali dari taraf Sekolah Rendah pula, dapatan menunjukkan bahawa 66.67% telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 33.33% yang mengetahui sebahagian besar. Sementara dari taraf pendidikan Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa 40% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan masing-masing 20% yang mengetahui sebahagian besar, sebahagian dan sedikit. Manakala dari taraf Universiti, dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan mereka mengetahui sepenuhnya hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad.

Pengetahuan pengantin lelaki pula, dapatan menunjukkan bahawa 57.14% dari aliran Menengah telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 14.29% yang

mengetahui sebahagian besar, 21.43% yang menguasai separuhnya dan 7.14% yang mengetahui hanya sedikit daripada hukum berkenaan. Sementara pengantin lelaki dari taraf Universiti pula, dapatan menunjukkan bahawa 66.67% telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 33.33% yang hanya mengetahui separuh daripada hukum berkaitan aqad perkahwinan.

Jadual 3: Taburan hubungan taraf pendidikan dengan hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan.

i) Wali pengantin perempuan.

P'tahanan res	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Sepenuh	- (-)	2 (66.67)	2 (40)	1 (100)
Sbhg besar	1 (100)	1 (33.33)	1 (20)	- (-)
Separuh	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)
Sedikit	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)
Tidak m'tahui langsung	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	3 (100)	5 (100)	1 (100)

ii) Pengantin lelaki.

P'tahanan res	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Sepenuh	- (-)	- (-)	8 (57.14)	2 (66.67)
Sbhg besar	- (-)	- (-)	2 (14.29)	1 (33.33)
Separuh	- (-)	- (-)	3 (21.43)	- (-)
Sedikit	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
Tidak m'tahui langsung	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)

JUMLAH	- (-)	- (-)	14 (100)	3 (100)
---------------	-------	-------	-----------------	----------------

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual tiga menjelaskan tentang penguasaan dan pengetahuan responden terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan seperti mahar dan sebagainya. Hasil daripada data menunjukkan bahawa 100% wali pengantin perempuan dari taraf tidak sekolah mengetahui sebahagian besar daripada hak-hak berkaitan. Manakala bagi taraf pendidikan Sekolah Rendah, dapatan menunjukkan bahawa 66.67% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 33.33% yang mengetahui sebahagian besar daripada hak-hak terbabit. Sementara bagi tahap pendidikan Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa 40% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 20% bagi tahap sebahagian besar, separuh dan sedikit. Sementara bagi tahap pendidikan Universiti pula, dapatan menunjukkan bahawa 100% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya terhadap hak-hak yang berkaitan dengan aqad perkahwinan.

Responden dari kalangan pengantin lelaki pula, dapatan menunjukkan bahawa 57.14% dari taraf pendidikan Sekolah Menengah mengetahui sepenuhnya hak-hak yang berkaitan dengan aqad berbanding dengan 14.29% yang mengetahui sebahagian besar, 21.43% yang mengetahui separuhnya dan 7.14% yang hanya mengetahui sedikit sahaja. Manakala pengantin lelaki bagi taraf pendidikan Universiti, dapatan menunjukkan bahawa 66.67% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 33.33% yang mengetahui sebahagian besar.

Jadual 4: Taburan sebab-sebab responden melakukan aqad dengan sendiri.

a) Wali Pengantin Perempuan

Sebab-sebab	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Ingin m'cuba	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
M'praktikkan ilmu	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)
Diberi peluang	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Kehendak s'diri	- (-)	1 (33.33)	- (-)	- (-)
Anak s'diri	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)
Tiada wali mujbir	- (-)	- (-)	- (-)	1 (100)
Afdhal & ingin m'cuba	1 (100)	- (-)	- (-)	- (-)
Afdhal & diberi peluang	- (-)	1 (33.33)	- (-)	- (-)
M'praktikkan ilmu & lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	- (-)	1 (20)	- (-)
Tiada Jawapan	- (-)	1 (33.33)	1 (10)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	3 (99.99)	5 (100)	1 (100)

ii) Pengantin lelaki.

Sebab-sebab	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Ingin' m'cuba	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
M'praktikkan ilmu	- (-)	- (-)	3 (21.43)	- (-)
Lebih yadin dgn diri s'diri	- (-)	- (-)	3 (21.43)	- (-)
Diberi peluang	- (-)	- (-)	4 (28.57)	- (-)
Afdal	- (-)	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Tiada wali mujbir	- (-)	- (-)	- (-)	1 (33.33)

M'praktikkan ilmu & lebih yakin dengan diri s'diri	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri & diberi peluang	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
Ingin m'cuba, m'praktikkan ilmu & lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
JUMLAH	- (-)	- (-)	14 (99.99)	3 (99.99)

*Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan bagi semua tahap pendidikan yang telah memberikan hanya satu faktor sahaja kepada sebab mereka melakukan aqad dengan sendiri ialah 5 orang berbanding dengan pengantin lelaki iaitu 13 orang. Baki dari mereka telah memberikan lebih dari satu faktor. Jadual juga menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan yang melakukan aqad dengan sendiri dari kalangan mereka yang tidak bersekolah ialah kerana *afdal* dan ingin mencuba. Manakala dari taraf pendidikan Sekolah Rendah pula, dapatan menunjukkan bahawa sebab mereka melakukan aqad ialah kerana kehendak diri sendiri dan *afdal* serta diberi peluang oleh pihak-pihak tertentu. Sementara faktor yang diberikan oleh responden dari taraf pendidikan Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa faktor mereka melakukan aqad ialah kerana ingin mempraktikkan ilmu, lebih yakin dengan diri sendiri dan kerana anak sendiri. Setiap faktor diwakili oleh 20%. Selain itu terdapat 20% dari mereka yang telah memberikan dua faktor iaitu mempraktikkan ilmu dan kerana lebih yakin dengan diri sendiri. Sementara wali dari taraf pendidikan Universiti pula, dapatan menunjukkan bahawa faktor mereka melakukan aqad dengan sendiri ialah kerana ketiadaan wali *mujbir*.

Manakala faktor pengantin lelaki melakukan aqad dengan sendiri pula, dapatkan menunjukkan bahawa 7.14% ialah kerana ingin mencuba berbanding dengan 21.43% kerana ingin mempraktikkan ilmu dan kerana lebih yakin dengan diri sendiri. Sementara 28.57% dari mereka telah melakukan aqad dengan sendiri ialah kerana telah diberi peluang oleh pihak-pihak tertentu seperti Kadi dan Imam. Jadual juga menunjukkan bahawa terdapat di kalangan pengantin lelaki yang telah memberikan lebih dari dua faktor, iaitu faktor mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri sendiri yang telah diwakili oleh 7.14%. Begitu juga dengan faktor lebih yakin dengan diri sendiri dan kerana diberi peluang yang juga diwakili oleh 7.14%. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Pengantin lelaki dari taraf pendidikan Universiti pula, dapatkan menunjukkan bahawa 33.33% dari mereka telah melakukan aqad dengan sendiri kerana ketiadaan wali *mujbir* dan kerana lebih *afdal*. Baki dari mereka telah memberikan tiga faktor iaitu kerana ingin mencuba, mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri sendiri yang mana faktor ini telah diwakili oleh 33.33%.

Jadual 5: Taburan faktor responden tidak mewakilkan kepada pihak lain seperti Imam dan Kadi.

i) Wali pengantin perempuan.

Faktor-faktor	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Anda lebih layak	- (-)	1 (33.33)	4 (80)	1 (100)
Tidak yakin dgn k'lehan mrk	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
B'laku p'selisihan	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Diberi peluang	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)

Afdal & diberi p'luang	- (-)	1 (33.33)	- (-)	- (-)
Anda lebih layak & p'selisihan politik	1(100)	- (-)	1.(10)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (33.33)	- (-)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	3 (99.99)	5 (100)	1 (100)

ii) Pengantin lelaki.

Faktor-faktor	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Anda lebih layak	- (-)	- (-)	7 (50)	3 (100)
Tidak yakin dgn kebolehan mrk	- (-)	-(-)	1 (7.14)	- (-)
Beriaku p'selisihan	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Perbezaan parti politik	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
Afdal	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
M'praktik ilmu	- (-)	- (-)	1 (7.14)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	3 (21.43)	- (-)
JUMLAH	- (-)	- (-)	14 (99.99)	3 (100)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa 100% wali pengantin perempuan tidak mewakilkan kepada pihak lain untuk melakukan aqad perkahwinan dari taraf tidak Sekolah kerana mereka lebih layak dan perselisihan fahaman politik. Sementara dari taraf pendidikan Sekolah Rendah pula, dapatan menunjukkan bahawa 33.33% dari mereka telah melakukan aqad dengan sendiri kerana lebih layak dan *afdal* serta diberi peluang. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Sementara faktor melakukan aqad dengan sendiri bagi taraf pendidikan Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa

80% dari mereka mengatakan mereka lebih layak berbanding dengan 20% yang telah memberikan dua faktor iaitu kerana lebih layak dan perbezaan fahaman politik. Manakala wali perempuan dari taraf Universiti pula, dapatkan menunjukkan bahawa 100% dari mereka melakukan aqad dengan sendiri kerana mereka lebih layak.

Sementara pengantin lelaki yang melakukan aqad dengan sendiri kerana lebih layak dari kalangan mereka yang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah berjumlah 50% berbanding dengan yang tidak yakin dengan kebolehan pihak-pihak tertentu, perbezaan fahaman politik, *afdal* dan mempraktikkan ilmu yang berjumlah 7.14% bagi setiap faktor. Manakala pengantin lelaki dari taraf Universiti pula, dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka melakukan aqad ialah kerana lebih layak.

Jadual 6: Tahap kepuasan responden dengan aqad yang dilakukan.

i) Wali perempuan.

Kepuasan	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Ya	1 (100)	3 (100)	5 (100)	1 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Ragu-ragu	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	3 (100)	5 (100)	1 (100)

ii) Pengantin lelaki.

Kepuasan	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men	Univ
Ya	- (-)	- (-)	14 (100)	3 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Ragu-ragu	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)

JUMLAH	- (-)	- (-)	14 (100)	3(100)
---------------	-------	-------	-----------------	---------------

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 6 menunjukkan tahap kepuasan responden dengan aqad yang dilakukan oleh mereka. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka samaada dari kalangan wali pengantin perempuan atau pengantin lelaki dari semua taraf pendidikan berpuas hati dengan aqad yang telah dilakukan.

2.0. Aliran pendidikan.

Jadual 7: Hubungan aliran pendidikan dengan pengalaman responden.

i) Wali perempuan.

Pengalaman	Men Keb	Men Agama	Pondok
Ya	- (-)	2 (66.67)	3 (100)
Tidak	- (-)	1 (33.33)	- (-)
JUMLAH	- (-)	3 (100)	3 (100)

ii) Pengantin lelaki.

Pengalaman	Men Keb	Men Agama	Pondok
Ya	1(7.69)	1 (25)	- (-)
Tidak	12 (92.31)	3 (75)	- (-)
JUMLAH	13 (100)	4 (100)	- (-)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual menunjukkan bahawa responden dari kalangan wali kepada pengantin perempuan yang berpengalaman dengan aqad perkahwinan adalah tinggi iaitu 66.67% bagi aliran Menengah Agama dan 100% bagi aliran Pondok berbanding dengan pengantin lelaki iaitu 7.69% bagi aliran Menengah Kebangsaan dan 25% Menengah Agama. Manakala wali pengantin perempuan yang tidak berpengalaman dari aliran Menengah Agama pula ialah 33.33% berbanding dengan pengantin lelaki iaitu 92.31% bagi aliran Menengah Kebangsaan dan 75% bagi aliran Menengah Agama. Ini menunjukkan bahawa pengalaman adalah salah satu faktor yang mempengaruhi wali perempuan untuk melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan pengantin lelaki yang tidak memerlukan kepada pengalaman untuk melakukan aqad dengan sendiri. Selain itu, jadual juga menunjukkan bahawa responden yang melakukan aqad dengan sendiri dari kalangan wali kepada pengantin perempuan kesemuanya adalah dari aliran agama samaada dari aliran Menengah Agama ataupun Pondok berbanding dengan pengantin lelaki. Ini menunjukkan bahawa aliran agama adalah merupakan faktor yang cukup mempengaruhi wali pengantin perempuan untuk melakukan aqad dengan sendiri dan bukan merupakan faktor bagi pengantin lelaki. Dengan ertikata yang lain, pengantin lelaki mampu dan berkesanggupan untuk melakukan aqad dengan sendiri sekalipun mereka bukanlah daripada kalangan yang mendapat pendidikan di aliran agama berbanding dengan wali perempuan.

Jadual 8: Hubungan aliran pendidikan dengan pengetahuan responden terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan.

i) Wali pengantin perempuan.

P'tahuan	Men Keb	Men Agama	Pondok
Sepenuh	- (-)	2 (66.67)	1 (33.33)
Sbgh besar	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Separuh	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Sedikit	- (-)	1 (33.33)	- (-)
Tidak m'tahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	- (-)	3 (100)	3 (99.99)

ii) Pengantin lelaki.

P'tahuan	Men Keb	Men Agama	Pondok
Sepenuh	7 (53.85)	3 (75)	- (-)
Sbhg besar	2 (15.38)	- (-)	- (-)
Separuh	3 (23.08)	1 (25)	- (-)
Sedikit	1 (7.69)	- (-)	- (-)
Tidak m'tahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	13 (100)	4 (100)	- (-)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan dari aliran Menengah Agama yang mengetahui keseluruhan daripada hukum-hukum yang

bersangkutan dengan aqad perkahwinan ialah 66.67% berbanding dengan 33.33% yang hanya mengetahui sedikit sahaja. Manakala wali perempuan dari aliran Pondok yang mengetahui keseluruhan, sebahagian besar dan separuh daripada hukum aqad perkahwinan ialah masing 33.33%. Pengantin lelaki yang menguasai keseluruhan daripada hukum dari aliran Menengah Kebangsaan ialah 53.85% berbanding dengan 15.38% yang menguasai sebahagian besar dan 23.08% yang menguasai separuhnya. Baki daripada aliran Menengah Kebangsaan hanya mengetahui sedikit sahaja iaitu 7.69%. Pengantin lelaki daripada aliran Menengah Agama yang menguasai keseluruhan daripada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan ialah 75% berbanding dengan hanya 25% yang menguasai sebahagian besar.

Jadual 9: Hubungan aliran pendidikan dengan pengetahuan responden terhadap hak-hak aqad perkahwinan.

i) Wali perempuan.

P'tahuan	Men Keb	Men Agama	Pondok
Sepenuh	- (-)	2 (66.67)	1 (33.33)
Sbhg besar	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Separuh	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Sedikit	- (-)	1 (33.33)	- (-)
Tidak m'tahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	- (-)	3 (100)	3 (99.99)

ii) Pengantin lelaki

P'tahuan	Men Keb	Men Agama	Pondok
Sepenuh	7 (53.38)	3 (75)	- (-)
Sbhg besar	2 (15.38)	1 (25)	- (-)
Separuh	3 (23.08)	- (-)	- (-)
Sedikit	1 (7.69)	- (-)	- (-)
Tidak m'tahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	13 (100)	4 (100)	- (-)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 9 menjelaskan tentang pengetahuan responden tentang hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan. Dapatan menunjukkan bahawa wali perempuan dari aliran Menengah Agama yang mengetahui kesemuanya ialah 66.67% berbanding dengan yang mengetahui sedikit sahaja iaitu 33.33%. Manakala dari aliran Pondok pula, didapati bahawa masing-masing 33.33% bagi tahap keseluruhan, sebahagian besar dan separuh

Pengantin lelaki yang mengetahui kesemua hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dari aliran Menengah Kebangsaan ialah 53.38% berbanding dengan 75% dari aliran Menengah Agama. Manakala pengantin lelaki yang mengetahui sebahagian besar dari aliran Menengah Kebangsaan ialah 15.38% berbanding 25% dari aliran Menengah Agama. Pengantin lelaki yang mengetahui separuh dari hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dari aliran Menengah biasa sebanyak 23.08% berbanding dengan 7.69% yang mengetahui sedikit sahaja. Ini menunjukkan bahawa

kefahaman pengantin lelaki dari aliran Agama terhadap hak-hak aqad adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran Menengah Kebangsaan.

Jadual 10: Hubungan aliran pendidikan dengan sebab-sebab responden melakukan aqad dengan sendiri.

i) Wali perempuan.

Sebab m'kukan dgn s'diri	Men Keb	Men Agama	Pondok
Ingin m'cuba	- (-)	- (-)	- (-)
M'praktikkan ilmu	- (-)	1 (33.33)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Diberi peluang	- (-)	- (-)	- (-)
Tiada wali mujbir	- (-)	1 (33.33)	- (-)
Anak s'diri	- (-)	1 (33.33)	- (-)
M'praktikkan ilmu & lebih yakin dengan diri s'diri	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (33.33)
JUMLAH	- (-)	3 (99.99)	3 (99.99)

ii) Pengantin lelaki.

Sebab m'lakukan dgn s'diri	Men Keb	Men Agama	Pondok
Ingin mencuba	1 (7.69)	- (-)	- (-)
M'praktikkan ilmu	3 (23.08)	- (-)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri	3 (23.08)	- (-)	- (-)
Diberi peluang	4 (30.77)	- (-)	- (-)
Tiada wali mujbir	- (-)	1 (25)	- (-)

Afdal	- (-)	1 (25)	- (-)
M'praktikkan ilmu & lebih yakin dgn diri s'diri	1 (7.69)	- (-)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri & diberi peluang	1 (7.69)	- (-)	- (-)
Ingin mencuba, m'praktikkan ilmu & lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	1 (25)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (25)	- (-)
JUMLAH	13 (100)	4 (100)	- (-)

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa wali kepada perempuan dari aliran Menengah Agama telahpun melangsungkan aqad perkahwinan dengan sendiri disebabkan oleh tiga faktor iaitu kerana ingin mempraktikkan ilmu pengetahuan yang dipelajari, ketiadaan wali *mujbir* dan kerana anak sendiri. Ketiga-tiga faktor ini masing-masing telah diwakili oleh seorang atau 33.33% daripada jumlah keseluruhan. Manakala dari aliran Pondok pula didapati bahawa dua daripada mereka telah memberikan jawapan dan bakinya tidak. Seorang dari telah memberikan satu jawapan iaitu kerana lebih yakin dengan diri sendiri dan seorang lagi telah memberikan dua jawapan iaitu kerana ingin mempraktikkan ilmu pengetahuan yang dipelajari dan kerana lebih yakin dengan diri sendiri. Masing-masing diwakili oleh 33.33%.

Pengantin lelaki dari aliran Menengah Kebangsaan pula didapati bahawa 11 daripada mereka telah memberikan satu alasan dan bakinya telah memberikan dua alasan. Mereka yang menjadikan alasan ingin mencuba ialah satu orang atau 7.69% berbanding dengan yang menjadikan alasan ingin mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri

sendiri yang mana masing-masing diwakili oleh 3 orang atau 23.08%. Pengantin lelaki yang menjadikan faktor telah diberi peluang oleh pihak tertentu seperti Imam atau Kadi berjumlah 4 orang atau 30.77%. Manakala yang memberikan dua alasan iaitu kerana ingin mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri sendiri berjumlah satu orang atau 7.69%. Begitu juga faktor lebih yakin dengan diri sendiri dan kerana telah diberi peluang oleh pihak-pihak tertentu seperti Imam atau Kadi juga berjumlah seorang atau 7.69%. Manakala pengantin lelaki dari aliran Menengah Agama pula didapati bahawa 2 daripada mereka telah memberikan satu jawapan iaitu kerana lebih *afdal* dan ketiadaan wali *mujbir*, masing-masing diwakili oleh 25% berbanding dengan yang memberikan tiga alasan iaitu kerana ingin mencuba, mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri sendiri yang diwakili oleh seorang atau 25%. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan.

Jadual 11: Hubungan aliran pendidikan dengan faktor tidak mewakilkan kepada pihak-pihak tertentu seperti Imam atau Kadi.

i) Wali pengantin perempuan.

Faktor tidak mewakilkan	Men Keb	Men Agama	Pondok
Anda lebih layak	- (-)	2 (66.67)	3 (100)
Tidak yakin dgn kebolehan mrk	-(-)	- (-)	- (-)
B'laku perselisihan faham	- (-)	- (-)	- (-)
Perbezaan fahaman politik	- (-)	- (-)	- (-)
Anda lebih layak & perbezaan fahaman politik	- (-)	1 (33.33)	- (-)
JUMLAH	- (-)	3 (100)	3 (100)

ii) Pengantin lelaki

Faktor tidak mewakilkan	Men Keb	Men Agama	Pondok
Anda lebih layak	7 (53.85)	3 (75)	- (-)
Tidak yakin dgn kebolehan mrk	1 (7.69)	- (-)	- (-)
Perselisihan faham	- (-)	- (-)	- (-)
Perbezaan fahaman politik	1 (7.69)	- (-)	- (-)
Afdal	1 (7.69)	- (-)	- (-)
M'praktik ilmu yg dipelajari	1 (7.69)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	2 (15.38)	1 (25)	- (-)
JUMLAH	13 (99.99)	4 (100)	- (-)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 11 menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan dari aliran Menengah Agama yang telah melangsungkan aqad perkahwinan dengan sendiri kerana mereka adalah lebih layak bersamaan dengan 66.67% berbanding dengan 100% dari aliran Pondok. Jadual juga menunjukkan bahawa terdapat 33.33% dari aliran Menengah Agama yang telah memberikan dua alasan iaitu kerana lebih layak dan perbezaan fahaman politik. Manakala pengantin lelaki dari aliran Menengah Kebangsaan yang telah melakukan aqad dengan sendiri kerana mereka adalah lebih layak berjumlah 7 orang atau 53.85% berbanding dengan yang tidak yakin dengan kebolehan pihak-pihak tertentu, perbezaan fahaman politik, mempraktikkan apa yang dipelajari dan kerana lebih *afdal*, yang mana setiap faktor telah diwakili oleh seorang responden atau 7.69%. Baki daripada mereka tidak memberikan apa-apa jawapan. Pengantin lelaki dari aliran Menengah Agama pula didapati bahawa 75% daripada mereka telah melakukan aqad dengan sendiri kerana lebih layak dan bakinya tidak memberikan sebarang jawapan.

Jadual 12: Hubungan aliran pendidikan dengan kepuasan responden dengan aqad yang dilakukan.

i) Wali pengantin perempuan.

Kepuasan	Men Keb	Men Agama	Pondok
Ya	- (-)	3 (100)	3(100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
Ragu-ragu	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	- (-)	3 (100)	1 (100)

ii) Pengantin lelaki

Kepuasan res	Men Keb	Men Agama	Pondok
Ya	13 (100)	4 (100)	- (-)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
Ragu-ragu	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	13 (100)	4 (100)	- (-)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka tanpa kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 12 menunjukkan secara terperinci tentang kepuasan responden dengan aqad yang telah dilakukan oleh mereka. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka bagi kedua-dua bahagian dan bagi setiap aliran pendidikan berpuas hati dengan aqad yang telah dilakukan. Ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan tidak mempengaruhi kepada tahap kepuasan responden dengan aqad yang dilakukan.

3.0. Kehadiran ke majlis ilmu yang tidak formal.

i) Wali perempuan.

Jadual 13: Hubungan pengalaman responden dengan kehadiran ke majlis ilmu.

Pengalaman	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Ya	3 (75)	4 (66.67)	- (-)	- (-)
Tidak	1 (25)	2 (33.33)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	6 (100)	- (-)	- (-)

ii) Pengantin lelaki

Pengalaman	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Ya	1 (100)	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Tidak	- (-)	11 (100)	1 (100)	2 (66.67)
JUMLAH	1 (100)	11 (100)	1 (100)	3 (100)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 13 menunjukkan bahawa wali kepada pengantin perempuan dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian yang berpengalaman dengan aqad berjumlah 3 orang atau 75% berbanding dengan yang tidak berpengalaman iaitu seorang atau 25%. Manakala dari kalangan yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian yang berpengalaman pula berjumlah 4 orang atau 66.67% berbanding dengan yang tidak berpengalaman berjumlah 2 orang atau 33.33%. Pengantin lelaki yang berpengalaman dengan aqad perkahwinan dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian hanya seorang sahaja. Manakala pengantin lelaki yang kadang-kadang menghadiri majlis

pengajian pula didapati bahawa kesemua mereka yang berjumlah 11 orang adalah terdiri dari kalangan mereka yang tidak berpengalaman dengan aqad perkahwinan. Begitu juga dengan yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian, telah diwakili oleh seorang yang tidak berpengalaman dengan aqad perkahwinan. Manakala yang tidak menghadiri majlis pengajian sama-sekali, didapati bahawa seorang daripada mereka atau 33.33% adalah berpengalaman berbanding dengan 66.67% yang tidak. Hasil kajian menunjukkan bahawa kekerapan kehadiran wali perempuan ke majlis-majlis pengajian yang diadakan turut memberi kesan kepada pengalaman mereka dengan aqad perkahwinan. Manakala bagi pengantin lelaki pula, didapati bahawa kehadiran mereka ke majlis pengajian tidak mempengaruhi pengalaman mereka dengan aqad.

Jadual 14: Hubungan kehadiran responden ke majlis pengajian dengan pengetahuan mereka kepada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan

i) Wali perempuan.

P'tahanan res	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Sepenuh	3 (75)	2 (33.33)	- (-)	- (-)
Sbhg besar	- (-)	3 (50)	- (-)	- (-)
Separuh	1 (25)	- (-)	- (-)	- (-)
Sedikit	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Tidak m'getahui	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	6 (100)	- (-)	- (-)

ii) Pengantin lelaki.

P'tahuan res	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Sepenuh	1 (100)	6 (54.55)	1 (50)	2 (66.67)
Sbhg besar	- (-)	2 (18.18)	- (-)	- (-)
Separuh	- (-)	2 (18.18)	1 (50)	1 (33.33)
Sedikit	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	11 (100)	2 (100)	3 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan taburan hubungan kehadiran responden ke majlis pengajian ilmu dengan tahap penguasaan mereka kepada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan. Dapatkan menunjukkan bahawa wali perempuan yang megasasi keseluruhan daripada hukum dari kalangan yang selalu menghadiri majlis pengajian ialah 75% berbanding dengan 25% bagi yang hanya megetahui separuh sahaja. Manakala bagi yang hanya kadang-kadang sahaja menghadiri majlis pengajian, didapati 33.33% daripada mereka mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 50% yang menguasai sebahagian besar dan 16.67% yang menguasai sedikit daripada hukum bersangkutan.

Pengantin lelaki yang mengetahui keseluruhan hukum daripada mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian pula ialah 100% berbanding dengan tahap lainnya iaitu 0%. Manakala bagi mereka yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula, didapati bahawa 54.55% daripada mereka menguasai sepenuhnya berbanding dengan 18.18% bagi tahap sebahagian besar dan separuh daripada hukum. Baki kepada tahap kadang-kadang

menghadiri majlis pengajian mengetahui sedikit daripada hukum yang bersamaan dengan 9.09%. Bagi pengantin lelaki yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian pula, didapati bahawa sebahagian atau 50% daripada mereka menguasai keseluruhan hukum yang berkaitan dan sebahagian lagi atau 50% menguasai separuhnya. Manakala bagi yang tidak hadir sama sekali ke majlis pengajian didapati bahawa 66.67% menguasai sepenuhnya daripada hukum berbanding dengan 33.33% yang menguasai separuh sahaja.

Dapatan di atas menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis pengajian memberi kesan kepada tahap pengetahuan wali perempuan dan pengantin lelaki.. Ini dibuktikan dengan tingginya peratus wali perempuan yang mengetahui keseluruhan daripada hukum dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian iaitu 75% daripada jumlah asal berbanding dengan hanya 33.33% yang mengetahui sepenuhnya daripada mereka yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian. Begitu juga pengantin lelaki yang menguasai sepenuh hukum dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian adalah tinggi iaitu 100% berbanding dengan 54.55% bagi tahap kadang-kadang, 50% bagi tahap terlalu jarang dan 66.67% bagi tahap tidak menghadiri majlis pengajian sama sekali.

Jadual 15: Hubungan kehadiran ke majlis ilmu dengan pengetahuan responden kepada hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan.

i) wali perempuan

P'tahanan res	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Sepenuh	3 (75)	2 (33.33)	- (-)	- (-)
Sbhg besar	- (-)	3 (50)	- (-)	- (-)
Separuh	1 (25)	- (-)	- (-)	- (-)
Sedikit	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	6 (100)	- (-)	- (-)

ii) Pengantin lelaki.

P'tahanan res	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Sepenuh	1 (100)	6 (54.55)	1 (50)	2 (66.67)
Sbhg besar	- (-)	3 (27.27)	- (-)	- (-)
Separuh	- (-)	1 (9.09)	1 (50)	1 (33.33)
Sedikit	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	11 (100)	2 (100)	3 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 15 menjelaskan tentang taburan hubungan antara pengetahuan dan penguasaan responden terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dengan kehadiran mereka ke majlis pengajian ilmu yang diadakan di kawasan masing-masing. Jadual menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan yang mengetahui

sepenuhnya hak-hak aqad perkahwinan dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian adalah tinggi iaitu 75% berbanding dengan yang mengetahui sebahagian sahaja iaitu 25%. Manakala mereka yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula, didapati bahawa 33.33% mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 50% yang mengetahui sebahagian besar dan 16.67% yang hanya mengetahui sedikit sahaja.

Pengantin lelaki yang mengetahui sepenuhnya hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian pula ialah 100%. Manakala yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula, didapati bahawa 54.55% mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 27.27% yang mengetahui sebahagian besar dan 9.09% bagi yang mengetahui separuh dan sedikit daripada hak-hak yang bersangkutan. Pengantin lelaki yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian yang mengetahui sepenuhnya dan separuh daripada hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan masing-masing 50%. Manakala mereka yang tidak menghadiri majlis pengajian sama sekali yang mengetahui sepenuhnya hak-hak yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan ialah 66.67% berbanding dengan yang mengetahui separuhnya iaitu 33.33%. Hasil kajian menunjukkan bahawa kehadiran responden ke majlis-majlis pengajian diterima sebagai faktor yang mempengaruhi pengetahuan mereka dengan hak-hak aqad perkahwinan. Ini dapat dilihat dengan tingginya peratus pengetahuan responden secara sepenuhnya bagi kedua-dua bahagian terhadap hak-hak terbabit dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian jika dibandingkan dengan peratus penguasaan dari tahap kehadiran yang lainnya

Jadual 16: Kehadiran ke majlis ilmu dengan sebab-sebab responden melangsungkan aqad dengan sendiri.

i) Wali perempuan.

Sebab-sebab aqad dgn s'diri	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Ingin m'cuba	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
M'praktikkan ilmu	1 (25)	- (-)	- (-)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri	1 (25)	- (-)	- (-)	- (-)
Diberi peluang	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Kehendak s'diri	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Anak s'diri	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Tiada wali mujbir	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Afdal & ingin m'cuba	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Afdhal & diberi peluang	1 (25)	- (-)	- (-)	- (-)
M'praktikkan ilmu & lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Tiada Jawapan	1 (25)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	6 (100)	- (-)	- (-)

ii) Pengantin lelaki.

Sebab-sebab aqad dgn s'diri	Selalu	Kdg-Kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Ingin mencuba	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
M'praktikkan ilmu	- (-)	3 (27.27)	- (-)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri	1 (100)	- (-)	1 (50)	1 (33.33)
Diberi peluang	- (-)	2 (18.18)	1 (50)	1 (33.33)
Afdal	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
Tiada wali mujbir	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)

M'praktikkan ilmu & lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
Lebih yakin dgn diri s'diri & diberi peluang	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
Ingin m'cuba, m'praktikkan ilmu & lebih yakin dgn diri s'diri	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	- (-)	1 (33.33)
JUMLAH	1 (100)	11 (99.99)	2 (100)	3 (99.99)

*Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa bilangan wali perempuan yang selalu menghadiri majlis pengajian yang memberikan satu jawapan iaitu kerana ingin mempraktikkan ilmu dan kerana lebih yakin dengan diri sendiri berjumlah dua orang berbanding dengan seorang yang telah memberikan dua jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan iaitu kerana lebih *afdal* dan kerana telah diberi peluang oleh pihak-pihak yang berwajib seperti Imam dan Kadi. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Manakala wali perempuan yang hanya kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula, didapati bahawa 3 daripada mereka telah memberikan satu jawapan sahaja kepada persoalan yang ditimbulkan iaitu masing-masing 16.67% bagi faktor kehendak sendiri, anak sendiri dan kerana ketiadaan wali *mujbir* berbanding dengan 2 daripada mereka yang telah memberikan dua jawapan iaitu masing-masing 16.67% bagi faktor *afdal* dan ingin mencuba dan faktor *afdal* dan diberi peluang. Baki daripada mereka tidak memberikan sebarang jawapan.

Pengantin lelaki yang selalu menghadiri majlis pengajian, mengatakan sebab melakukan aqad dengan sendiri ialah kerana lebih yakin dengan diri sendiri. Pengantin

lelaki yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula, masing-masing diwakili oleh seorang responden atau 9.09% bagi faktor ingin mencuba, ketiadaan wali *mujbir* dan kerana *afdal* melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan yang melakukannya kerana ingin mempraktikkan ilmu yang berjumlah 27.27% dan kerana telah diberi peluang oleh pihak-pihak tertentu sebanyak 18.18%. Pengantin lelaki yang memberikan dua faktor iaitu kerana ingin mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri sendiri dan keduanya kerana lebih yakin dengan diri sendiri dan diberi peluang oleh pihak tertentu, masing-masing telah diwakili oleh 9.09%. Jadual juga menunjukkan bahawa terdapat seorang daripada mereka yang telah memberikan tiga alasan kepada sebab ia melakukan aqad dengan sendiri iaitu kerana ingin mencuba, mempraktikkan ilmu dan lebih yakin dengan diri sendiri.

Jadual 18: Hubungan kehadiran responden ke majlis pengajian dengan faktor mereka tidak mewakilkan aqad kepada pihak-pihak tertentu.

i) Wali perempuan.

Sebab tidak b'wakil	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Anda lebih layak	3 (75)	3 (50)	- (-)	- (-)
Tidak yakin dgn wakil	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
B'laku p'selisihan faham	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Perbezaan fahaman politik	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
<i>Afdal</i>	1 (25)	- (-)	- (-)	- (-)
Anda lebih layak & perbezaan fahaman politik	- (-)	2 (33.33)	- (-)	- (-)

Tiada jawapan	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	6 (100)	- (-)	- (-)

ii) Pengantin lelaki.

Sebab tidak b'wakil	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Anda lebih layak	1 (100)	8 (72.73)	- (-)	1 (33.33)
Tidak yakin dgn kebolehan wakil	- (-)	1 (9.09)	- (-)	- (-)
B'laku perselisihan	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Perbezaan fahaman politik	- (-)	- (-)	1 (50)	- (-)
<i>Afdal</i>	1- (-)	- (-)	1 (50)	- (-)
Praktik ilmu	- (-)	- (-)	- (-)	1 (33.33)
Tiada jawapan	- (-)	2 (18.18)	- (-)	1 (33.33)
JUMLAH	1 (100)	11 (100)	2 (100)	3 (99.99)

* Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 17 menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian tidak mewakilkan kepada pihak-pihak tertentu kerana mereka adalah lebih layak untuk melakukannya jika dibandingkan dengan pihak terbabit berjumlah 75% berbanding dengan yang melakukannya kerana lebih *afdal* iaitu 25%. Manakala mereka yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula didapati bahawa 50% mengatakan bahawa mereka adalah lebih layak untuk melakukan aqad berbanding dengan 33.33% yang telah memberikan dua alasan iaitu kerana mereka lebih layak dan berlakunya perbezaan fahaman politik antara mereka dan pihak terbabit. Baki daripada wali perempuan tidak memberikan apa-apa jawapan.

Pengantin lelaki yang selalu menghadiri majlis pengajian pula kesemuanya telah melakukan aqad dengan sendiri kerana lebih layak. Manakala yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula ialah sebanyak 72.73% berbanding dengan yang melakukannya kerana tidak yakin dengan kebolehan pihak terbabit iaitu sebanyak 9.09%. Baki daripada tahap kehadiran ini telah tidak memberikan jawapan. Pengantin lelaki dari tahap kehadiran yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian pula telah tidak mewakilkan aqad kepada pihak terbabit kerana berlakunya berbezaan fahaman politik dan kerana lebih *afdal* melakukan aqad dengan sendiri yang mana setiap faktor diwakili oleh 50%. Pengantin lelaki yang tidak menghadiri pengajian sama sekali tidak mewakilkan kepada pihak terbabit kerana mereka lebih layak untuk dan kerana mempraktikkan apa yang dipelajari, setiap faktor diwakili oleh 33.33%. Baki daripada mereka tidak memberikan sebarang jawapan.

Jadual 19: Hubungan kehadiran ke majlis pengajian dengan tahap kepuasan responden dengan aqad yang dilakukan.

i) Wali perempuan.

Tahap kepuasan	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Ya	4 (100)	6 (100)	- (-)	- (-)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Ragu-ragu	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	6 (100)	- (-)	- (-)

ii) Pengantin lelaki.

Kepuasan res	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
Ya	1 (100)	11 (100)	2 (100)	3 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Ragu-ragu	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	11 (100)	2 (100)	3 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa keluruan responden dari semua tahap kehadiran berpuas hati dengan aqad yang telah dilakukan oleh mereka. Ini menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis ilmu tidak mempengaruhi tahap kepuasan mereka dengan aqad yang telah dilakukan.

Bahagian Kedua: Faktor-faktor yang mempengaruhi *muwakkil*.

1.0. Taraf pendidikan.

Jadual 1: Hubungan taraf pendidikan dengan pengetahuan *muwakkil* kepada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dan makna *wakālah*.

Pengetahuan res	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men
I) Hukum-hukum aqad			
Sepenuh	1 (50)	1 (12.5)	4 (44.44)
Sbhg besar	- (-)	1 (12.5)	3 (33.33)
Separuh	- (-)	4 (50)	2 (22.22)
Sedikit	1 (50)	2 (25)	- (-)

Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (99.99)
2) Makna <i>wakālah</i>			
Sepenuh	1 (50)	3 (37.5)	4 (44.44)
Sbhg besar	- (-)	1 (12.5)	2 (22.22)
Separuh	- (-)	2 (25)	3 (33.33)
Sedikit	1 (50)	2 (25)	- (-)
Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (99.99)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 1 menunjukkan bahawa tahap pengetahuan *muwakkil* sepenuhnya dan sedikit daripada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dari kalangan mereka yang tidak bersekolah ialah 50% bagi setiap bahagian. Bagi tahap pendidikan Sekolah Rendah pula, didapati bahawa 12.5% daripada mereka mengetahui sepenuhnya dan sebahagian besar daripada hukum berbanding dengan 50% yang mengetahui separuh dan 25% yang mengetahui sedikit daripada hukum terbabit. Manakala tahap Sekolah Menengah pula, didapati bahawa 44.44% mengetahui sepenuhnya berbanding 33.33% yang mengetahui sebahagian besar dan 22.22% yang mengetahui separuh daripada hukum-hukum berkaitan.

Pengetahuan makna *wakālah* bagi *muwakkil* yang tidak bersekolah masing-masing 50% bagi tahap sepenuh dan sedikit. Manakala bagi tahap pendidikan Sekolah Rendah pula, didapati bahawa 37.5% mengetahui sepenuhnya makna *wakālah* berbanding dengan 12.5% mengetahui sebahagian besar dan 25% yang mengetahui

separuh dan sedikit daripada makna *wakālah*. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Menengah yang mengetahui sepenuhnya makna *wakālah* ialah 44.44% berbanding dengan yang mengetahui sebahagian besar iaitu 22.22% dan yang mengetahui separuh sahaja iaitu 33.33%. Hasil kajian menunjukkan bahawa taraf pendidikan tidak mempengaruhi pengetahuan *muwakkil* terhadap hukum-hukum dan makna kepada *wakālah*.

Jadual 2: Hubungan taraf pendidikan dengan pengetahuan *muwakkil* kepada hak-hak *wakālah*.

P'tahuan <i>muwakkil</i>	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men
Sepenuhnya	1 (50)	4 (50)	5 (55.56)
Sbhg besar	- (-)	1 (12.5)	2 (22.22)
Separuh	- (-)	1 (12.5)	2 (22.22)
Sedikit	1 (50)	2 (25)	- (-)
Tidak m'tahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Pengetahuan *muwakkil* tehadap hak-hak yang bersangkutan *wakālah* dari kalangan mereka yang tidak bersekolah ialah masing-masing 50% bagi tahap sepenuhnya dan sedikit. Manakala bagi taraf pendidikan Sekolah Rendah pula didapati bahawa 50% mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 12.5% bagi tahap sebahagian besar dan separuhnya. Baki 25% hanya mengetahui sedikit sahaja. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Menengah yang mengetahui sepenuhnya hak-hak yang bersangkutan dengan

wakālah ialah 55.56% berbanding dengan 22.22% bagi tahap sebahagian besar dan separuh. Hasil kajian menunjukkan bahawa taraf pendidikan mempengaruhi tahap pengetahuan *muwakkil* terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*. Ini dibuktikan dengan 55.56% *muwakkil* dari Sekolah Menengah telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 50% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah dan tidak bersekolah. Begitu juga bagi tahap pengetahuan sebahagian besar dan separuh, didapati bahawa peratus penguasaan *muwakkil* dari Sekolah Menengah adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan taraf pendidikan Sekolah Rendah dan tidak bersekolah.

Jadual 3 :

Faktor-faktor	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men
1)Pihak yg lebih berhak utk makakukan aqad mengikut p'dangan <i>muwakkil</i>			
Anda sendiri	2 (100)	6 (75)	6 (66.67)
Tuan Imam	- (-)	1 (12.5)	2 (22.22)
Tuan Kadi	- (-)	- (-)	- (-)
Tuan Guru	- (-)	- (-)	- (-)
Tuan Imam & Tuan Qadhi	- (-)	1 (12.5)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
2) Sebab <i>muwakkil</i> mengatakan wakil lebih berhak melakuakn aqad			
Wakil lebih layak	- (-)	1 (50)	- (-)
Mengambil jln mudah	- (-)	1 (50)	- (-)
Ambil berkat	- (-)	- (-)	- (-)
Aqad yg dilakukan oleh wakil	- (-)	- (-)	2 (100)

lebih meyakinkan			
JUMLAH	- (-)	2 (50)	2 (100)
3) Sebab berwakil sedangkan pada pandangan <i>muwakkil</i> , mereka lebih berkah utk melakukan aqad			
Gementar	1 (50)	1 (16.67)	3 (50)
Menjaga hubungan dgn Tuan Imam	1 (50)	- (-)	- (-)
Mendapatkan keberkatan	- (-)	- (-)	1 (16.67)
Adat penduduk kampung	- (-)	1 (16.67)	- (-)
Mengambil jln mudah	- (-)	2 (33.32)	2 (33.33)
Sibuk dgn majlis kenduri	- (-)	1 (16.67)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (16.67)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	6 (100)	6 (100)

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan *bilangan muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual 3 menunjukkan bahawa 100% *muwakkil* dari kalangan mereka yang tidak bersekolah berpendapat bahawa pihak yang lebih berhak untuk melakukan aqad adalah diri mereka sendiri. Manakala *muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah yang mengatakan bahawa mereka adalah lebih berhak untuk melakukan aqad dengan sendiri berjumlah 75% berbanding dengan 12.5% yang berpendapat bahawa Tuan Imam adalah lebih berhak untuk melakukannya. 12.5% baki berpendapat Tuan Imam dan Tuan Kadi adalah lebih berhak. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Menengah yang berpendapat bahawa mereka adalah lebih berhak untuk melakukan aqad berjumlah 66.67% berbanding dengan 22.2% yang mengatakan bahawa Tuan Imam adalah lebih layak. Baki daripada mereka tidak memberikan sebarang jawapan.

Soalan kedua dalam jadual 3 melihat kepada sebab-sebab yang dikemukakan oleh *muwakkil* yang berpendangan bahawa pihak lain adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Dapatan menunjukkan bahawa *muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah berpendapat bahawa sebab pertama wakil adalah lebih berhak ialah kerana wakil lebih layak jika dibandingkan dengan diri sendiri. Sebab kedua yang dikemukakan pula ialah kerana ingin mengambil jalan mudah. Manakala *muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Menengah pula berpendapat wakil adalah lebih berhak kerana aqad yang dilakukan olehnya adalah lebih meyakinkan.

Soalan ketiga pada jadual 3 ditujukan khusus kepada *muwakkil* yang berpendapat bahawa mereka lebih berhak untuk melakukan aqad, tetapi dalam masa yang sama mereka telah mewakilkan kepada pihak lain untuk melakukannya. Dapatan menunjukkan bahawa 50% daripada taraf pendidikan tidak Sekolah ialah gementar. Manakala 50% baki telah berwakil kerana ingin menjaga hubungan dengan Tuan Imam. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah telah berwakil kepada pihak lain kerana gementar, adat penduduk kampung dan sibuk dengan kenduri yang mana setiap faktor diwakili oleh 16.67% berbanding dengan 33.32% yang menjadikan alasan mengambil jalan mudah sebagai sebab mereka berwakil. Baki 16.67% tidak memberikan jawapan. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Menengah yang menjadikan gementar sebagai sebab mereka berwakil berjumlah 50% berbanding dengan yang berkeinginan untuk mendapatkan keberkatan dari wakil iaitu sebanyak 16.67% dan yang ingin mengambil jalan mudah iaitu sebanyak 33.33%.

Hasil daripada faktor-faktor yang ditunjukkan oleh jadual mendapati bahawa faktor gementar yang diwakili oleh 5 *muwakkil* atau 35.71% daripada jumlah keseluruhan adalah merupakan faktor tertinggi berlakunya *wakālah*. Manakala faktor kedua ialah kerana keinginan untuk mengambil jalan mudah. Faktor ini telah diwakili oleh 28.57% daripada jumlah keseluruhan. Faktor seterusnya ialah kerana menjaga hubungan dengan Imam, adat penduduk kampung dan sibuk dengan majlis kenduri yang mana setiap setiap faktor telah diwakili oleh 7.14%.

Jadual 4.

	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men
1) Adakah <i>muwakkil</i> menentukan wakil secara khusus			
Ya	2 (50)	8 (100)	9 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
2) Bilangan wakil yang dilantik			
Seorang	2 (100)	8 (100)	9 (100)
Dua	- (-)	- (-)	- (-)
Tiga	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
3) Siapakan yang dilantik oleh untuk menjadi wakil			
Tuan Guru	- (-)	- (-)	1 (11.11)
Tuan Kadi	- (-)	1 (12.5)	- (-)
Tuan Imam	2 (100)	7 (87.5)	7 (77.78)
Guru Agama	- (-)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (11.11)

JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
4) Mengapaikan pihak di atas yang dipilih			
Mereka lebih layak	- (-)	1 (12.5)	1 (11.11)
Mengambil berkat	1 (50)	-	1 (11.11)
Aqad yg dilakukan oleh mrk lebih meyakinkan	-	1 (12.5)	2 (22.22)
Mengambil jln mudah	- (-)	4 (50)	4 (44.44)
M'jaga hubungan	1 (50)	- (-)	- (-)
Sebab wakil adalah Imam	- (-)	1 (12.5)	- (-)
Sibuk dengan kenduri	- (-)	1 (12.5)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	2 (50)	8 (100)	9 (99.99)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama dalam jadual 4 meninjau khusus tentang penentuan wakil secara khusus oleh *muwakkil*. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap taraf pendidikan telah menentukan dan melantik wakil secara khusus. Soalan kedua pula menyentuh bilangan wakil yang dilantik. Jawapan menunjukkan bahawa kesemua mereka telah melantik seorang sahaja untuk menjadi wakil. Ini bermakna taraf pendidikan ditolak dan tidak diterima sebagai faktor yang mempengaruhi *muwakkil* dalam menentukan wakil dan jumlah wakil sekalipun *wakalah* boleh berlaku dengan tidak ditentukan wakil secara khusus dan boleh diwakilkan kepada lebih dari seorang wakil.

Soalan seterusnya melihat kepada pihak-pihak yang telah dilantik oleh untuk menjadi wakil. Hasilnya menunjukkan bahawa Tuan Imam adalah merupakan pihak yang

dilantik oleh kesemua *muwakkil* dari kalangan mereka yang tidak bersekolah. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah pula telah menjadikan Tuan Imam sebagai pilihan utama iaitu dengan 87.5% berbanding dengan 12.5% yang telah berwakil kepada Tuan Kadi. Manakala *muwakkil* taraf pendidikan Sekolah Menengah yang telah berwakil kepada Tuan Imam berjumlah 77.78% berbanding dengan yang berwakil kepada Tuan Guru yang berjumlah 11.11%. Fakta di atas menunjukkan bahawa taraf pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi pemilihan wakil. Ini kerana 100% *muwakkil* yang tidak bersekolah telah berwakil kepada Tuan Imam berbanding dengan Taraf Sekolah rendah yang hanya 87.5% dan 77.78% bagi taraf pendidikan Sekolah Menengah.

Soalan terakhir dari jadual 4 meninjau tentang sebab-sebab *muwakkil* telah melantik pihak-pihak berkaitan sebagai wakil bagi mereka. Jawapan dari *muwakkil* yang tidak bersekolah menunjukkan bahawa 50% daripada mereka bertujuan untuk mendapatkan keberkatan dari wakil dan bakinya untuk menjaga hubungan dengan Tuan Imam. Bagi *muwakkil* taraf pendidikan Sekolah Rendah pula, faktor mengambil jalan mudah adalah penyebab utama dengan diwakili oleh 50% berbanding dengan faktor *muwakkil* merasakan wakil adalah lebih layak untuk melakukan aqad, aqad yang dilakukan oleh wakil lebih meyakinkan, kerana wakil adalah Imam dan kerana disibukkan dengan kenduri. Setiap faktor yang disebutkan telah diwakili oleh 12.5%. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Menengah pula telah menjadikan faktor ingin mengambil jalan mudah yang sebagai faktor utama berlakunya *wakalah*. Faktor ini telah diwakili oleh 44.44% berbanding dengan *muwakkil* yang mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh wakil adalah lebih meyakinkan sebanyak 22.22%. Baki dari mereka telah

menjadikan faktor wakil lebih layak dan ingin mengambil berkat sebagai sebab mereka mewakilkan kepada wakil, setiap faktor diwakili oleh 11.11%. Kajian menunjukkan bahawa keinginan *muwakkil* untuk mengambil jalan mudah adalah merupakan faktor terbesar berlakunya *wakālah*. Kemudian didikuti oleh faktor aqad yang dilakukan oleh wakil adalah lebih meyakinkan, keinginan untuk mengambil berkat dan aqad yang dilakukan oleh wakil adalah lebih meyakinkan. Faktor terakhir ialah kerana wakil adalah Imam dan kerana sibuk dengan kenduri

Jadual 5.

	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men
1) Adakah <i>muwakkil</i> berpuas hati dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil			
Ya	1 (50)	8 (100)	9 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak sepenuhnya	1 (50)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
2) Adakah <i>muwakkil</i> menentukan kepada wakil pasangan yang akan dikahwini.			
Ya	2 (100)	8 (100)	9 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
3) Adakah ditentukan jumlah mahar kepada wakil.			
Ya	1 (50)	7 (87.5)	9 (100)
Tidak	1 (50)	1 (12.5)	- (-)

JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
4) Apakah mahar yg diterima pakai apabila ianya tidak ditentukan secara khusus kepada wakil			
Mahar mithil	- (-)	- (-)	- (-)
Mahar yg ditentukan oleh wakil	1 (100)	1 (100)	- (-)
JUMLAH	1 (100)	1 (100)	- (-)

Soalan pertama dan kedua dalam jadual 5 menyentuh tentang kepuasan *muwakkil* dengan aqad yang dilakukan oleh wakil dan adakah mereka juga menentukan yang akan dikahwini secara khusus. Dapatan menunjukkan bahawa 50% *muwakkil* dari taraf pendidikan tidak bersekolah telah berpuas hati dan baki 50% daripada mereka tidak sepenuhnya berpuas hati. Ini kerana *muwakkil* berkeinginan untuk melakukan aqad dengan sendiri dan *wakālah* berlaku adalah semata-mata untuk menjaga hubungan dengan Tuan Imam. Manakala *muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pula didapati bahawa kesemua mereka berpuas hati dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil. Ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan telah memberi kesan kepada persoalan kajian yang menyentuh kepada *muwakkil* dari taraf tidak bersekolah sahaja. Manakala bagi taraf pendidikan Sekolah Rendah dan Menengah pula taraf pendidikan tidak memberikan sebarang kesan.

Penentuan pasangan yang dikahwini pula, didapati bahawa kesemua *muwakkil* dari ketiga-tiga taraf pendidikan telah menentukan secara jelas kepada wakil pihak-pihak yang dikahwini. Hasil kajian menunjukkan bahawa taraf pendidikan ditolak, dengan erti ianya tidak mempengaruhi penentuan pasangan yang dikahwini.

Soalan ketiga menyentuh tentang penentuan jumlah mahar kepada wakil. Dapatan menunjukkan bahawa 50% *muwakkil* dari taraf pendidikan tidak bersekolah telah menentukan kepada wakil jumlah mahar dan bakinya tidak menentukan. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah yang menentukan mahar kepada wakil berjumlah 87.5% berbanding dengan yang tidak menentukannya iaitu 12.5%. Manakala bagi taraf pendidikan Sekolah Menengah pula didapati bahawa keseluruhan mereka telah menentukan jumlah mahar kepada wakil sebelum daripada berlakunya aqad perkahwinan.

Soalan keempat dalam jadual 5 dikhususkan kepada dua *muwakkil* yang tidak menentukan jumlah mahar kepada wakil. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka telah menerima pakai mahar yang telah ditentukan oleh wakil. Dengan ertikata yang lain, mereka menyerahkan sepenuhnya kepada wakil untuk menentukan jumlah mahar yang sepatutnya.

Jadual 6

	Tidak Sek	Sek Ren	Sek Men
1) Jarak masa antara <i>wakālah</i> dengan majlis aqad nikah			
Pagi kenduri	- (-)	1 (12.5)	- (-)
Sebelum aqad	1 (50)	5 (62.5)	4 (44.44)
Sehari	1 (50)	- (-)	1 (11.11)
Dua hari	- (-)	1 (12.5)	1 (11.11)
Tiga hari	- (-)	- (-)	1 (11.11)
Sebulan	- (-)	1 (12.5)	- (-)
Seminggu	- (-)	- (-)	1 (11.11)

Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (99.99)
2) Adakah <i>muwakkil</i> meminta kepada wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri			
Ya	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak	2 (100)	8 (100)	8 (88.89)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)
3) Adakah <i>muwakkil</i> minta diajarkan oleh wakil supaya dia boleh melakukan aqad dengan sendiri			
Ya	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak	2 (100)	8 (100)	8 (88.89)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	2 (100)	8 (100)	9 (100)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 6 menyentuh tentang jarak masa antara *wakalah* dengan aqad perkahwinan. Dapatan menunjukkan bahawa *muwakkiln* yang tidak bersekolah telah berwakil sebelum dan sehari daripada berlakunya aqad. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah pula didapati bahawa 62.5% daripada mereka telah berwakil sebelum daripada berlakunya aqad pekahwinan berbanding dengan masing-masing 12.5% yang telah berwakil pada pagi kenduri, dua hari dan sebulan sebelumnya. *Muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Menengah yang berwakil sebelum daripada berlakunya aqad berjumlah 44.44% berbanding dengan 11.11% bagi sehari, dua hari, tiga hari dan seminggu sebelum berlakunya aqad. Hasil kajian menunjukkan bahawa

perbezaan taraf pendidikan telah menyebabkan berlakunya perbezaan tempoh mewakilkan dengan aqad perkahwinan. Kajian juga menunjukkan bahawa jumlah *muwakkil* yang berwakil sebelum daripada berlakunya aqad adalah tinggi iaitu dengan diwakili oleh 10 orang. Kemudian diikuti oleh yang mewakilkan sehari dan dua hari sebelum aqad dengan diwakili oleh dua orang. Manakala mereka yang telah berwakil pada pagi kenduri, tiga hari, seminggu dan sebulan sebelum berlakunya aqad berjumlah seorang bagi setiap bahagian.

Soalan kedua dan ketiga menyentuh tentang adakah *muwakkil* meminta daripada wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri dan adakah *muwakkil* juga meminta daripada wakil supaya mengajarkannya cara-cara untuk melakukan aqad. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka tidak meminta untuk melakukan aqad dengan sendiri dan begitu juga mereka tidak meminta daripada wakil supaya diajarkan cara-cara untuk melakukan aqad dengan sendiri. Ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan ditolak dan bukan merupakan faktor yang mempengaruhi *muwakkil* untuk meminta malakukan aqad dengan sendiri dan lebih-lebih lagi meminta supaya diajarkan cara-cara untuk melakukannya.

2.0. Aliran pendidikan

Jadual 1.

	Men Keb	Men Agama	Pondok
1) Pengetahuan <i>muwakkil</i> dgn hukum-hukum aqad perkahwinan			
Sepenuh	2 (50)	- (-)	2 (50)
Sbhg besar	- (-)	3 (100)	- (-)
Separuh	2 (50)	- (-)	2 (50)
Sedikit	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
2) Pengetahuan <i>muwakkil</i> dgn makna <i>wakālah</i>			
Sepenuh	2 (50)	1 (33.33)	3 (75)
Sbhg besar	- (-)	2 (66.67)	- (-)
Separuh	2 (50)	- (-)	1 (25)
Sedikit	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
3) Pengetahuan <i>muwakkil</i> dgn hak-hak <i>wakālah</i>			
Sepenuhnya	2 (50)	1 (33.33)	4 (100)
Sbhg besar	- (-)	2 (66.67)	- (-)
Separuh	2 (100)	- (-)	- (-)
Sedikit	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak mengetahui	- (-)	- (-)	- (-)

JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
--------	---------	---------	---------

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menjelaskan tentang tahap pengetahuan *muwakkil* terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan, makna *wakālah* dan hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*. Dapat menunjukkan bahawa *mereka* dari aliran Menengah Kebangsaan yang mengetahui sepenuhnya hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan berjumlah 50%. Begitu juga dengan yang mengetahui separuh daripada hukum berjumlah 50%. *Muwakkil* dari aliran Menengah Agama pula didapati bahawa 100% daripada mereka mengetahui sebahagian besar berbanding dengan aliran Pondok yang mengetahui 50% bagi tahap keseluruhan dan separuhnya. Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan dan Pondok adalah sama berbanding dengan dari aliran Menengah Agama yang mana pengetahuan mereka ialah 100% pada tahap sebahagian besar.

Jadual di atas juga menjelaskan tentang tahap pengetahuan *muwakkil* terhadap makna dan maksud kepada *wakālah*. Hasilnya menunjukkan bahawa *muwakkil* dari aliran Menegah Kebangsaan yang mengetahui sepenuh dan separuh daripada makna *wakālah* ialah 50% bagi setiap tahap. *Muwakkil* dari aliran Menengah Agama yang mengetahui sepenuhnya daripada makna *wakālah* ialah 33.33% berbanding yang mengetahui sebahagian besar sebanyak 66.67%. Manakala dari aliran Pondok didapati bahawa tahap pengatahuan mereka secara sepenuhnya ialah 75% berbanding dengan yang mengetahui separuh sahaja iaitu 25%. Berdasarkan kepada fakta di atas, aliran pendidikan diterima

sebagai faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan *muwakkil* kepada makna dan maksud *wakālah*.

Soalan ketiga dari jadual diatas mengkaji tentang tahap pengetahuan *muwakkil* kepada hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*. Dapatan menunjukkan bahawa 50% dari aliran Menengah Kebangsaan telah mengetahui sepenuh dan separuhnya berbanding dengan *muwakkil* dari aliran Menengah Agama yang mengetahui separuh daripada hak-hak *wakālah* ialah 33.33% dan yang mengetahui sebahagian besarnya berjumlah 66.67%. Keseluruhan *muwakkil* dari aliran Pondok telah mengetahui sepenuhnya hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*. Maklumat di atas menunjukkan bahawa peratus pengetahuan *muwakkil* dari aliran Pondok secara keseluruhan terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah* adalah tinggi jika dibandingkan dengan aliran Menengah Kebangsaan dan Agama. Manakala bagi tahap sebahagian besar pula, didapati bahawa tahap pengetahuan *muwakkil* dari aliran Menengah Agama adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran Menengah Kebangsaan. Dengan itu aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan *muwakkil* terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*.

Jadual 2.

	Men Keb	Men Agama	Pondok
1) Pihak yang lebih berhak untuk melakukan aqad pada pandangan <i>muwakkil</i>			
Anda sendiri	2 (50)	2 (66.67)	4 (100)

Tuan Imam	2 (50)	- (-)	- (-)
Tuan Qadhi	- (-)	- (-)	- (-)
Tuan Guru	- (-)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (33.33)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
2) Mengapakah <i>muwakkil</i> mengatakan pihak lain lebih berhak untuk melakukan aqad perkahwinan.			
Mereka lebih layak	1 (50)	- (-)	- (-)
Jalan mudah	- (-)	- (-)	- (-)
Ambil berkat	- (-)	- (-)	- (-)
Aqad yg dilakukan oleh wakil lebih meyakinkan	1 (50)	- (-)	- (-)
JUMLAH	2 (100)	- (-)	- (-)
3) Mengapakah <i>muwakkil</i> berwakil kepada pihak tertentu sedangkan <i>muwakkil</i> lebih berhak			
Gemuruh	1 (25)	2 (66.67)	1 (25)
Kewajipan	1 (25)	- (-)	- (-)
Adat p'duduk kampung	2 (50)	- (-)	- (-)
Jalan mudah	- (-)	1 (33.33)	- (-)
Mendapatkan keberkatan	- (-)	- (-)	1 (25)
Sibuk dengan kenduri	- (-)	- (-)	1 (25)
Tiada jawapan	- (-)	- (-)	1 (25)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)

*Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Persoalan pertama pada jadual di atas menunjukkan tentang pihak-pihak yang lebih berhak untuk melakukan aqad perkahwinan mengikut pandangan *muwakkil*. Dapatkan menunjukkan bahawa 50% *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan berpandangan bahawa mereka adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Baki daripada aliran Menengah Kebangsaan mengatakan bahawa Tuan Imam adalah lebih berhak berbanding dengan diri mereka sendiri. *Muwakkil* dari aliran Menengah Agama yang berpandangan bahawa mereka lebih berhak berjumlah 66.67% berbanding dengan baki dari mereka tidak memberikan sebarang jawapan. *Muwakkil* dari aliran Pondok pula didapati bahawa keseluruhan mereka berpandangan bahawa diri sendiri adalah lebih berhak untuk melakukan aqad berbanding dengan wakil. Data di atas menunjukkan bahawa aliran pendidikan diterima sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi pandangan *muwakkil* dalam menentukan siapakah yang lebih berhak untuk melakukan aqad perkahwinan.

Soalan kedua ditujukan khusus kepada *muwakkil* yang berpandangan bahawa wakil adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Hasilnya menunjukkan bahawa *muwakkil* pertama mengatakan wakil lebih berhak untuk melakukan aqad kerana mereka lebih layak berbanding dengan diri sendiri. Manakala *muwakkil* kedua pula berpandangan bahawa aqad yang dilakukan oleh wakil adalah lebih meyakinkan.

Soalan terakhir dari jadual di atas adalah untuk mengetahui sebab-sebab *muwakkil* telah berwakil sedangkan dalam masa yang sama mereka berpandangan bahawa diri sendiri adalah lebih berhak untuk melakukan aqad jika dibandingkan dengan wakil.

Dapatkan menunjukkan bahawa *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan yang berwakil kerana ianya merupakan adat penduduk kampung berjumlah 50% berbanding dengan yang berpandangan ianya merupakan satu kewajipan dan kerana gemuruh. Setiap alasan diwakili 25%. *Muwakkil* dari aliran Menengah Agama yang berwakil kerana gemuruh berjumlah 66.67% berbanding dengan 33.33% yang berkeinginan untuk mengambil jalan mudah. Manakala dari aliran Pondok pula, didapati bahawa *wakālah* berlaku disebabkan oleh tiga faktor iaitu kerana gemuruh, untuk mendapatkan keberkatan dan sibuk dengan kenduri, yang mana setiap faktor diwakili oleh 25% dari jumlah keseluruhan. Hasil kajian menunjukkan bahawa aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi sebab berlakunya *wakālah* oleh *muwakkil*. Walau bagaimanpun secara keseluruhannya menunjukkan bahawa faktor gementar adalah merupakan penyumbang utama kepada berlakunya *wakālah*.

Jadual 3.

	Men Keb	Men Agama	Pondok
1) Adakah <i>muwakkil</i> menentukan wakil secara khusus			
Ya	4 (100)	3 (100)	4 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
2) Bilangan wakil yang dilantik			
Seorang	4 (100)	3 (100)	4 (100)
Dua	- (-)	- (-)	- (-)
Tiga	- (-)	- (-)	- (-)

JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
3) Siapakan yang dilantik untuk menjadi wakil			
Tuan Guru	- (-)	- (-)	1 (25)
Tuan Kadi	- (-)	- (-)	1 (25)
Tuan Imam	4 (100)	2 (66.67)	2 (50)
Tiada jawapan	- (-)	1 (33.37)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
4) Mengapakah pihak di atas yang dilantik			
Mereka lebih layak	1 (25)	- (-)	1 (25)
Ambil berkat	- (-)	- (-)	1 (25)
Jalan mudah	1 (25)	2 (66.67)	1 (25)
Aqad yg dilakukan oleh wakil lebih menyayinkan	2 (50)	- (-)	- (-)
Sibuk dgn kenduri	- (-)	- (-)	1 (25)
Tiada jawapan	- (-)	1 (33.37)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah responden dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama dan kedua pada jadual di atas menjelaskan tentang penentuan wakil secara khusus dan jumlah wakil yang dilantik. Dapat menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari setiap aliran pendidikan telah melantik wakil secara khusus dan setiap mereka hanya melantik seorang sahaja untuk menjadi wakil. Ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan tidak mempengaruhi *muwakkil* dalam melantik wakil secara khusus dan begitu juga dengan bilangan wakil yang dilantik. Dengan itu aliran pendidikan ditolak.

Persoalan seterusnya ialah berkenaan dengan pihak yang dilantik oleh *muwakkil* untuk menjadi wakil. Dapat menunjukkan bahawa kesemua mereka dari aliran

Menengah Kebangsaan telah melantik Tuan Imam sebagai wakil berbanding dengan 66.67% dari aliran Menengan Agama dan 50% dari aliran Pondok yang telah melantik Tuan Imam Imam sebagai wakil. Baki dari aliran Menengah Agama tidak memberikan sebarang jawapan dan masing-masing 25% dari aliran Pondok telah melantik Tuan Guru dan Tuan Kadi sebagai wakil. Ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan diterima sebagai salah satu faktor yang turut mempengaruhi *muwakkil* sewaktu melantik pihak tertentu menjadi wakil bagi diri mereka.

Soalan terakhir menyentuh tentang faktor-faktor yang menyebabkan *muwakkil* memilih pihak-pihak tertentu menjadi wakil. Hasilnya menunjukkan bahawa *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan yang mengatakan bahawa aqad yang dilakukan oleh wakil adalah lebih meyakinkan berjumlah 50% berbanding dengan yang mengatakan bahawa wakil adalah lebih layak untuk melakukan aqad yang berjumlah 25% dan yang berkeinginan untuk mengambil jalan mudah yang juga 25%. *Muwakkil* dari aliran Menengah Agama yang berwakil kerana ingin mengambil jalan mudah berjumlah 66.67% berbanding dengan yang tidak memberikan jawapan iaitu 33.33%. *Muwakkil* dari aliran Pondok telah memberikan empat faktor berlakunya *wakālah* dan setiap faktor diwakili oleh 25%. Faktor-faktor tersebut ialah wakil lebih layak, ingin mengambil berkat, mencari jalan mudah dan kerana sibuk dengan kenduri. Kesimpulan dari faktor yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa aliran pendidikan telah mempengaruhi *muwakkil*. Walau bagaimanapun apabila dilihat secara keseluruhan, didapati bahawa faktor ingin mengambil jalan mudah adalah merupakan faktor tertinggi berlakunya *wakālah*.

Jadual 4.

	Men Keb	Men Agama	Pondok
1) Adakah <i>muwakkil</i> b'puas hati dgn aqad yg dilakukan oleh wakil			
Ya	4 (100)	2 (66.67)	4 (100)
Tidak sepenuhnya	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (33.33)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
2) Adakah <i>muwakkil</i> menentukan kepada wakil pasangan yg akan dikahwin			
Ya	4 (100)	3 (100)	4 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
3) Adakah ditentukan mahar kepada wakil			
Ya	4 (100)	3 (100)	4 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
4) Jarak masa berwakil dengan aqad			
Pagi kenduri	- (-)	- (-)	1 (25)
Sebelum aqad	2 (50)	1 (33.33)	2 (50)
Sehari	- (-)	- (-)	1 (25)
Dua hari	- (-)	1 (33.33)	- (-)
Tiga hari	1 (25)	- (-)	- (-)
Seminggu	1 (25)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (33.33)	- (-)

JUMLAH	4 (100)	3 (99.99)	4 (100)
--------	---------	-----------	---------

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama dari jadual di atas ialah tentang kepuasan *muwakkili* dengan aqad yang dilakukan oleh wakil. Dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan mereka dari aliran Menengah Kebangsaan dan Pondok telah berpuas hati berbanding dengan dari aliran Menengah Agama yang mana didapati bahawa 66.67% dari mereka telah berpuas hati dan bakinya 33.33% tidak memberikan jawapan. Ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan ditolak dan tidak diterima sebagai faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan *muwakkil* dengan aqad yang dilakukan oleh wakil.

Soalan kedua dan ketiga menyentuh tentang penentuan secara khusus oleh *muwakkil* pasangan yang akan dikahwini dan adakah ditentukan juga jumlah mahar. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap aliran pendidikan telah menentukan kepada wakil pasangan yang akan dikahwini dan ditentukan juga secara terperinci jumlah mahar yang dipersetujui. Ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan bukanlah merupakan faktor yang memberi kesan kepada penentuan pasangan yang akan dikahwini dan penentuan mahar.

Soalan terakhir dari jadual 4 ialah berkenaan dengan jarak masa antara *wakālah* dan aqad perkahwinan. Kajian menunjukkan bahawa 50% daripada *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan telah berwakil sebelum daripada berlakunya aqad berbanding dengan 25% yang berwakil tiga hari dan seminggu sebelum berlakunya aqad. *Muwakkil*

dari aliran Menengah Agama yang mewakilkan sebelum daripada berlakunya aqad berjumlah 33.33%. Begitu juga dengan mereka yang mewakilkan dua hari sebelumnya juga 33.33%. Baki daripada *muwakkil* tidak memberikan jawapan. *Muwakkil* dari aliran Pondok yang berwakil sebelum daripada berlakunya aqad berjumlah 50% berbanding dengan yang berwakil sehari sebelumnya dan pada pagi kenduri yang berjumlah 25% bagi setiap jarak. Hasil kajian menunjukkan bahawa aliran pendidikan telah mempengaruhi tempoh berlakunya *wakālah* dengan aqad. Namun secara keseluruhannya didapati bahawa *muwakkil* yang berwakil sebelum daripada berlakunya aqad adalah tinggi jika dibandingkan dengan jarak-jarak yang lain iaitu dengan nisbah 5:1.

Jadual 5.

	Men Keb	Men Agama	Pondok
1) Adakah <i>muwakkil</i> meminta dari wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri			
Ya	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak	4 (100)	3 (100)	4 (100)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)
2) Adakah <i>muwakkil</i> minta diajarkan oleh wakil supaya dia dapat melakukan aqad dgn s'diri			
Ya	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak	4 (100)	3 (100)	4 (100)
JUMLAH	4 (100)	3 (100)	4 (100)

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 5 menyentuh tentang adakah *muwakkil* meminta dari wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri. Soalan kedua pula adakah *muwakkil* juga meminta supaya diajarkannya cara-cara untuk melakukan aqad. Dapatan yang diterima manunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap aliran pendidikan tidak meminta dari wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri dan begitu juga dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka tidak minta diajarkan oleh wakil cara-cara untuk melakukan aqad. Kajian menunjukkan faktor aliran pendidikan tidak mempengaruhi *muwakkil* untuk minta dari wakil bagi melakukan aqad dengan sendiri dan begitu juga aliran pendidikan tidak mempengaruhi mereka untuk minta supaya diajarkannya cara-cara untuk melakukan aqad.

3.0. Kehadiran ke majlis-majlis ilmu yang tidak formal.

Jadual 1.

	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
2) Pengetahuan <i>muwakkil</i> dgn hukum-hukum aqad perkahwinan.				
Sepenuh	3 (42.86)	1 (14.29)	2 (50)	- (-)
Sbhg besar	1 (14.28)	2 (28.57)	1 (25)	- (-)
Separuh	3 (42.86)	2 (28.57)	- (-)	1 (100)
Sedikit	- (-)	2 (28.57)	1 (25)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
3) Pengetahuan <i>muwakkil</i> dengan makna <i>wakālah</i>				
Sepenuh	3 (42.86)	3 (42.86)	2 (50)	- (-)

Separuh	3 (42.86)	1 (14.28)	- (-)	1 (100)
Sedikit	- (-)	2 (28.57)	1 (25)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (99.99)	4 (100)	1 (100)
3) Pengetahuan <i>muwakkil</i> terhadap hak-hak <i>wakālah</i>				
Sepenuh	5 (71.42)	3 (42.86)	2 (50)	- (-)
Sbhg besar	1 (14.29)	1 (14.28)	1 (25)	- (-)
Separuh	1 (14.29)	1 (14.28)	- (-)	1 (100)
Sedikit	- (-)	2 (28.57)	1 (25)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (99.99)	4 (100)	1 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Jadual di atas menunjukkan bahawa *muwakkil* yang mengetahui sepenuhnya daripada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis ilmu berjumlah 42.86% berbanding dengan yang mengetahui sebahagian besar daripadanya iaitu sebanyak 14.28% dan yang hanya mengetahui separuh sahaja iaitu sebanyak 42.86%. *Muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri majlis ilmu yang mengetahui sepenuhnya hukum-hukum berjumlah 14.29% berbanding dengan yang mengetahui sebahagian besar, separuh dan sedikit yang mana setiap satu tahap telah diwakili oleh 28.57%. *Muwakkil* yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian yang mengetahui sepenuhnya hukum-hukum berjumlah 50% berbanding dengan 25% bagi yang mengetahui sebahagian besar dan sedikit daripadanya. Manakala dari kalangan yang tidak menghadiri majlis pengajian sama sekali, didapati bahawa keseluruhan mereka hanya mengetahui separuh sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa kehadiran *muwakkil* ke majlis pengajian diterima sebagai faktor yang mempengaruhi pengetahuan mereka kepada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad.

Soalan kedua pada jadual di atas menyelidiki tentang pengetahuan *muwakkil* kepada makna *wakālah*. Dapatan menunjukkan bahawa mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian yang mengetahui sepenuhnya makna *wakālah* berjumlah 42.86% berbanding dengan yang mengetahui sebahagian besarnya yang berjumlah 14.28% dan 42.86% yang mengetahui separuh daripadanya. *Muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian yang mengetahui sepenuhnya daripada makna *wakālah* berjumlah 42.86% berbanding dengan yang mengetahui sebahagian besar dan separuh yang berjumlah 14.28%. Baki daripada mereka hanya mengetahui sedikit sahaja dengan jumlah peratusnya 28.57%. *Muwakkil* yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian yang mengetahui sepenuhnya makna *wakālah* berjumlah 50% berbanding dengan yang mengetahui sebahagian besar dan sedikit dengan jumlah 25%. Keseluruhan *muwakkil* yang tidak menghadiri majlis pengajian sama sekali hanya mengetahui separuh sahaja makna *wakālah*.

Pengetahuan sepenuhnya *muwakkil* kepada hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah* dari kalangan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian ialah 71.42% berbanding dengan yang hanya mengetahui sebahagian besar dan separuh yang berjumlah 14.29%. *Muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian yang mengetahui sepenuhnya hak-hak *wakālah* berjumlah 42.86% berbanding dengan 14.28% bagi yang mengetahui sebahagian besar dan separuhnya dan 28.57% bagi yang mengetahui sedikit sahaja. *Muwakkil* yang tidak hadir sama sekali ke majlis pengajian hanya mengetahui sedikit sahaja daripada hak-hak *wakālah*. Hasil kajian menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis pengajian ilmu yang diadakan telah mempengaruhi tahap pengetahuan *muwakkil*

terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa peratus pengetahuan *muwakkil* yang selalu menghadiri majlis pengajian adalah adalah lebih baik dan tinggi jika dibandingkan dengan yang lainnya.

Jadual 2.

	Selalu	Kdg-kdg	T'luu jrg	Tidak hadir
1) Pihak yang lebih berhak melakukan aqad mengikut pandangan <i>muwakkil</i>				
Anda sendiri	6 (85.71)	6 (85.71)	2 (50)	- (-)
Tuan Imam	- (-)	- (-)	2 (50)	1 (100)
Tuan Kadi	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Tuan Guru	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Guru Agama	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Tuan Imam & Tuan Kadi	- (-)	1 (14.29)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (14.29)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
2) Mengapakah <i>muwakkil</i> berpandangan bahawa wakil lebih berhak				
Mereka lebih layak	- (-)	- (-)	1 (50)	- (-)
Jalan mudah	- (-)	1 (100)	- (-)	- (-)
Ambil berkat	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Aqad yg dilakukan oleh wakil lebih meyakinkan	- (-)	- (-)	1 (50)	1 (100)
JUMLAH	- (-)	1 (100)	2 (100)	1 (100)

3) Faktor berlakunya <i>wakālah</i> sedangkan <i>muwakkil</i> lebih berhak				
Mengambil jln mudah	- (-)	1 (16.67)	2 (100)	- (-)
Kewajipan	1 (16.67)	- (-)	- (-)	- (-)
Gementar	2 (33.32)	3 (49.99)	- (-)	- (-)
Mengambil keberkatan	1 (16.67)	- (-)	- (-)	- (-)
Sibuk dgn kenduri	1 (16.67)	- (-)	- (-)	- (-)
Jaga hubungan dgn Imam	- (-)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (16.67)	1 (16.67)	- (-)	- (-)
JUMLAH	6 (100)	6 (100)	2 (100)	- (-)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan jumlah *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 2 melihat kepada pihak yang lebih berhak untuk melakukan aqad mengikut pandangan *muwakkil*. Hasil jawapan yang diterima menunjukkan bahawa 85.71% *muwakkil* dari kalangan yang selalu menghadiri majlis pengajian berpendapat bahawa mereka adalah lebih berhak untuk melakukan aqad jika dibandingkan dengan wakil berbanding dengan 14.29% yang tidak memberikan jawapan. Bagi *muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian yang mengatakan bahawa mereka lebih berhak untuk melakukan aqad berjumlah 85.71% berbanding dengan yang berpandangan bahawa Tuan Kadi atau Imam adalah lebih berhak. *Muwakkil* yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian yang mengatakan bahawa mereka lebih berhak melakukan aqad ialah 50% berbanding dengan yang mengatakan Tuan Imam lebih berhak juga berjumlah 50%. Bagi *muwakkil* yang tidak hadir sama sekali ke majlis ilmu, dapatan menunjukkan bahawa 100% dari mereka berpandangan bahawa Tuan

Imam adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Dengan itu, faktor kehadiran *muwakkil* ke majlis ilmu diterima.

Soalan kedua ditujukan khusus kepada mereka yang mengatakan bahawa pihak lain adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Dapat menunjukkan bahawa *muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian mengatakan Tuan Imam dan Tuan Kadi lebih berhak ialah kerana ingin mengambil jalan mudah. Manakala bagi *muwakkil* yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian pula mengatakan Tuan Imam lebih berhak kerana mereka adalah lebih layak dan kerana aqad yang dilakukan oleh mereka lebih meyakinkan. *Muwakkil* yang tidak menghadiri pengajian sama sekali pula berpandangan bahawa aqad yang dilakukan oleh wakil lebih meyakinkan.

Soalan terakhir pada jadual di atas ditujukan khusus kepada *muwakkil* yang mengatakan bahawa mereka lebih berhak untuk melakukan aqad, tetapi dalam masa yang sama telah mewakilkannya kepada pihak-pihak tertentu. Hasil menunjukkan bahawa *muwakkil* dari kalangan yang selalu menghadiri pengajian yang telah berwakil kerana gementar berjumlah 33.32% berbanding dengan 16.67% yang melakukannya kerana kewajipan, mengambil berkat dan sibuk dengan kenduri. *Muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri pengajian telah mewakilkan kerana gementar berjumlah 49.99% berbanding dengan yang ingin mengambil jalan mudah dan menjaga hubungan dengan Tuan Imam yang mana setiap satunya diwakili oleh 16.67%.

Jadual 3.

	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
1) Adakah <i>muwakkil</i> menentukan wakil secara khusus				
Ya	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
2) Jumlah atau bilangan wakil yg telah dilantik				
Seorang	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
Dua	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Tiga	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
3) Pihak yg dilantik menjadi wakil				
Tuan Guru	1 (14.28)	- (-)	- (-)	- (-)
Tuan Kadi	1 (14.28)	- (-)	- (-)	- (-)
Tuan Imam	4 (57.13)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
Guru Agama	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (14.28)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
4) Sebab pihak terbabit dilantik menjadi wakil				
Mereka lebih layak	2 (28.56)	- (-)	- (-)	- (-)
Ambil berkat	1 (14.29)	1 (14.29)	-(-)	- (-)
Jalan mudah	2 (28.56)	4 (57.13)	2 (50)	- (-)
Aqad yg dilakukan oleh wakil lebih meyakinkan	- (-)	- (-)	2 (50)	1 (100)

Jaga hubungan dgn Imam	- (-)	1 (14.29)	- (-)	- (-)
Sibuk dgn kenduri	1 (14.29)	- (-)	- (-)	- (-)
Sebab wakil Imam	- (-)	1 (14.29)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (14.29)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (99.99)	7 (100)	4 (100)	1 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama dan kedua pada jadual 3 menyentuh tentang penentuan wakil secara khusus dan jumlah wakil. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari setiap peringkat kehadiran telah menentukan wakil secara khusus dan hanya melantik seorang wakil sahaja. Ini menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis pengajian tidak mempengaruhi *muwakkil* dalam melantik wakil dan jumlah wakil.

Soalan seterusnya menyelidiki tentang pihak-pihak yang telah dilantik oleh untuk menjadi wakil. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari kalangan mereka yang kadang-kadang, terlalu jarang dan tidak hadir sama sekali ke majlis pengajian telah melantik Tuan Imam sebagai wakil mereka berbanding dengan 57.13% dari kalangan yang selalu menghadiri majlis pengajian. Bakinya telah melantik Tuan Guru dan Tuan Kadi sebagai wakil dengan jumlah peratus 14.28% bagi setiap pihak. Dapatan ini menunjukkan bahawa *muwakkil* yang selalu menghadiri pengajian lebih luas dan terbuka dalam memilih calon wakil berbanding dengan yang lainnya.

Soalan terakhir pada jadual adalah bertujuan untuk mengetahui sebab-sebab pihak terbabit telah dipilih menjadi wakil. Dapatan menunjukkan bahawa 28.56% *muwakkil* yang selalu menghadiri majlis pengajian telah berwakil kerana wakil adalah lebih layak

untuk melakukan aqad dan kerana mengambil jalan mudah berbanding dengan 14.29% kerana ingin mengambil berkat dan sibuk dengan kenduri. *Muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian telah berwakil kerana mengambil jalan mudah berjumlah 57.13% berbanding dengan 14.29% kerana mengambil berkat, menjaga hubungan dengan Tuan Imam dan kerana wakil adalah merupakan Imam Kampungnya. Jawapan yang diterima dari *muwakkil* yang telalu jarang menghadiri majlis pengajian menunjukkan bahawa 50% dari mereka telah berwakil kerana ingin mengambil jalan mudah dan bakinya kerana aqad yang dilakukan oleh wakil adalah lebih meyakinkan. *Muwakkil* yang tidak menghadiri majlis pengajian sama sekali, kesemua telah berwakil kerana aqad yang dilakukan oleh wakil adalah lebih meyakinkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor ingin mengambil jalan mudah adalah merupakan faktor tertinggi berlakunya *wakālah* untuk melakukan aqad dengan diwakili oleh 8 responden dari semua peringkat kehadiran.

Jadual 4.

	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak Hadir
1) Adakah <i>muwakkil</i> berpuas hati dgn aqad yg dilakukan oleh wakil				
Ya	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
2) Adakah ditentukan secara khusus pasangan yg akan dikahwini				
Ya	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)

JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
3) Adakah ditentukan jumlah mahar kepada wakil				
Ya	7 (100)	6 (85.71)	3 (75)	1 (100)
Tidak	- (-)	1 (14.29)	1 (25)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
4) Apakah mahar yg dipersetujui apabila tidak ditentukan kpd wakil				
Mahar mithil	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Mahar yg ditentukan oleh wakil	- (-)	1 (100)	1 (100)	- (-)
JUMLAH	- (-)	1 (100)	1 (100)	- (-)
5) Jarak masa antara <i>wakālah</i> dgn aqad p'kahwinan				
Pagi kenduri	1 (14.29)	- (-)	- (-)	- (-)
Sblm aqad	4 (57.13)	3 (42.84)	2 (50)	- (-)
Sehari	1 (14.29)	1 (14.29)	- (-)	- (-)
Dua hari	- (-)	1 (14.29)	1 (25)	- (-)
Tiga hari	- (-)	1 (14.29)	1 (25)	- (-)
Seminggu	- (-)	- (-)	- (-)	1 (100)
Sebulan	- (-)	1 (14.29)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (14.29)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)

- Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan *muwakkil* dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama dari jadual di atas menyentuh tentang kepuasan *muwakkil* dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka

dari setiap tahap kehadiran ke majlis ilmu telah berpuas hati dengan aqad yang dilakukan oleh wakil. Soalan kedua menyentuh tentang penentuan secara khusus kepada wakil pasangan yang akan dikahwini. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap tahap kehadiran telah menentukan secara jelas kepada wakil pasangan yang akah dikahwini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kehadiran *muwakkil* ke majlis pengajian ditolak dan tidak diterima sebagai faktor yang mempengaruhi tahap kepuasan mereka dengan aqad dan begitu juga dalam menentukan pasangan yang dikahwini.

Soalan seterusnya berkenaan dengan penentuan mahar kepada wakil. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari kalangan yang selalu dan tidak menghadiri majlis pengajian sama sekali telah menentukan jumlah mahar secara pasti kepada wakil. Manakala dari kalangan yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula hanya 14.29% sahaja yang tidak menentukan jumlah mahar berbanding dengan 85.71% yang telah menentukannya. *Muwakkil* yang telah menentukan mahar dari kalangan mereka yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian ialah 75% berbanding dengan 25% yang sebaliknya.

Soalan kelima ditujukan khusus kepada mereka yang tidak menentukan mahar kepada wakil. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemuanya telah menerima mahar yang ditetapkan oleh wakil. Dengan ertikata yang lain, wakil dipertanggungjawabkan untuk menentukan mahar yang sepatutnya.

Soalan terakhir dalam jadual melihat kepada jarak masa antara berlakunya *wakālah* dengan aqad perkahwinan. *Muwakkil* dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian yang berwakil sebelum daripada berlangsungnya aqad berjumlah 57.13% berbanding dengan 14.29% yang telah berwakil sehari sebelumnya dan pagi kenduri. *Muwakkil* yang kadang-kadang menghadiri pengajian yang berwakil sebelum daripada aqad berjumlah 42.84% berbanding dengan 14.29% yang melakukannya sehari, dua hari, tiga hari dan sebulan sebelum majlis aqad. *Muwakkil* yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian ilmu yang telah berwakil sebelum daripada aqad berjumlah 50% berbanding dengan dua dan tiga hari sebelumnya yang berjumlah 25%. *Muwakkil* yang tidak menghadiri majlis pengajian sama sekali pula telah berwakil seminggu sebelum daripada berlakunya aqad.

Jadual 5.

	Selalu	Kdg-kdg	T'lalu jrg	Tidak hadir
1) Adakah <i>muwakkil</i> meminta keizinan dari wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri				
Ya	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak	6 (85.71)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
Tiada jawapan	1 (14.29)	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	7 (100)	7 (100)	4 (100)	1 (100)
2) Adakah <i>muwakkil</i> minta wakil mengajarkannya cara-cara untuk melakukan aqad dengan sendiri				
Ya	- (-)	- (-)	- (-)	- (-)
Tidak	6 (85.71)	7 (100)	4 (100)	1 (100)

Bahagian Ketiga: Faktor-faktor yang mempengaruhi wakil.

1.0. Taraf pendidikan.

Jadual 1.

	Sek Ren	Sek Men	Univ
1) Pandangan wakil terhadap <i>wakālah</i>			
Amat Baik	- (-)	1 (9.1)	- (-)
Baik	1 (25)	4 (36.36)	- (-)
Kurang Baik	3 (75)	5 (45.44)	1 (100)
Tidak Baik	- (-)	- (-)	- (-)
Biasa	- (-)	1 (9.1)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
2) Perasaan wakil sewaktu menerima wakil			
Terpaksa terima	2 (50)	10 (90.9)	- (-)
Gembira	1 (25)	- (-)	- (-)
Menguntungkan	- (-)	- (-)	- (-)
Sedih	- (-)	- (-)	- (-)
Kurang seronok	- (-)	- (-)	1 (100)
Biasa	- (-)	1 (9.1)	- (-)
Kewajipan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
3) Sebab wakil merasakan demikian			
Sepatutnya aqad dilakukan oleh wali s'diri	- (-)	- (-)	1 (100)
T'jawab Imam	- (-)	2 (18.18)	- (-)
Tolong anak qariah	- (-)	3 (27.27)	- (-)

ianya sebagai satu kewajipan yang mesti dilaksanakan. Manakala wakil dari taraf Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa 90.9% dari mereka mengatakan terpaksa terima berbanding dengan 9.1% yang mengatakan biasa sahaja. Dapatan dari wakil taraf Universiti menunjukkan bahawa keseluruhan mereka kurang seronok dengan apa yang berlaku. Dapatan ini membuktikan bahawa taraf pendidikan wakil telah mempengaruhi perasaan mereka sewaktu menerima *wakālah* dari *muwakkil*.

Soalan 3 pada jadual di atas menyentuh tentang sebab-sebab kapada tercetusnya perasaan yang telah dinyatakan oleh wakil pada soalan sebelumnya. Dapatan menunjukkan bahawa masing-masing 25% dari taraf Sekolah Rendah yang mengatakan bahawa mereka malas cakap panjang dan kerana melaksanakan kewajipan dan lebih berpuas hati dengan aqad apabila ianya dilakukan dengan sendiri. Baki dari wakil tidak memberikan jawapan. Bagi taraf Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan yang beranggapan bahawa melakukan aqad perkahwinan adalah merupakan tanggungjawab Imam dan keduanya wali lebih *afdal* berjumlah 18.18% bagi setiap satunya berbanding dengan masing-masing 27.27% yang ingin menolong anak qaryah dan wali tiada ilmu pengetahuan. Baki dari wakil taraf pendidikan Sekolah Menengah telah memberikan empat alasan iaitu kerana memudah, menolong, menyelamatkan keadaan dan wali kurang ilmu pengetahuan. Faktor wakil dari taraf Universiti merasakan kurang seronok sewaktu diwakilkan ialah kerana menurut beliau aqad sepatutnya dilakukan oleh wali sendiri dan bukannya wakil.

Jadual 2

	Sek Ren	Sek Men	Univ
1) Tahap pengetahuan wakil terhadap hukum-hukum yg bersangkutan dgn <i>wakālah</i>			
Sepenuhnya	2 (50)	7 (63.62)	- (-)
Sebahagian besar	- (-)	2 (18.18)	1 (100)
Separuh	1 (25)	1 (9.1)	- (100)
Sedikit	- (-)	1 (9.1)	- (-)
Tiada jawapan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
2) Adakah pengetahuan wakil hanya dalam mazhab Imam al-Syāfi'I sahaja			
Ya	3 (75)	11 (100)	1 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
3) Adakah wakil juga mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab Imam al-Syāfi'I			
Ya	1 (25)	5 (45.45)	1 (100)
Tidak	2 (50)	6 (54.55)	- (-)
Tiada jawapan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
4) Adakah dibolehkan beramal dgn pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yg terdapat dlm mazhab Imam al-Syāfi'I			
Ya	1 (25)	7 (63.64)	1 (100)
Tidak	2 (50)	4 (36.36)	- (-)

Tiada jawapan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
5) Adakah dibolehkan untuk bertaklid mazhab-mazhab yg lain			
Ya	- (-)	4 (36.36)	1 (100)
Tidak	2 (50)	5 (45.45)	- (-)
Tiada jawapan	2 (50)	2 (18.18)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (99.99)	1 (100)
6) Sebab wakil berpandangan demikian			
Tidak mengetahui mazhab lain	2 (50)	1 (9.1)	- (-)
Beramal dgn mazhab Syāfi'I	1 (25)	2 (18.18)	- (-)
Jika terdapat jln buntu	- (-)	- (-)	1 (100)
Tiada jawapan	1 (25)	8 (72.72)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11(100)	1 (100)

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 2 menjuruskan kepada pengetahuan wakil dengan hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*. Dapatan menunjukkan bahawa separuh dari wakil taraf pendidikan Sekolah Rendah telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 25% yang mengetahui separuh sahaja dan bakinya tidak memberikan jawapan. Manakala wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah pula, kajian menunjukkan bahawa 63.62% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya berbanding dengan 18.18% yang mengetahui sebahagian besar dan 9.1% yang mengetahui separuh dan sedikit. Wakil dari taraf Universiti pula menunjukkan bahawa keseluruhan mereka hanya mengetahui sebahagian besar daripada hukum-hukum berkaitan dengan *wakālah*.

Kesimpulanya dapatlah dikatakan bahawa tahap pengetahuan sepenuhnya kepada hukum-hukum yang berkaitan dengan *wakālah* adalah lebih tinggi bagi wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah berbanding dengan taraf pendidikan yang lainnya.

Soalan kedua adalah merupakan kesinambungan kepada pengetahuan wakil kepada tajuk kajian. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap taraf pendidikan hanya mengetahui mazhab *Imam al-Syāfi'i* sahaja. Dapatkan ini membuktikan bahawa taraf pendidikan tidak mempengaruhi kepada tahap penguasaan mereka kepada tajuk kajian.

Soalan ketiga pula, mempersoalkan tentang tahap pengetahuan wakil dengan mazhab *Imam al-Syāfi'i* itu sendiri. Dapatkan menunjukkan bahawa 25% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah, 45.45% dari taraf Sekolah Menengah dan 100% dari taraf pendidikan Universiti mengatakan bahawa disamping mengetahui pandangan terkuat dalam mazhab, mereka juga mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i* berbanding dengan 50% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah dan 54.55% dari taraf Sekolah Menengah yang mengetahui pandangan yang biasa diamalkan sahaja. Dapatkan ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan telah mempengaruhi tahap pengetahuan dan penguasaan wakil dengan permasalahan. Ini kerana dapatkan telah membuktikan bahawa pengetahuan wakil dari taraf pendidikan Universiti adalah lebih tinggi, kemudian diikuti oleh wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Melihat kepada pandangan wakil tentang keharusan beramal dengan pandangan kedua dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i*, dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan wakil dari taraf pendidikan Universiti mengatakan boleh berbanding dengan 63.64% dari taraf Sekolah Menengah dan 25% dari taraf Sekolah Rendah yang mengatakan boleh. Dapatan ini membuktikan bahawa taraf pendidikan telah memberi kesan kepada pandangan wakil tentang keharusan beramal dengan pandangan-pandangan yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i* itu sendiri.

Menyentuh kepada keharusan mentaklid mazhab-mazhab lain, dapatan membuktikan juga bahawa taraf pendidikan wakil telah mempengaruhi mereka sewaktu memberikan pandangan masing-masing. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada seorang pun wakil dari taraf pendidikan Sekolah Rendah yang membolehkan *taqlid* mazhab berbanding dengan 36.36% dari taraf Sekolah Menengah dan 100% dari taraf pendidikan Universiti yang membolehkannya. Selain itu, jadual juga menunjukkan bahawa terdapat separuh wakil dari taraf Sekolah Rendah dan 18.18% dari taraf Sekolah Menengah yang tidak memberikan jawapan. Ini membuktikan bahawa taraf pendidikan telah mempengaruhi pengetahuan wakil dengan keharusan mentaklid mazhab-mazhab fiqh.

Melihat kepada sebab-sebab yang dikemukakan oleh wakil kepada jawapan yang mereka berikan pada soalan di atas, dapatan menunjukkan bahawa 50% wakil dari taraf Sekolah Rendah mengatakan mereka tidak mengetahui mazhab-mazhab yang lain berbanding dengan 25% yang mengatakan kerana beramal dengan mazhab *Imam al-*

Syāfi'i dan tidak memberikan jawapan. Manakala wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa 72.72% dari mereka tidak memberikan jawapan berbanding dengan 18.18% yang mengatakan kerana beramat dengan mazhab *Imam al-Syāfi'i* dan 9.1% yang mengatakan tidak mengetahui mazhab-mazhab yang lain. Wakil dari taraf Universiti membolehkan taklid mazhab ialah apabila terdapat jalan buntu untuk menyelesaikan masalah. Dapatan ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan telah mempengaruhi wakil kepada persoalan yang dibangkitkan.

Jadual 3.

	Sek Ren	Sek Men	Univ
1) Siapakah yang lebih berhak untuk melakukan <i>aqad</i>			
Wali sendiri	4 (100)	11 (100)	1 (100)
Anda	- (-)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
2) Adakah wakil bertanya kepada <i>muwakkil</i> sebab-sebab mereka berwakil			
Ya	- (-)	5 (45.45)	1 (100)
Tidak	4 (100)	6 (54.55)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
3) Sebab-sebab yang diberikan oleh <i>muwakkil</i>			
Utk m'dapatkan sbb-sbb yg jelas	- (-)	- (-)	1 (100)
Tidak mempunyai ilmu	- (-)	1 (20)	- (-)
Gementar, tidak yakin & krg pengetahuan	- (-)	2 (40)	- (-)
Pakai Imam	- (-)	1 (20)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (20)	- (-)
JUMLAH	- (-)	5 (100)	1 (100)
4) Adakah <i>muwakkil</i> berhak berwakil			

<i>sewaktu berlakunya wakālah</i>			
Ya	3 (75)	10 (90.9)	1 (100)
Tidak	- (-)	- (-)	- (-)
Kurang pasti	- (-)	1 (9.1)	- (-)
Tiada jawapan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
5) Sebab kesanggupan wakil menerima <i>wakālah</i> sedangkan wakil kurang pasti dengan kedudukan <i>muwakkil</i>			
Memperbaharui keadaan <i>muwakkil</i> dengan memintanya mengucapkan dua kalimah syahadah dan bertaubat kepada Allah s.w.t. dari segala dosa.			

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus

Soalan pertama pada jadual 3 melihat kepada pandangan wakil siapakah yang lebih berhak untuk melakukan aqad perkahwinan. Dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap taraf pendidikan berpandangan bahawa wali adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Dapatkan ini membuktikan bahawa taraf pendidikan tidak mempengaruhi pandangan wakil dalam menuntukan siapakah yang lebih berhak untuk melakukan aqad perkahwinan.

Menyentuh kepada wakil yang bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab keengganannya untuk melakukan aqad dengan sendiri, dapatkan menunjukkan bahawa keseluruhan wakil dari taraf pendidikan Sekolah Rendah tidak bertanya. Manakala wakil dari taraf Sekolah Menengah pula, dapatkan menunjukkan bahawa 45.45% telah bertanya berbanding dengan 54.55% yang tidak. Wakil dari taraf Universiti pula didapati bahawa keseluruhan mereka telah bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab mereka berwakil. Dapatkan ini membuktikan bahawa taraf pendidikan telah mempengaruhi kepada pengamalan wakil dengan persoalan yang ditujukan.

Hasil daripada pertanyaan wakil, dapatan menunjukkan jawapan yang diberikan kepada wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah ialah gementar, tidak yakin dan kurang pengetahuan berjumlah 40% berbanding dengan 20% yang menyatakan kerana tidak mempunyai ilmu dan pakai tuan Imam sahaja. Manakala jawapan yang telah diberikan kepada wakil dari taraf Universiti pula ialah kerana untuk mendapatkan sebab-sebab yang jelas.

Sewaktu berlakunya *wakālah*, hampir kesemua wakil dari setiap taraf pendidikan berpandangan bahawa *muwakkil* adalah berkelayakan untuk berwakil. Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan bahawa terdapat 9.1% wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah yang mengatakan bahawa dia kurang pasti dengan kedudukan *muwakkil*. Untuk itu beberapa langkah untuk meyakinkan dan melayakkan *muwakkil* untuk berwakil telah dilakukan iaitu dengan memintanya supaya mengucapkan Dua Kalimah Syahadah dan bertaubat.

Jadual 4.

	Sek Ren	Sek Men	Univ
1) Adakah wakil m'beri galakkan supaya <i>muwakkil</i> melakukan aqad dgn sendiri			
Ya	3 (75)	8 (72.7)	1 (100)
Tidak	- (-)	1 (9.1)	- (-)
Tiada jawapan	1 (25)	1 (9.1)	- (-)
Ya jika wali berpendidikan agama	- (-)	1 (9.1)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)

2) Adakah wakil m'beri tunjuk ajar kpd <i>muwakkil</i> cara-cara melakukan aqad			
Ya	1 (25)	6 (54.55)	1 (100)
Tidak	2 (50)	5 (45.45)	- (-)
Tiada jawapan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
3) Adakah dibolehkan kepada <i>muwakkil</i> untuk menghadiri majlis aqad perkahwinan yang sedang berlangsung.			
Ya	3 (75)	11 (100)	1 (100)
Tidak	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)
4) Faktor berlakunya <i>wakalah</i> mengikut pandangan wakil			
Mengambil jln mudah	- (-)	- (-)	1 (100)
Gementar	- (-)	- (-)	- (-)
Kurang pengetahuan agama	- (-)	2 (18.18)	- (-)
Tiada pengetahuan agama	- (-)	3 (27.27)	- (-)
Mengambil jln mudah, gementar, kurang & tiada pengetahuan agama	1 (25)	4 (36.36)	- (-)
Mengambil jln mudah, gementar & kurang pengetahuan agama	- (-)	2 (18.18)	- (-)
Mengambil jln mudah & kurang Pengetahuan agama	1 (25)	- (-)	- (-)
Gementar & tiada pengetahuan agama	1 (25)	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (25)	- (-)	- (-)
JUMLAH	4 (100)	11 (99.99)	1 (100)
5) Adakah wakil mengenakan bayaran			
Ya	- (-)	- (-)	- (-)

Tidak	4 (100)	11 (100)	1 (100)
JUMLAH	4 (100)	11 (100)	1 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Dapatan daripada soalan pertama pada jadual di atas menunjukkan bahawa 75% wakil taraf Sekolah Rendah telah menggalakkan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Wakil dari taraf Sekolah Menengah pula didapati 72.7% dari mereka telah memberikan galakkan berbanding dengan 9.1% yang tidak. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat 9.1% wakil dari taraf Sekolah Menengah yang mengambil jalan tengah iaitu dengan memberikan galakkan jika *muwakkil* adalah dari kalangan mereka yang berpendidikan agama dan tidak diberi galakkan jika sebaliknya. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Dapatan daripada wakil taraf Universiti menunjukkan bahawa kesemua mereka telah memberikan galakkan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri. Hasil maklumat ini menunjukkan bahawa kesedaran dari wakil taraf pendidikan Universiti untuk menggalakkan *muwakkil* melakukan aqad dengan sendiri adalah lebih tinggi berbanding dengan taraf lainnya. Ini membuktikan bahawa taraf pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi wakil dengan persoalan yang diajukan.

Kesinambungan kepada soalan pertama, dapatan menunjukkan bahawa terdapat 25% wakil dari taraf pendidikan Sekolah Rendah yang telah memberikan tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara-cara untuk melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan 50% yang tidak memberikan tunjuk ajar dan selebihnya tidak memberikan jawapan.

Wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa 54.55% dari mereka telah memberikan tunjuk ajar berbanding dengan 45.45% yang tidak. Manakala wakil dari taraf pendidikan Universiti pula dapatan menunjukkan bahawa 100% telah memberikan tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara atau kaifiat untuk melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan ini membuktikan bahawa taraf pendidikan telah mempengaruhi pengamalan wakil kepada persoalan yang dikemukakan.

Soalan seterusnya menyentuh kepada pandangan wakil dengan kehadiran *muwakkil* ke majlis aqad yang sedang berlangsung. Dapatan menunjukkan bahawa 75% wakil taraf pendidikan Sekolah Rendah berpandangan bahawa *muwakkil* boleh menghadiri majlis aqad yang sedang berlangsung berbanding dengan 25% yang berpandangan bahawa *muwakkil* tidak boleh menghadirinya. Manakala wakil dari taraf pendidikan Sekolah Menengah dan Universiti pula, dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka berpandangan bahawa dibolehkan bagi *muwakkil* untuk menghadiri dan mendengar upacara aqad yang sedang berlangsung. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengetahuan wakil dari taraf pendidikan Sekolah Rendah kepada soalan yang diajukan adalah kurang jika dibandingkan dengan wakil dari Sekolah Menengah dan Universiti.

Menyentuh kepada faktor berlakunya *wakālah*, dapatan menunjukkan bahawa faktor berlakunya *wakālah* mengikut pandangan wakil dari taraf pendidikan Sekolah Rendah seperti yang dinyatakan pada jadual ialah kerana muwakkil ingin mengambil jalan mudah, gementar, kurang dan tiada pengetahuan agama, setiap satunya telah diwakili oleh 25%. Begitu juga dengan faktor mengambil jalan mudah dan kurang

pengetahuan agama berjumlah 25%. Faktor gementar dan tiada pengetahuan agama telah diwakili oleh juga 25%. Baki dari wakil tidak memberikan jawapan. Wakil dari taraf Sekolah Menengah yang menjadikan faktor *muwakkil* kurang pengetahuan agama berjumlah 18.18% berbanding dengan faktor *muwakkil* tiada pengetahuan agama yang berjumlah 27.27%. Manakala wakil yang telah memberikan empat faktor iaitu kerana *muwakkil* ingin mengambil jalan mudah, gementar, kurang dan tiada pengetahuan agama berjumlah 36.36% berbanding dengan tiga faktor iaitu mengambil jalan mudah, gementar dan kurang pengetahuan agama sebanyak 18.18%. Menurut wakil dari taraf pendidikan Universiti pula, faktor berlakunya *wakālah* ialah kerana *muwakkil* ingin mengambil jalan mudah.

Menyentuh kepada bayaran, hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua wakil dari setiap taraf pendidikan tidak mengenakan sebarang bayaran terhadap aqad yang dilakukan. Walau bagaimanapun, setiap pasangan yang berkahwin dikenakan bayaran sebanyak RM80 sebagai bayaran daftar nikah.

2.0. Aliran pendidikan.

Jadual 1.

	Men Agama	Pondok
1) Pandangan wakil terhadap <i>wakālah</i>		
Amat baik	1 (12.5)	- (-)
Baik	3 (37.5)	2 (22.22)
Kurang baik	3 (37.5)	6 (66.67)
Tidak baik	- (-)	1 (11.11)
Biasa	1 (12.5)	- (-)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
2) Perasaan wakil sewaktu menerima <i>wakālah</i>		
Terpaksa terima	6 (75)	9 (100)
Gembira	- (-)	- (-)
Menguntungkan	- (-)	- (-)
Sedih	- (-)	- (-)
Kurang seronok	1 (12.5)	- (-)
Biasa	1 (12.5)	- (-)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
4) Sebab wakil merasakan demikian		
Sepatutnya aqad dilakukan oleh wali s'diri	1 (12.5)	- (-)
T'jawab Imam	2 (25)	- (-)
Memudah & menolong	1 (12.5)	- (-)
Wali lebih <i>afdal</i>	- (-)	1 (11.11)
Wali lebih <i>aula</i>	- (-)	1 (11.11)

Wali tiada pengetahuan	3 (37.5)	1 (11.11)
Malas cakap panjang	- (-)	1 (11.11)
Menyelamatkan orang	- (-)	1 (11.11)
Wali kurang peng agama	- (-)	1 (11.11)
Wali gemuruh & kurang peng agama	- (-)	1 (11.11)
Wali kurang peng agama, memudah & menolong	- (-)	1 (11.11)
Tiada jawapan	1 (12.5)	1 (11.11)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual di atas melihat pandangan wakil terhadap *wakālah* dalam aqad perkahwinan. Dapatkan menunjukkan bahawa 37.5% dari aliran Menengah Agama berpandangan bahawa *wakālah* adalah baik dan kurang baik berbanding dengan 12.5% yang mengatakan bahawa ianya amat baik dan biasa sahaja. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, didapati bahawa 66.67% berpandangan ianya kurang baik berbanding dengan 22.22% yang berpandangan ianya merupakan suatu yang baik dan 11.11% mengatakan tidak baik sama sekali. Dapatkan ini membuktikan bahawa pandangan wakil dari aliran Pondok adalah lebih baik dan selari dengan yang sebenarnya kerana aqad perkahwinan sepatut dan *afdalnya* dilakukan oleh pihak yang terbabit sendiri.

Manyentuh kepada perasaan wakil sewaktu menerima *wakālah* pula, hasil kajian menunjukkan bahawa 75% wakil dari aliran Menengah Agama mengatakan bahawa mereka terpaksa terima berbanding dengan 12.5% yang mengatakan biasa sahaja dan

kurang seronok. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, daptan menunjukkan bahawa kesemua mereka mengatakan terpaksa terima *wakālah* yang diamanahkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang telah memberi kesan kepada kajian.

Soalan terakhir pada jadual melihat kepada sebab tercetusnya perasaan atau sesuatu yang dirasakan oleh wakil sewaktu menerima *wakālah*. Dapatan menunjukkan bahawa 37.5% wakil dari aliran Menengah Agama mengatakan bahawa wali tiada pengetahuan agama berbanding dengan 25% yang mengatakan bahawa mengendalikan aqad perkahwinan adalah merupakan tugas Imam dan 12.5% kerana untuk memudah dan menolong dan kerana sepatutnya dilakukan oleh wali sendiri. Dapatan daripada wakil aliran Pondok pula menunjukkan bahawa setiap faktor iaitu kerana wali lebih *aula* dan *afdal* untuk melakukan aqad, menyelamatkan orang, malas cakap panjang, wali kurang dan tiada pengetahuan agama telah diwakili oleh 11.11%. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat di antara mereka yang telah memberikan lebih dari satu faktor iaitu wali gemuruh dan kurang pengetahuan agama, memudah, menolong dan wali kurang pengetahuan agama juga telah diwakili oleh 11.11% bagi setiap bahagiannya. Dapatan ini membuktikan bahawa aliran pendidikan telah memberi kesan kepada sebab tercetusnya kepada perasaan wakil sewaktu mereka menerima *wakālah*.

Jadual 2.

	Men Agama	Pondok
1) Tahap peng wakil terhadap hukum-hukum yg bersangkutan dgn <i>wakālah</i>		
Sepenuhnya	5 (62.5)	6 (66.67)
Sebahagian besar	2 (25)	1 (11.11)
Separuh	1 (12.5)	- (-)
Sedikit	- (-)	1 (11.11)
Tiada jawapan	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
2) Adakah pengetahuan wakil hanya dalam mazhab <i>Imam al-Syāfi'i</i> shj		
Ya	8 (100)	9 (100)
Tidak	- (-)	- (-)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
3) Adakah wakil juga mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yg terdapat dlm mazhab <i>Imam al-Syāfi'i</i>		
Ya	4 (50)	2 (22.22)
Tidak	4 (50)	6 (66.67)
Tiada jawapan	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
4) Adakah dibolehkan beramal dgn pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yg terdapat dlm mazhab <i>Imam al-Syāfi'i</i>		
Ya	5 (62.5)	3 (33.33)
Tidak	3 (37.5)	3 (33.33)
Tiada jawapan	- (-)	3 (33.33)
JUMLAH	8 (100)	9 (99.99)

5) Adakah dibolehkan untuk taklid mazhab-mazhab yang lain		
Ya	4 (50)	1 (11.11)
Tidak	4 (50)	4 (44.44)
Tiada jawapan	- (-)	4 (44.44)
JUMLAH	8 (100)	9 (99.99)
6) Sebab kepada jawapan di atas		
Jika terdapat jalan buntu	1 (12.5)	- (-)
Tidak mengetahui mazhab lain	1 (12.5)	2 (22.22)
Beramal dgn mazhab <i>Imam al-Syāfi’ī</i>	1 (12.5)	1 (11.11)
Boleh jika mengetahui	1 (12.5)	- (-)
Tidak sesuai dengan suasana	- (-)	1 (11.11)
Kurang pasti	- (-)	1 (11.11)
Tiada jawapan	4 (50)	4 (44.44)
JUMLAH	8 (100)	9 (99.99)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka tanpa kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama dalam jadual menyentuh tentang tahap penguasaan wakil dengan hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan penguasaan wakil dari aliran Pondok secara keseluruhan adalah lebih tinggi berbanding dengan aliran Menengah Agama iaitu dengan 66.67% nisbah 62.65%. Manakala bagi tahap sebahagian besar pula, dapatkan menunjukkan penguasaan wakil dari aliran Menengah Agama adalah lebih tinggi iaitu 25% berbanding dengan 11.11%. Bagi tahap separuh kepada hukum, dapatkan menunjukkan bahawa terdapat 12.5% dari aliran Menengah Agama berbanding dengan 0% dari aliran Pondok. Baki dari aliran Pondok menunjukkan bahawa 11.11% dari mereka hanya mengetahui sedikit

sahaja dan selebihnya tidak memberikan jawapan. Hasil maklumat di atas menunjukkan bahawa aliran pendidikan kurang memberi kesan dan tidak begitu mempengaruhi kepada tahap penguasaan wakil dengan hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*.

Soalan seterusnya menyentuh tentang adakah pengetahuan wakil hanya khusus dalam mazhab *Imam al-Syāfi’ī* atau sebaliknya. Dapatkan menunjukkan bahawa aliran pendidikan tidak mempengaruhi kepada soalan. Ini kerana hasil maklumat yang dikumpulkan menunjukkan bahawa kesemua mereka dari kedua-dua aliran pendidikan hanya mengetahui mazhab *Imam al-Syāfi’ī* sahaja.

Menyentuh kepada pengetahuan wakil dengan mazhab *Imam al-Syāfi’ī* pula, dapatkan menunjukkan bahawa 50% dari aliran Menengah Agama mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab. Baki dari mereka tidak mengetahui. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, dapatkan menunjukkan bahawa hanya 22.22% dari mereka sahaja yang mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya dalam mazhab berbanding dengan 66.67% yang tidak mengetahui dan selebihnya tidak memberikan jawapan. Dapatkan ini membuktikan bahawa aliran pengetahuan telah mempengaruhi tahap pengetahuan wakil dengan *khilaf-khilaf* yang terdapat dalam mazhab itu sendiri.

Soalan keempat, menyentuh kepada keharusan mengikut atau beramat dengan pandangan-pandangan yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi’ī*. Dapatkan menunjukkan bahawa 62.5% dari aliran Menengah Agama mengatakan boleh berbanding

dengan 37.5% yang mengatakan tidak. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa hanya 33.33% sahaja yang membolehkan berbanding dengan 33.33% yang tidak membolehkan dan selebihnya tidak memberikan jawapan. Data ini menunjukkan bahawa pengetahuan wakil dari aliran Menengah Agama kepada permasalahan adalah lebih baik dan ini membuktikan bahawa aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi wakil dengan soalan yang ditujukan.

Melihat kepada mentaklid mazhab fiqh yang lain, dapatan menunjukkan bahawa separuh dari aliran Menengah Agama mengatakan boleh berbanding dengan separuh lagi yang mengatakan tidak. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa hanya 11.11% sahaja yang membolehkan berbanding dengan 44.44% yang mengatakan tidak dan tidak memberikan jawapan. Dapatan ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan wakil dari aliran Menengah Agama dengan soalan kajian adalah lebih baik dan sekaligus ini membuktikan bahawa aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan wakil.

Melihat kepada sebab-sebab yang dinyatakan oleh wakil tentang mentaklid mazhab, dapatan menunjukkan bahawa 12.5% wakil dari aliran Menengah Agama membolehkannya jika terdapat jalan buntu dan jika mengetahui. Manakala 12.5% lagi mengatakan bahawa mereka tidak mengetahui mazhab yang lain dan kerana beramal dengan mazhab Imam *al-Syāfi‘ī*. Selebihnya dari aliran Menengah Kebangsaan tidak memberikan jawapan. Wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa 22.22% mengatakan tidak mengetahui mazhab-mazhab yang lain berbanding dengan

masing-masing 11.11% yang mengatakan kerana beramal dengan mazhab Imam *al-Syāfiī*, tidak sesuai dengan suasana dan kurang pasti. Baki dari mereka iaitu 44.44% tidak memberikan sebarang jawapan.

Jadual 3.

	Men Keb	Pondok
1) Siapakah yg lebih berhak untuk melakukan aqad		
Wali sendiri	8 (100)	9 (100)
Anda (wakil)	- (-)	- (-)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
2) Adakah wakil bertanya kpd <i>muwakkil</i> sebab-sebab mereka berwakil		
Ya	5 (62.5)	3 (33.33)
Tidak	3 (37.5)	6 (66.67)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
3) Sebab-sebab yg diberikan oleh <i>muwakkil</i>		
Gementar, tidak yakin & krg peng agama	- (-)	1 (33.33)
Tiada peng agama	1 (20)	2 (66.67)
Pakai Tok Imam	1 (20)	- (-)
Wali tidak faham & gemuruh	1 (20)	- (-)
Utk dapatkan keadaan yg lebih jelas	1 (20)	- (-)
Tiada jawapan	1 (20)	- (-)
JUMLAH	5 (100)	3 (100)
4) Adakah <i>muwakkil</i> layak berwakil sewaktu berlakunya <i>wakālah</i>		
Ya	8 (100)	7 (77.78)

Tidak	- (-)	- (-)
Kurang pasti	- (-)	1 (11.11)
Tiada jawapan	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 3 melihat kepada pandangan wakil tentang pihak lebih berhak untuk melakukan aqad. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap aliran pendidikan berpandangan bahawa wali adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Dapatan ini membuktikan bahawa aliran pendidikan tidak diterima sebagai faktor yang membezakan pengetahuan wakil dengan persoalan kajian.

Dapatan daripada soalan seterusnya menunjukkan bahawa 62.5% dari aliran Menengah Kebangsaan telah bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab mereka berwakil berbanding dengan 37.5% yang tidak bertanya. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa hanya 33.33% sahaja yang bertanya berbanding dengan 66.67% yang tidak. Dapatan ini membuktikan bahawa wakil dari aliran Menengah Kebangsaan lebih prihatin dengan persoalan dan dengan itu aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi wakil.

Soalan ke tiga pada jadual ditujukan khusus kepada wakil yang bertanyakan kepada *muwakkil* sebab berlakunya *wakālah*. Dapatan menunjukkan bahawa sebab berlakunya *wakālah* seperti yang dinyatakan oleh wakil dari aliran Menengah Kebangsaan ialah kerana wali tiada pengetahuan agama, wali tidak faham dan gemuruh,

untuk mendapatkan keadaan yang lebih jelas dan sikap wali yang mengambil mudah iaitu dengan mengatakan pakai Tuan Imam sahaja untuk melangsungkan aqad. Setiap faktor diwakili oleh 25%. Manakala jawapan yang diberikan kepada wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa 33.33% ialah kerana gementar, tidak yakin dengan diri sendiri dan kurang pengetahuan agama. Manakala baki iaitu 66.67% ialah kerana wali tiada pengetahuan agama.

Melihat kepada kelayakkan *muwakkil* untuk berwakil, dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan wakil dari aliran Menengah Kebangsaan mengatakan bahawa *muwakkil* layak berwakil sewaktu berlakunya *wakālah*. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa 77.78% dari mereka mengatakan bahawa *muwakkil* layak berwakil berbanding dengan 11.11% yang kurang pasti dan tidak memberikan jawapan. Walau bagaimanapun, hasil maklumat yang dikumpul menunjukkan bahawa wakil telah melakukan beberapa langkah untuk meyakinkan kedudukan *muwakkil* iaitu dengan memintanya bertaubat dan mengucapkan Dua Kalimah Syahadah terlebih dahulu sebelum berwakil.

Jadual 4.

	Men Keb	Pondok
1) Adakah wakil m'beri galakkan supaya <i>muwakkil</i> melakukan aqad dengan sendiri		
Ya	6 (75)	6 (66.67)
Tidak	- (-)	2 (22.22)
Tiada jawapan	1 (12.5)	1 (11.11)

Ya jika wali berpendidikan agama	1 (12.5)	- (-)
JUMLAH	8 (100)	9 (100)
2) Adakah wakil m'beri tunjuk ajar kpd <i>muwakkil</i> cara-cara melakukan aqad		
Ya	6 (75)	4 (44.44)
Tidak	2 (25)	4 (44.44)
Tiada jawapan	- (-)	1 (11.11)
JUMLAH	8 (100)	9 (99.99)
3) Faktor berlakunya <i>wakalah</i> mengikut pandangan wakil.		
Ambil jln mudah	1 (12.5)	- (-)
Gementar	- (-)	- (-)
Kurang peng agama	2 (25)	- (-)
Tiada peng agama	1 (12.5)	3 (33.33)
Gementar & tiada peng agama	- (-)	1 (11.11)
Ambil jln mudah, gementar & kurang peng agama	2 (25)	2 (22.22)
Ambil jln mudah, gementar, kurang & tiada peng agama	2 (25)	3 (33.33)
JUMLAH	8 (100)	9 (99.99)

- Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 4 melihat kepada tindakbalas wakil sewaktu diwakilkan. Dapatan menunjukkan bahawa 75% dari aliran Menengah Agama telah menggalakkan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri. Selain dari itu, terdapat 12.5% dari mereka yang telah mengambil jalan tengah iaitu dengan hanya memberikan galakkan kepada *muwakkil* yang mendapat didikan agama sahaja. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa jumlah mereka yang telah memberi galakkan berjumlah 66.67% berbanding dengan 22.22% yang tidak. Baki dari

mereka tidak memberikan jawapan. Dapatan ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan turut memberi kesan di mana peratus wakil dari aliran Menengah Agama yang memberikan galakkan supaya *muwakkil* melakukan aqad dengan sendiri adalah lebih tinggi berbanding dengan aliran Pondok. Oleh itu aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi wakil terhadap soalan yang dikemukakan.

Soalan kedua pada jadual pula adalah merupakan rentetan kepada soalan sebelumnya. Soalan menjurus kepada sikap wakil samaada mereka turut memberi tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara-cara untuk melakukan aqad ataupun tidak. Dapatan menunjukkan bahawa wakil dari aliran Menengah Agama yang telah memberikan tunjukajar adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran Pondok iaitu 75% berbanding 44.44%. Dapatan ini menunjukkan bahawa aliran pendidikan diterima sebagai faktor yang mempengaruhi sikap wakil.

Soalan terakhir pada jadual melihat kepada faktor berlakunya *wakālah* mengikut pandangan wakil. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat wakil yang telah memberikan satu jawapan dan lebih dari satu jawapan. Walau bagaimanapun, secara umumnya faktor kurang dan tiada pengatahan agama adalah merupakan faktor utama berlakunya *wakālah* mengikut wakil dari aliran Menengah Agama. Faktor kedua ialah keinginan wali untuk mengambil jalan mudah dan gementar. Manakala wakil dari aliran Pondok pula, dapatan menunjukkan bahawa faktor utama berlakunya *wakālah* mengikut pandangan mereka ialah kerana *muwakkil* tiada pengetahuan agama, seterusnya diikuti oleh faktor gementar kurang pengetahuan agama dan mengambil jalan mudah.

3.0.Kehadiran ke majlis ilmu yang tidak formal.

Jadual 1.

	Selalu	Kadang-kadang
1) Pandangan wakil dgn <i>wakālah</i>		
Amat baik	- (-)	1 (50)
Baik	6 (35.29)	- (-)
Kurang baik	9 (52.94)	1 (50)
Tidak baik	1 (5.88)	- (-)
Biasa	1 (5.88)	- (50)
JUMLAH	17 (99.99)	2 (100)
2) Perasaan wakil sewaktu menerima <i>wakālah</i>		
Terpaksa terima	15 (88.24)	1 (50)
Gembira	1 (5.88)	- (-)
Menguntungkan	- (-)	- (-)
Sedih	- (-)	- (-)
Biasa	1 (5.88)	- (-)
Kurang seronok	- (-)	1 (50)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)

* Nota : Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual di atas melihat kepada pandangan wakil terhadap *wakālah*. Dapat menunjukkan bahawa wakil yang mengatakan *wakālah* adalah baik dilakukan dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian berjumlah 35.29%

berbanding dengan 52.94% yang mengatakan ianya kurang baik dilakukan. Selain itu, jadual juga menunjukkan bahawa terdapat 5.88% dari mereka yang beranggapan bahawa ianya tidak baik sama sekali dan merupakan suatu yang biasa sahaja. Manakala wakil dari kalangan mereka yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan mendapati bahawa 50% dari mereka beranggapan bahawa ianya amat baik dilakukan dan baki dari kalangan ini beranggapan bahawa ianya kurang baik dilakukan.

Melihat kepada perasaan wakil sewaktu menerima, dapatan menunjukkan bahawa 88.24% daripada kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian mengatakan bahawa terpaksa terima berbanding dengan 5.88% yang mengatakan gembira dan biasa sahaja sewaktu menerima *wakālah*. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan mendapati bahawa separuh dari mereka mengatakan terpaksa terima dan separuh lagi mengatakan bahawa kurang seronok sewaktu diwakilkan. Dapatan di atas menunjukkan bahawa wakil yang kadang-kadang mengahadiri pengajian adalah lebih memahami konsep *wakālah* yang diamalkan. Ini menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis pengajian tidak diterima sebagai faktor yang mempengaruhi wakil dengan persoalan kajian.

Jadual 2.

	Selalu	Kadang-kadang
1) Tahap penguasaan wakil dgn hukum-hukum yg bersangkutan dgn <i>wakālah</i>		
Sepenuhnya	11 (64.71)	1 (50)
Sbhg besar	2 (11.76)	1 (50)

Separuh	2 (11.76)	- (-)
Sedikit	1 (5.88)	- (-)
Tiada jawapan	1 (5.88)	- (-)
JUMLAH	17 (99.99)	2 (100)
2) Adakah pengetahuan wakil hanya khusus dalam mazhab <i>Imam al-Syāfi'i</i> ? shj		
Ya	16 (94.12)	2 (100)
Tidak	- (-)	- (-)
Tiada jawapan	1 (5.88)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)
3) Adakah wakil mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yg terdapat dlm mazhab <i>Imam al-Syāfi'i</i>		
Ya	5 (29.41)	2 (100)
Tidak	11 (64.71)	- (-)
Tiada jawapan	1 (5.88)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)
4) Adakah dibolehkan beramal dgn pandangan kedua ketiga dan seterusnya yg terdapat dlm mazhab <i>Imam al-Syāfi'i</i> ?		
Ya	8 (47.06)	2 (100)
Tidak	6 (35.29)	- (-)
Tiada jawapan	3 (17.65)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)
6) Adakah dibolehkan untuk bertaklid kepada mazhab-mazhab fiqh yg lain		
Ya	3 (17.65)	2 (100)
Tidak	10 (58.82)	- (-)
Tiada jawapan	4 (23.53)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 2 melihat kepada tahap penguasaan wakil dengan hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*. Dapatkan mendapati bahawa 64.71% dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian menguasai sepenuhnya berbanding dengan 11.76% yang mengetahui sebahagian besar dan separuh daripadanya. Selain itu, jadual juga menunjukkan bahawa terdapat 5.88% dari mereka yang hanya mengetahui sedikit sahaja dari hukum-hukum terbabit dan baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatkan menunjukkan bahawa separuh dari mereka mengetahui sepenuhnya dan separuh lagi mengetahui sebahagian besar dari hukum-hukum terbabit. Dapatkan ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan wakil dari kalangan mereka yang kadang-kadang menghadiri pengajian adalah lebih baik berbanding dengan yang selalu menghadiri pengajian. Ini menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis pengajian ilmu tidak mempengaruhi tahap penguasaan wakil dengan hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*.

Soalan kedua pada jadual di atas menunjukkan bahawa kesemua wakil dari tahap kehadiran kadang-kadang menghadiri pengajian mengatakan hanya mengetahui mazhab *Imam al-Syāfi’ī* sahaja. Manakala wakil yang selalu menghadiri pengajian pula, dapatkan mendapati bahawa 94.12% mengatakan mengetahui hanya dalam mazhab *Imam al-Syāfi’ī* dan baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Dapatkan ini menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis ilmu ditolak dan tidak diterima sebagai faktor yang mempengaruhi wakil dengan persoalan kajian.

Soalan ketiga pada jadual adalah merupakan kesinambungan kepada soalan sebelumnya. Soalan menyentuh kepada tahap pengetahuan wakil dengan mazhab *Imam al-Syāfi'i* itu sendiri. Dapatkan menunjukkan bahawa hanya 29.41% dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian mengatakan mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i* berbanding 64.71% yang sebaliknya dan baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab. Dapatkan ini menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis pengajian tidak mempengaruhi tahap pengetahuan wakil dengan soalan yang dikemukakan dan sekaligus faktor ini ditolak.

Soalan seterusnya melihat kepada pandangan wakil tentang keharusan beramal dengan pandangan-pandangan yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i*. Hasil kajian menunjukkan bahawa 47.06% dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian mengatakan bahawa boleh berbanding dengan 35.29% yang mengatakan tidak. Baki dari mereka tidak memberikan jawapan. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian, dapatkan mendapati bahawa kesemua mereka berpandangan bahawa dibolehkan untuk beramal dengan pandangan kedua, ketiga dan seterusnya. Dapatkan ini membuktikan bahawa kehadiran ke majlis pengajian secara tidak formal tidak mempengaruhi pandangan wakil dengan persoalan yang diajukan.

Soalan terakhir pada jadual menyentuh kepada hukum mentaklid mazhab. Dapatan menunjukkan bahawa 17.65% dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian berpandangan bahawa boleh mentaklid mazhab fiqh yang lain berbanding dengan 58.82% yang tidak membolehkannya. Manakala baki dari mereka iaitu 23.53% tidak memberikan jawapan. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan mendapati kesemua mereka mengatakan boleh untuk mentaklid mazhab-mazhab fiqh yang ada. Dapatan ini membuktikan bahawa kehadiran ke majlis pengajian tidak formal tidak mempengaruhi tahap pengetahuan wakil dengan soalan kajian.

Jadual 3

	Selalu	Kadang-kadang
1) Siapakah yang lebih berhak untuk melakukan aqad		
Wali sendiri	17 (100)	2 (100)
Anda	- (-)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)
2) Adakah wakil bertanya kpd <i>muwakkil</i> sebab-sebab mereka berwakil		
Ya	6 (35.29)	2 (100)
Tidak	11 (64.71)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)
3) Adakah <i>muwakkil</i> berhak berwakil sewaktu berlakunya <i>wakālah</i>		
Ya	16 (94.12)	2 (100)
Tidak	- (-)	- (-)
Kurang pasti	1 (5.88)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)

- Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Melihat kepada pandangan wakil tentang pihak yang lebih berhak untuk melakukan aqad, didapati bahawa kesemua mereka dari kedua-dua tahap kehadiran ke majlis ilmu berpandangan bahawa wali atau *muwakkil* adalah lebih berhak. Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mereka adalah tinggi dan sama rata, sekaligus menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis ilmu tidak mempengaruhi kepada tahap pengetahuan mereka dengan soalan yang ditujukan.

Soalan kedua pada jadual menyentuh tentang sikap wakil sewaktu menerima *wakālah*. Dapatan menunjukkan bahawa 35.29% dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian telahpun bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab berwakil berbanding dengan 64.71% yang tidak. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan mendapati bahawa kesemua mereka telah bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab berwakil. Ini menunjukkan bahawa wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian lebih prihatin dengan permasalahan dan keadaan *muwakkil*. Dengan itu, faktor ini ditolak dan tidak diterima sebagai faktor yang mempengaruhi wakil.

Sewaktu *wakālah* berlaku, 94.12% wakil yang selalu menghadiri pengajian berpandangan bahawa *muwakkil* layak untuk berwakil berbanding dengan 5.88% yang kurang pasti dengan kedudukan dan kelayakkan *muwakkil*. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan menunjukkan kesemua mereka berpandangan bahawa *muwakkil* layak berwakil. Walaupun begitu, wakil yang kurang

yakin dengan kedudukan *muwakkil* telah mengambil beberapa langkah untuk meyakinkannya dengan kedudukan *muwakkil* seperti memintanya bertaubat dan mengulangi Dua Kalimah Syahadah.

Jadual 4

	Selalu	Kadang-kadang
1) Adakah wakil memberi galakan supaya <i>muwakkil</i> melakukan aqad dengan sendiri		
Ya	14 (82.36)	1 (50)
Ya jika wali berpendidikan agama	1 (5.88)	- (-)
Tidak	2 (11.76)	- (-)
Tiada jawapan	- (-)	1 (50)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)
2) Adakah wakil memberi tunjuk ajar kpd <i>muwakkil</i> cara-cara melakukan aqad		
Ya	11 (64.71)	1 (50)
Tidak	6 (35.29)	1 (50)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)
3) Adakah dibolehkan kepada <i>muwakkil</i> untuk menghadiri majlis aqad perkahwinan		
Ya	16 (94.12)	2 (100)
Tidak	1 (5.88)	- (-)
JUMLAH	17 (100)	2 (100)

* Nota: Angka tanpa kurungan menunjukkan bilangan wakil dan angka dalam kurungan menunjukkan peratus.

Soalan pertama pada jadual 4 melihat kepada tindakan seterusnya dari wakil sewaktu diwakilkan. Dapatkan mendapati bahawa 82.36% dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian telah memberikan galakan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan 11.76% yang tidak dan baki dari

mereka tidak memberikan jawapan. Manakala wakil yang kadang-kadang mengahadiri pengajian pula, dapatan menunjukkan bahawa separuh dari mereka telah memberikan galakkan dan bakinya tidak memberikan jawapan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kehadiran wakil ke majlis ilmu secara tidak formal diterima sebagai faktor yang telah mempengaruhi mereka dengan soalan yang dikemukakan.

Soalan kedua adalah merupakan kesinambungan kepada soalan sebelum ini, di mana soalan menyentuh tentang tunjuk ajar oleh wakil cara-cara untuk melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan mendapati bahawa 64.71% dari kalangan wakil yang selalu menghadiri pengajian telah memberikan tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara-cara untuk melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan 35.29% yang sebaliknya. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan mendapati bahawa separuh dari mereka telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada *muwakkil* dan separuh lagi tidak. Fakta ini menunjukkan bahawa wakil yang selalu menghadiri pengajian lebih mengambil berat dengan permasalahan dan faktor kehadiran ke majlis ilmu tidak formal diterima sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi pengamalan wakil.

Soalan terakhir menyentuh pandangan wakil tentang kehadiran *muwakkil* atau wali perempuan ke majlis aqad nikah yang berlangsung. Dengan ertikata yang lain, adakah dibolehkan kepada *muwakkil* untuk menghadiri upacara aqad yang dilangsungkan oleh wakil. Dapatan mendapati bahawa 94.12% dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian pengatakan bahawa dibolehkan kepada *muwakkil* atau wali untuk

menghadiri upacara aqad yang sedang berlangsung berbanding dengan 5.88% yang mengatakan tidak. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatkan mendapati bahawa kesemua mereka berpandangan bahawa dibolehkan kepada *muwakkil* atau wali untuk menghadiri upacara aqad yang berlangsung. Dapatan ini membuktikan bahawa faktor ini ditolak ~~dan~~ tidak diterima sebagai faktor yang mempengaruhi pengetahuan wakil dengan persoalan yang diajukan.

* * *